



Draf

RANCANGAN TEMPATAN DAERAH PERAK TENGAH **2030**

JILID 1: STRATEGI PEMBANGUNAN

STRATEGI PEMBANGUNAN

Disediakan Mengikut Peruntukan Sub Seksyen 12 (1)
Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (AKTA 172)

Disediakan Oleh:



Majlis Daerah Perak Tengah



Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Perak Darul Ridzuan



Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia





ISI KANDUNGAN

		Mukasurat
	Isi Kandungan	<i>i</i>
	Senarai Rajah	<i>iii</i>
	Senarai Jadual	<i>vi</i>
1.0	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1-1
1.2	Keperluan Penyediaan RTD Perak Tengah 2030	1-2
1.3	Proses Penyediaan RTD Perak Tengah 2030	1-3
1.4	Kandungan RTD Perak Tengah 2030	1-4
1.5	Latar Belakang Kawasan RTD Perak Tengah 2030	1-5
1.6	Blok Perancangan	1-15
1.7	Rumusan Isu, Masalah Dan Potensi Pembangunan Daerah	1-17
2.0	WAWASAN DAN STRATEGI PEMBANGUNAN	
2.1	Pengenalan	2-1
2.2	Wawasan Pembangunan	2-1
2.3	Konsep Pembangunan Daerah Perak Tengah	2-2
2.4	Arah Pembangunan Spatial Dan Tekanan Pembangunan	2-4
2.5	Halatuju Dan Strategi Pembangunan	2-5
3.0	HALATUJU 1 : PEMBANGUNAN EKONOMI HIJAU YANG PROGRESIF DAN BERDAYA SAING	
3.1	Strategi 1.1 : Pengukuhan Aktiviti Komersial Mengikut Fungsi Dan Hierarki Pusat Petempatan	3-1
3.2	Strategi 1.2 : Pengukuhan Aktiviti Industri Melalui Pemusatan Dan Penyerakan Kelompok Industri Yang Berpotensi	3-13
3.3	Strategi 1.3 : Pemodenan Aktiviti Pertanian Melalui Pengusahaan Tanah Secara Perladangan	3-21
3.4	Strategi 1.4 : Pengukuhan Aktiviti Pelancongan Berdasarkan Sumber Rekreasi	3-39
3.5	Strategi 1.5 : Pengukuhan Aktiviti Pelancongan Berdasarkan Sumber Sejarah Dan Budaya	3-46
4.0	HALATUJU 2 : KE ARAH MEWUJUDKAN MASYARAKAT SEJAHTERA	
4.1	Strategi 2.1 : Penyediaan Kediaman Yang Selesa, Selamat Dan Mampu Milik Kepada Penduduk Bandar Dan Luar Bandar	4-2
4.2	Strategi 2.2 : Menghadkan Pembangunan Perumahan Di Dalam Kawasan Berpotensi Dan Dalam Sempadan Bandar	4-5
4.3	Strategi 2.3 : Penyediaan Kemudahan Kemasyarakatan Yang Mencukupi	4-7
4.4	Strategi 2.4 : Penyediaan Kemudahan Kawasan Lapang Dan Rekreasi Yang Mencukupi	4-26
5.0	HALATUJU 3 : PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR, UTILITI, PENGANGKUTAN SERTA PERHUBUNGAN YANG MENYELURUH DAN BERDAYA TAHAN	
5.1	Strategi 3.1 : Mengurangkan Kesan Dan Risiko Banjir	5-1
5.2	Strategi 3.2 : Menyediakan Liputan Perkhidmatan Utiliti Yang Menyeluruh Dan Berkesan	5-19
5.3	Strategi 3.3 : Mewujudkan Pembangunan Persekitaran Yang Inklusif	5-26

5.4	Strategi 3.4 : Meningkatkan Tahap Aksesibiliti Antara Kawasan	5-31
5.5	Strategi 3.5 : Mewujudkan Perkhidmatan Pengangkutan Awam Yang Efisien	5-39
5.6	Strategi 3.6 : Meningkatkan Keselamatan Pengguna Jalanraya	5-40
6.0	HALATUJU 4 : MENONJOLKAN BANDAR DAN PUSAT PETEMPATAN BERCIRIKAN TEMPATAN	
6.1	Strategi 4.1 : Memperkasakan Imej Dan Pengindahan Bandar Serta Pusat Petempatan	6-1
7.0	HALATUJU 5 : PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN ALAM SEKITAR	
7.1	Strategi 5.1 : Kawalan, Pencegahan Dan Peningkatan Kualiti Air Di Lembangan Sg. Perak Secara Menyeluruh Berkonsepkan <i>Integrated River Basin Management</i> (IRBM)	7-1
7.2	Strategi 5.2 : Melindungi, Memelihara Dan Memulihara Populasi Dan Habitat Tuntung (<i>Batagur Baska</i>) Bagi Mengelakkan Kepupusan	7-3
7.3	Strategi 5.3 : Pengurusan Kawasan KSAS Yang Efektif	7-5
8.0	CADANGAN PEMBANGUNAN GUNA TANAH 2030	
8.1	Cadangan Pembangunan Guna Tanah Daerah Perak Tengah 2030	8-1

SENARAI RAJAH

Mukasurat

Rajah 1.1 :	Sistem Perancangan Bandar Dan Desa Negara	1-1
Rajah 1.2 :	Proses Penyediaan RT Daerah Perak Tengah	1-3
Rajah 1.3 :	Kandungan Draf RTD Perak Tengah 2030	1-4
Rajah 1.4 :	Kawasan Rancangan Tempatan Daerah Perak Tengah 2030	1-6
Rajah 1.5 :	Sempadan Mukim Daerah Perak Tengah	1-7
Rajah 1.6 :	Guna Tanah Semasa 2015 Daerah Perak Tengah	1-9
Rajah 1.7 :	Rangkaian Jalanraya 2015 Daerah Perak Tengah	1-12
Rajah 1.8 :	Hierarki Pusat Petempatan Daerah Perak Tengah	1-14
Rajah 1.9 :	Blok Perancangan Kajian RTD Perak Tengah 2030	1-16
Rajah 2.1 :	Konsep Pembangunan Berpusat Daerah Perak Tengah	2-3
Rajah 3.1 :	Cadangan Pembangunan Komersial Pekan Parit Daerah Perak Tengah	3-2
Rajah 3.2 :	Cadangan Pembangunan Komersial Pekan Bota Kanan Daerah Perak Tengah	3-4
Rajah 3.3 :	Cadangan Pembangunan Komersial Bandar Seri Iskandar Daerah Perak Tengah	3-6
Rajah 3.4 :	Cadangan Pembangunan Komersial Bandar Seri Iskandar Daerah Perak Tengah	3-8
Rajah 3.5 :	Cadangan Pembangunan Komersial Pekan Kampung Gajah Daerah Perak Tengah	3-10
Rajah 3.6 :	Cadangan Pembangunan Komersial Bandar Baru Seberang Perak Daerah Perak Tengah	3-12
Rajah 3.7 :	Cadangan Pembangunan Industri Bandar Seri Iskandar Daerah Perak Tengah	3-14
Rajah 3.8 :	Cadangan Pembangunan Industri Bandar Seri Iskandar Daerah Perak Tengah	3-16
Rajah 3.9 :	Cadangan Pembangunan Industri Kampung Gajah Daerah Perak Tengah	3-18
Rajah 3.10 :	Cadangan Pembangunan Industri Changkat Chermin Daerah Perak Tengah	3-20
Rajah 3.11 :	Cadangan Pembangunan Tanaman Getah Daerah Perak Tengah	3-22
Rajah 3.12 :	Cadangan Pembangunan Tanaman Kelapa Sawit Daerah Perak Tengah	3-24
Rajah 3.13 :	Cadangan Pembangunan Tanaman Padi Daerah Perak Tengah	3-26
Rajah 3.14 :	Cadangan Pembangunan Tanaman Buah-Buahan, Sayur-Sayuran Dan Lain-Lain Daerah Perak Tengah	3-28
Rajah 3.15 :	Cadangan Pembangunan Tanah Pertanian Terbiar Daerah Perak Tengah	3-30
Rajah 3.16 :	Cadangan Pembangunan Penternakan Daerah Perak Tengah	3-32
Rajah 3.17 :	Cadangan Pembangunan Ternakan Ayam Daerah Perak Tengah	3-34
Rajah 3.18 :	Cadangan Pembangunan Perikanan Daerah Perak Tengah	3-36
Rajah 3.19 :	Cadangan Pembangunan Industri Asas Tani Daerah Perak Tengah	3-38
Rajah 3.20 :	Pelan Aktiviti Pelancongan Berdasarkan Sumber Rekreasi	3-45
Rajah 3.21 :	Pelan Aktiviti Pembangunan Pelancongan Berdasarkan Sumber Sejarah Dan Budaya	3-49
Rajah 4.1 :	Cadangan Perumahan Mampu Milik Daerah Perak Tengah	4-4
Rajah 4.2 :	Cadangan Tumpuan Pembangunan Perumahan Baru Daerah Perak Tengah	4-6
Rajah 4.3 :	Cadangan Kemudahan Pendidikan Daerah Perak Tengah	4-9
Rajah 4.4 :	Cadangan Kemudahan Kesihatan Dan Naiktaraf Kemudahan Kesihatan Daerah Perak Tengah	4-11
Rajah 4.5 :	Cadangan Kemudahan Keselamatan – Polis Daerah Perak Tengah	4-14

SENARAI RAJAH

Mukasurat

Rajah 4.6 :	Cadangan Kemudahan Keselamatan - Bomba dan Penyelamat Daerah Perak Tengah	4-15
Rajah 4.7 :	Cadangan Kemudahan Komuniti Daerah Perak Tengah	4-17
Rajah 4.8 :	Cadangan Kemudahan Kebajikan Daerah Perak Tengah	4-18
Rajah 4.9 :	Pelan Cadangan Institusi Dan Kemudahan Masyarakat Daerah Perak Tengah	4-19
Rajah 4.10 :	Cadangan Penyediaan Kemudahan Di Pusat Petempatan Desa Yang Ditentukan	4-21
Rajah 4.11 :	Cadangan Penyediaan Kemudahan Di Pusat Petempatan Desa Yang Ditentukan	4-22
Rajah 4.12 :	Cadangan Penyediaan Kemudahan Di Pusat Petempatan Desa Yang Ditentukan	4-23
Rajah 4.13 :	Cadangan Penyediaan Kemudahan Di Pusat Petempatan Desa Yang Ditentukan	4-24
Rajah 4.14 :	Cadangan Dewan Serbaguna Dan Dewan Orang Ramai	4-25
Rajah 4.15 :	Cadangan Taman Bandaran	4-27
Rajah 4.16 :	Cadangan Taman Tempatan	4-28
Rajah 4.17 :	Cadangan Taman Kejiranan	4-30
Rajah 4.18 :	Cadangan Taman Kejiranan	4-31
Rajah 4.19 :	Cadangan Padang Permainan	4-33
Rajah 4.20 :	Cadangan Padang Permainan	4-34
Rajah 4.21 :	Cadangan Lot Permainan	4-38
Rajah 4.22 :	Cadangan Lot Permainan	4-39
Rajah 4.23 :	Cadangan Lot Permainan	4-40
Rajah 4.24 :	Cadangan Lot Permainan	4-41
Rajah 4.25 :	Pelan Cadangan Kawasan Lapang Dan Rekreasi Daerah Perak Tengah	4-42
Rajah 5.1 :	Pelan Cadangan Mewujudkan Zon Penampakan Banjir Sungai Perak Daerah Perak Tengah	5-2
Rajah 5.2 :	Program Pengekalan Dan Penyelenggaraan Sungai-Sungai Kritikal Banjir Dan <i>Main Trunk</i> kawasan Tadahan Bermasalah Daerah Perak Tengah	5-4
Rajah 5.3 :	Pembinaan Longkang Monsun Sambungan Dan Pembangunan Outlet Di Kampung Gajah Daerah Perak Tengah	5-6
Rajah 5.4 :	Pembangunan Semula, Baik Pulih, Naik Taraf Dan Penyelenggaraan Sungai Parit, BP1 Belanja Daerah Perak Tengah	5-8
Rajah 5.5 :	Pembinaan Rangkaian Longkang Monsun Outlet Pekan Bota Kanan, BP3 Bota Daerah Perak Tengah	5-10
Rajah 5.6 :	Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam (MSMA) Daerah Perak Tengah	5-12
Rajah 5.7 :	Cadangan Kolam Takungan Bandar Seri Iskandar Dan Kampung Gajah Daerah Perak Tengah	5-14
Rajah 5.8 :	Menguruskan Air Hujan Ribut (Stormwater) Melalui Kaedah Kawalan Dari Punca (Control At Source)	5-16
Rajah 5.9 :	Pengurusan Banjir Melalui Kaedah Pentadbiran Dan Non-Structural	5-18
Rajah 5.10 :	Cadangan Loji Rawatan Air Baru Kg. Kuala Parit, BP6 Pulau Tiga Daerah Perak Tengah	5-20
Rajah 5.11 :	Cadangan Penggantian Dan Naik Taraf Rangkaian Paip Agihan Air Bersih Daerah Perak Tengah	5-22
Rajah 5.12 :	Cadangan Pencawang Masuk Utama (PMU) Di Bandar Seri Iskandar, BP3 Bota Daerah Perak Tengah	5-24
Rajah 5.13 :	Cadangan Pencawang Masuk Utama (PMU) Di Kampong Gajah, BP7 Kampong Gajah Daerah Perak Tengah	5-25
Rajah 5.14 :	Cadangan Kajian Kawasan Tadahan Pembedungan Daerah Perak Tengah	5-27
Rajah 5.15 :	Cadangan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal, BP 6 Pulau Tiga Daerah Perak Tengah	5-30
Rajah 5.16 :	Cadangan Jalan Baru, Laluan Rel Dan Lapangan Terbang	5-32
Rajah 5.17 :	Cadangan Pembinaan Jalan Baru Dan Menaiktaraf Jalan Sedia Ada	5-34

SENARAI RAJAH

Mukasurat

Rajah 5.18 :	Cadangan Pembinaan Jambatan Menghubungkan Lambor Kanan Dan Lambor Kiri	5-36
Rajah 5.19 :	Cadangan Pembinaan Jalan Penghubung Kawasan Luar Bandar Daerah Perak Tengah	5-38
Rajah 6.1 :	Pelan Cadangan Menaiktaraf Imej Dan Rekabentuk Bandar Di Seri Iskandar BP3 Bota	6-3
Rajah 6.2 :	Pelan Cadangan Menaiktaraf Imej Dan Rekabentuk Bandar Di Kampong Gajah BP7 Kampong Gajah.	6-5
Rajah 6.3 :	Pelan Cadangan Menaiktaraf Imej Dan Rekabentuk Bandar Di Pekan Parit BP1 Belanja.	6-7
Rajah 6.4 :	Pelan Cadangan Menaiktaraf Imej Dan Rekabentuk Bandar Di Bota Kanan BP3 Bota.	6-9
Rajah 6.5 :	Pelan Cadangan Menaiktaraf Imej Dan Rekabentuk Bandar Di Titi Gantung BP3 Bota.	6-11
Rajah 6.6 :	Pelan Cadangan Menaiktaraf Imej Dan Rekabentuk Bandar Di Bandar Baru Seberang Perak BP9 Pasir Salak.	6-13
Rajah 6.7 :	Pelan Cadangan Menaiktaraf Imej Dan Rekabentuk Bandar Di Lambor Kanan BP4 Lambor Kanan.	6-15
Rajah 7.1 :	Lembangan Sungai Seluang Dan Sungai Tumboh	7-2
Rajah 7.2 :	Kawalan Pembangunan Di Tepi Sungai Perak Di Bota Kanan	7-4
Rajah 7.3 :	Pengurusan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)	7-6
Rajah 8.1 :	Cadangan Komposisi Gunatanah Tepubina Dan Bukan Tepubina 2030	8-1

SENARAI JADUAL

Mukasurat

Jadual 1.1 :	Senarai Mukim Dan Keluasan Di Daerah Perak Tengah	1-5
Jadual 1.2 :	Guna Tanah Semasa Kawasan RTD Perak Tengah 2030	1-8
Jadual 1.3 :	Taburan Penduduk Mengikut Mukim / Blok Perancangan, 2010 Dan 2012	1-10
Jadual 1.4 :	Unjuran Penduduk Daerah Perak Tengah Mengikut Mukim 2015 – 2030	1-10
Jadual 1.5 :	Daftar Jalan Daerah Perak Tengah 2015	1-11
Jadual 1.6 :	Hierarki Pusat Petempatan Daerah Perak Tengah	1-13
Jadual 1.7 :	Pembahagian Blok Perancangan Bagi Kajian RTD Perak Tengah 2030	1-15
Jadual 2.1 :	Hierarki Dan Fungsi Pusat Petempatan Daerah Perak Tengah	2-2
Jadual 4.1 :	Piawaian Saiz Tanah Dan Ruang Lantai Perumahan Bertanah	4-2
Jadual 4.2 :	Jumlah Perumahan Sedia Ada Dan Komited, 2015	4-4
Jadual 4.3 :	Unjuran Stok Perumahan Sehingga Tahun 2030	4-4
Jadual 4.4 :	Unjuran Cadangan Keperluan Tanah Bagi Kemudahan Masyarakat Sehingga Tahun 2030	4-7
Jadual 4.5 :	Komponen Kemudahan Di Pusat Petempatan Desa Sedia Ada Dan Cadangan	4-20
Jadual 6.1 :	Fungsi Bandar Dan Pekan Utama Dalam Daerah Perak Tengah	6-16
Jadual 6.2 :	Panduan Peningkatan Identiti Bandar	6-17
Jadual 6.3 :	Panduan Senibina Bangunan	6-19
Jadual 8.1 :	Cadangan Pembangunan Guna Tanah Daerah Perak Tengah Tahun 2030 (Hektar)	8-1
Jadual 8.2 :	Pelan Guna Tanah Cadangan 2030 Daerah Perak Tengah	8-2




1.0 PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Penyediaan Rancangan Tempatan Daerah (RTD) adalah berdasarkan kepada Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172). Subseksyen 12(2) akta tersebut, telah memperuntukkan bahawa Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) hendaklah menyediakan RTD bagi keseluruhan kawasannya dengan segera sekiranya Rancangan Struktur Negeri tersebut telah berkuatkuasa.


RTD merupakan dokumen perancangan dan pembangunan guna tanah dan fizikal bagi keseluruhan daerah dan ia disediakan dengan mengambil kira dasar dan strategi Rancangan Fizikal Negara, Rancangan Struktur Negeri, Rancangan Tempatan Daerah terdahulu dan bersempadanan serta dasar-dasar semasa peringkat persekutuan, negeri dan tempatan.

Rajah 1.1 : Sistem Perancangan Bandar Dan Desa Negara



Sumber : Manual Rancangan Tempatan (Rancangan Tempatan Penggantian Dan Pengubahan) 2013.

Di dalam konteks penyediaan Rancangan Tempatan Daerah Perak Tengah 2030 (RTD Perak Tengah 2030), ia merupakan penyediaan dokumen perancangan dan pembangunan guna tanah dan fizikal terperinci seluruh Daerah Perak Tengah sehingga ke tahun perancangan 2030 bagi menggantikan RTD Perak Tengah 2002-2015 yang telah tamat tempoh. Ia juga merupakan dokumen yang akan menterjemahkan dasar-dasar dan cadangan-cadangan yang terdapat di dalam rancangan pembangunan sedia ada dan terdahulu.



1.2 KEPERLUAN PENYEDIAAN RTD PERAK TENGAH 2030


RTD Perak Tengah 2030 disediakan untuk memenuhi keperluan berikut :

- i. Keperluan untuk menyediakan satu dokumen perancangan dan pembangunan terkini bagi Daerah Perak Tengah selepas Rancangan Tempatan Daerah sedia ada yang akan tamat tempoh perancangan pada tahun 2015.
- ii. Memenuhi keperluan Perundangan yang diperuntukkan di bawah Seksyen 12 Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172).
- iii. Menyemak atau mengkaji semula Rancangan Tempatan terdahulu untuk menyesuaikannya dengan senario pembangunan masa kini dan perubahan dasar-dasar di peringkat negeri dan negara.
- iv. Mengenalpasti potensi, peluang-peluang dan projek-projek pembangunan baru bagi manfaat keseluruhan kawasan Daerah Perak Tengah.
- v. Sebagai panduan untuk menyelaras pembangunan dan pengagihan sumber semulajadi secara berkesan dan mampan serta untuk memastikan keseimbangan pembangunan kawasan-kawasan bandar dan luar bandar.

1.3 PROSES PENYEDIAAN RTD PERAK TENGAH 2030

Proses penyediaan RTD Perak Tengah 2030 melibatkan empat (4) peringkat iaitu peringkat mobilisasi, peringkat penyediaan Draft Rancangan Tempatan, peringkat publisiti dan bantahan awam serta peringkat kelulusan dan pewartaan.

Rajah 1.2 : Proses Penyediaan RT Daerah Perak Tengah




Sumber : Manual Rancangan Tempatan (Rancangan Tempatan Penggantian Dan Pengubahan) 2013.

1.4 KANDUNGAN RTD PERAK TENGAH 2030

Laporan draf RTD Perak Tengah 2030 terdiri daripada 3 jilid seperti **Rajah 1.3** di bawah.

Rajah 1.3 : Kandungan Draf RTD Perak Tengah 2030



Sumber : Kajian Rancangan Tempatan Daerah Perak Tengah 2015.

1.5 LATAR BELAKANG KAWASAN RTD PERAK TENGAH 2030

1.5.1 PROFIL KAWASAN KAJIAN

Majlis Daerah Perak Tengah telah ditubuhkan pada 1 Disember 1979 iaitu setelah diluluskan penubuhannya oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 20 November 1979. Penubuhan Majlis Daerah Perak Tengah ini selaras dengan penyusunan semula penguasa-penguasa tempatan di seluruh Malaysia.

Kawasan Rancangan Tempatan Daerah Perak Tengah (RTD Perak Tengah) meliputi keseluruhan daerah dengan kawasan seluas 127,946 hektar. Ia mewakili sebanyak 6.1% daripada keseluruhan Negeri Perak. Kawasan kajian terletak di tengah-tengah Negeri Perak Darul Ridzuan dan disempadani oleh Daerah Kuala Kangsar di sebelah utara, Daerah Kinta, Kampar dan Batang Padang di sebelah timur, Daerah Hilir Perak di bahagian selatan dan Daerah Manjung di bahagian barat (Rujuk **Rajah 1.4**).


Daerah Perak Tengah berbentuk memanjang dari utara ke selatan dengan Sungai Perak berada di bahagian tengah. Ini menjadikan Daerah Perak Tengah terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian kanan dan bahagian kiri. Selain daripada Sungai Perak, daerah ini juga dialiri oleh tiga (3) anak sungai utama iaitu Sungai Kinta, Sungai Tumbuh dan Sungai Pelus. Dari segi bentuk muka bumi pula, kira-kira 80% dari kawasan Daerah Perak Tengah adalah merupakan kawasan tanah rata dan rendah.

Daerah Perak Tengah secara amnya meliputi 12 buah mukim (Rujuk **Jadual 1.1** dan **Rajah 1.5**).

Jadual 1.1 : Senarai Mukim Dan Keluasan Di Daerah Perak Tengah

BIL.	MUKIM	LUAS (HEKTAR)	PERATUS (%)
1.	Belanja	22,274	17.40
2.	Layang-Layang	6,475	5.06
3.	Bota	17,094	13.37
4.	Lambor Kanan	4,921	3.85
5.	Lambor Kiri	5,180	4.05
6.	Pulau Tiga	13,727	10.73
7.	Kampong Gajah	5,957	4.65
8.	Pasir Panjang Hulu	11,914	9.32
9.	Pasir Salak	10,878	8.50
10.	Bandar	6,216	4.85
11.	Kota Setia	8,288	6.48
12.	Jaya Baru	15,022	11.74
JUMLAH KELUASAN		127,946	100.00

Sumber : Kajian Rancangan Tempatan Daerah Perak Tengah 2015.



TANPA SKALA

RANCANGAN TEMPATAN



RAJAH 1.4
 KAWASAN RANCANGAN TEMPATAN
 DAERAH PERAK TENGAH 2030

Petunjuk :

- Kawasan Kajian
- Laut Selat Melaka


Lain-Lain

- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Sempadan Kawasan Kajian



Sumber : Kajian Rancangan Tempatan
 Daerah Perak Tengah 2030







SKALA 1 : 250,000

RANCANGAN TEMPATAN

RAJAH 1.5 SEMPADAN MUKIM DAERAH PERAK TENGAH

Petunjuk :

-  Badan Air
-  Jalan Raya
-  Sempadan Blok Perancangan / Mukim
-  Sempadan Daerah



PELAN LOKASI
TANPA SKALA



Sumber : Kajian Rancangan Tempatan
Daerah Perak Tengah 2030



1.5.2 PROFIL GUNA TANAH SEMASA 2015


Komposisi guna tanah terbesar adalah terdiri daripada kawasan guna tanah bukan tepubina iaitu guna tanah hutan, pertanian, badan air dan tanah kosong. Kawasan bukan tepubina adalah keluasan seluas 121,746.59 hektar (95.15%) manakala kawasan tepubina adalah seluas 6,199.41 hektar (4.85%).

Jadual 1.2 : Guna Tanah Semasa Kawasan RTD Perak Tengah 2030

GUNA TANAH	LUAS (HEKTAR)	PERATUS (%)
TEPUBINA		
Perumahan	813.03	0.64
Komersial	151.38	0.12
Industri	257.73	0.20
Pembangunan Bercampur	0.37	0.00
Institusi Dan Kemudahan Masyarakat	1,799.70	1.41
Tanah Lapang Dan Rekreasi	193.58	0.15
Pengangkutan	2,257.10	1.76
Infrastruktur Dan Utiliti	726.52	0.57
JUMLAH	6,199.41	4.85
BUKAN TEPUBINA		
Pertanian	100,202.26	78.35
Tanah Kosong	12,855.90	10.05
Hutan	3,259.05	2.55
Badan Air	5,429.38	4.24
JUMLAH	121,746.59	95.15
JUMLAH KESELURUHAN	127,946.00	100.00

Sumber : Kajian Rancangan Tempatan Daerah Perak Tengah 2015.


Bagi kawasan bukan tepubina, sebahagian besar merupakan kawasan pertanian iaitu seluas 100,214.16 hektar (78.35%) dengan tumpuan utama di Mukim Belanja (19,307.13 hektar), Mukim Jaya Baru (14,464.29 hektar) dan Mukim Bota (12,127.39 hektar). Guna tanah kedua terbesar ialah tanah kosong dengan kawasan seluas 12,855.90 hektar (10.50%) di mana sebahagian besar adalah kawasan terbiar khususnya kawasan bekas hutan dan paya. Kawasan badan air merupakan guna tanah ketiga terbesar dengan keluasan 5,429.38 hektar (4.24%). Guna tanah hutan merangkumi kawasan seluas 3,259.05 hektar (2.55%) dengan sejumlah 1,193.82 hektar telah diwartakan iaitu Hutan Simpan Parit (952.04 hektar), Hutan Simpan Pulau Tiga (167.51 hektar) dan Hutan Simpan Kampong Gajah (74.27 hektar).



SKALA 1 : 250,000

RANCANGAN TEMPATAN

RAJAH 1.6
GUNA TANAH SEMASA 2015
DAERAH PERAK TENGAH



Petunjuk :

Perumahan

- Perumahan Terancang
- Perumahan Tidak Terancang

Perindustrian

- Perindustrian

Komersial

- Komersial

Institusi Dan Kemudahan Masyarakat

- Pendidikan
- Kesihatan
- Keagamaan
- Keselamatan
- Kegunaan Kerajaan
- Perkuburan

Tanah Lapang Dan Rekreasi

- Tanah Lapang
- Kemudahan Sukan Dan Rekreasi
- Tanah Kosong

Pengangkutan

- Jalan
- Kemudahan Pengangkutan

Infrastruktur Dan Utiliti

- Bekalan Elektrik
- Bekalan Air
- Pengairan Dan Saliran
- Telekomunikasi
- Pembetulan

Pertanian

- Pertanian

Hutan


- Hutan Darat

Badan Air

- Semulajadi

Lain-Lain

- Jalan Raya
- Sempadan Blok Perancangan / Mukim
- Sempadan Daerah



PELAN LOKASI
TANPA SKALA



Sumber : Kajian Rancangan Tempatan
Daerah Perak Tengah 2030



1.5.3 PROFIL PENDUDUK SEMASA 2015 DAN UNJURAN PENDUDUK 2030

Berdasarkan maklumat Data Asas Negeri Perak 2012, penduduk daerah ini pada tahun 2012 adalah seramai 104,300 orang, iaitu pertambahan seramai 4,446 orang bagi tempoh 2010 ke 2012. Mukim Bota mempunyai penduduk paling ramai mengikut banci 2010 iaitu seramai 43,062 orang atau 43.1% dari keseluruhan penduduk. Diikuti oleh Mukim Belanja, Pasir Salak dan Kampong Gajah masing-masing sebanyak 13.5%, 11.9% dan 7.4% daripada keseluruhan penduduk. Manakala, Mukim Jaya Baru mempunyai penduduk paling sedikit iaitu seramai 376 orang atau 0.4% dari penduduk daerah.

Jadual 1.3 : Taburan Penduduk Mengikut Mukim / Blok Perancangan, 2010 Dan 2012.

MUKIM / BLOK PERANCANGAN (BP)	PENDUDUK 2000	PENDUDUK 2010	PENDUDUK 2012
BP1 Belanja	14,820	13,500	13,600
BP2 Layang - Layang	3,671	3,380	3,400
BP3 Bota	23,468	43,062	46,600
BP4 Lambor Kanan	3,253	3,257	3,300
BP5 Lambor Kiri	1,875	2,007	2,100
BP6 Pulau Tiga	3,883	3,812	3,900
BP7 Kampong Gajah	7,319	7,344	7,500
BP8 Pasir Panjang Hulu	2,943	3,018	3,100
BP9 Pasir Salak	11,714	11,850	12,100
BP10 Bandar	5,387	4,855	4,900
BP11 Kota Setia	3,480	3,393	3,400
BP12 Jaya Baru	340	376	400
DAERAH PERAK TENGAH	82,153	99,854	104,300

Sumber : Kajian Rancangan Tempatan Daerah Perak Tengah 2015.

Unjuran penduduk sehingga tahun perancangan 2030 dibuat berdasarkan kepada penelitian ke atas unjuran penduduk yang dibuat di peringkat RSN dan unjuran RT sedia ada serta unjuran yang dibuat oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Maklumat - maklumat ini kemudiannya diselaraskan dengan maklumat penduduk berasaskan banci penduduk 2010. Kadar pertumbuhan penduduk tahunan yang digunakan adalah berdasarkan unjuran penduduk bagi Daerah Perak Tengah yang di buat oleh Jabatan Perangkaan Malaysia bagi tempoh 2016-2020 iaitu 1.20%.

Jadual 1.4 : Unjuran Penduduk Daerah Perak Tengah Mengikut Mukim 2015 - 2030

MUKIM / BLOK PERANCANGAN	PENDUDUK			
	2015	2020	2025	2030
BP1 Belanja	14,512	15,403	16,351	17,356
BP2 Layang - Layang	3,634	3,857	4,094	4,345
BP3 Bota	46,292	49,137	52,157	55,362
BP4 Lambor Kanan	3,501	3,716	3,945	4,187
BP5 Lambor Kiri	2,158	2,290	2,431	2,580
BP6 Pulau Tiga	4,098	4,350	4,617	4,901
BP7 Kampong Gajah	7,895	8,380	8,895	9,442
BP8 Pasir Panjang Hulu	3,244	3,444	3,655	3,880
BP9 Pasir Salak	12,739	13,522	14,353	15,235
BP10 Bandar	5,219	5,540	5,880	6,242
BP11 Kota Setia	3,647	3,872	4,110	4,362
BP12 Jaya Baru	404	429	455	483
DAERAH PERAK TENGAH	107,343	113,940	120,943	128,375

Sumber : Kajian Rancangan Tempatan Daerah Perak Tengah 2015.

1.5.4 PROFIL SISTEM PERHUBUNGAN DAN PENGANGKUTAN


Terdapat sebanyak empat (4) Jalan Persekutuan dan 22 Jalan Negeri dalam Daerah Perak Tengah. Lebuhraya Ipoh – Lumut (Jalan Persekutuan 5) merupakan jalan terpenting bagi perhubungan peringkat wilayah kerana ia menghubungkan Bandar Seri Iskandar, Bota Kanan, Kg. Changkat Chermin hingga Daerah Manjung dan berakhir di Lumut. Jalan kedua penting ialah Jalan Persekutuan 109 yang bermula di persimpangan Bota Kanan ke selatan menuju Teluk Intan melalui Kampong Gajah. Jajaran jalan ini adalah selari dengan Sg. Perak. Jalan Persekutuan 73 menghubungkan Seputeh dengan Parit, Tg. Belanja, Buloh Akar dan Beruas di Daerah Manjung. Manakala Jalan Persekutuan 72 menghubungkan Jambatan Bota dengan Kg. Selat dan Tg. Belanja.

Jalan-jalan utama negeri ialah A017 (Parit – Bota Kanan), A018 (Bota Kiri – Kota Setia) dan A015 (Kampong Gajah - Kg. Changkat Rambai - Kg. Makmur - Tg. Tualang). Kawasan-kawasan di utara Daerah Perak Tengah khususnya Daerah Kuala Kangsar dihubungi oleh Jalan A003 dari Buloh Akar ke Manong. Jalan Persekutuan 5 dan 73 menghubungkan Daerah Perak Tengah dengan Daerah Manjung. Manakala Jalan Negeri A015 menghubungkan daerah ini dengan Daerah Kinta.

Jadual 1.5 : Daftar Jalan Daerah Perak Tengah 2015

BIL	NOMBOR JALAN	NAMA JALAN	PANJANG (KM)
1	5	Jalan Ipoh – Lumut	29.8
2	72	Jalan Tg. Belanja – Bota Kiri	20.8
3	73	Jalan Seputeh - Beruas	21.0
4	109	Jalan Bota Kanan – Teluk Intan	36.9
5	A3	Jalan Buloh Akar - Manong	3.9
6	A15	Jalan Kampong Gajah – Tg. Tualang	15.3
7	A17	Jalan Parit – Bota Kanan	16.4
8	A18	Jalan Bota Kiri – Kota Setia	46.5
9	A43	Jalan FELCRA Nasaruddin	4.7
10	A44	Jalan Kampong Gajah – Changkat Lada	6.3
11	A45	Jalan Kg. Belanja Kanan - Senggang	9.2
12	A46	Jalan Lebu Paduka Seberang Perak	9.1
13	A47	Jalan Kg. Makmur – Kg. Sg. Kelubi	17.0
14	A48	Jalan Kompleks Sejarah Pasir Salak	-
15	A49	Jalan Kg. Bandar	6.7
16	A51	Parit – Seri Iskandar	14.1
17	A52	Jalan Lingkaran Dalam	3.2
18	A127	Jalan Gelong Pepuyu	13.4
19	A140	Jalan Balun Bidai	7.0
20	A143	Jalan Pulau Tiga	9.6
21	A145	Jalan Kota Setia	12.0
22	A153	Kg. Selat Pulau – Kg. Pasir Kubu	11.3
23	A154	Tg. Belanja – Manong	8.8
24	A164	Kg. Belanja Kanan - Senggang	9.2
25	A175	Kg. Bandar – Kg. Selat Pulau	15.7
26	A266	Jalan Trans Perak	17.9

Sumber : Jabatan Kerja Raya Daerah Perak Tengah, 2015.



SKALA 1 : 250,000

RANCANGAN TEMPATAN

RAJAH 1.7 RANGKAIAN JALANRAYA 2015 DAERAH PERAK TENGAH



Petunjuk :

Rangkaian Jalan

- 5 - Jalan Ipoh - Lumut
- 71 - Jalan Beruas - Ayer Tawar
- 72 - Jalan Tg. Belanja - Bota Kiri
- 73 - Jalan Parit - Siputeh
- 109 - Jalan Bota Kanan - Kg. Gajah
- A3 - Jalan Manong - Buloh Akar
- A15 - Jalan Tg. Tualang - Kampung Gajah
- A17 - Jalan Parit - Bota Kanan
- A18 - Jalan Sg. Ranggam - Bota Kiri
- A42 - Jalan Sg. Jejawi
- A127 - Jalan Pintu Gerbang - Kg. Changkat Chermín
- A153 - Jalan Telok Sareh - Selat Pulau
- A154 - Jalan Manong - Tg. Belanja
- A164 - Jalan Kuala Kangsar - Tg. Belanja

Lain-Lain

- Badan Air
- Jalan Raya
- Sempadan Blok Perancangan / Mukim
- Sempadan Daerah



Sumber : Kajian Rancangan Tempatan
Daerah Perak Tengah 2030



1.5.5 PROFIL PUSAT PETEMPATAN

RTD Perak Tengah 2002-2015 telah mencadangkan hierarki pusat petempatan bagi memastikan pengagihan pembangunan adalah selaras dengan peranan dan fungsi pusat petempatan tersebut. Cadangan hierarki pusat petempatan adalah selaras dengan cadangan yang digariskan di dalam Rancangan Struktur Negeri Perak 2020.

Peranan setiap pusat petempatan yang dikenal pasti adalah berdasarkan potensi dan skop liputan kawasan tadahan dan perkhidmatan masing - masing. Aktiviti utama setiap pusat petempatan tertumpu kepada aktiviti komersial, perkhidmatan, institusi dan industri. Perancangan dan pembangunan aktiviti ekonomi perbandaran yang mempunyai nilai tambah akan digalakkan dengan fokus utama kepada pusat separa wilayah Bandar Seri Iskandar. Rancangan Struktur Negeri Perak 2020 menggalakkan pembangunan guna tanah dan ekonomi perbandaran negeri yang lebih seimbang mengikut sasaran hierarki petempatan 2020 bagi mengelakkan persaingan dan pertindihan fungsi antara bandar - bandar utama, bandar baru dan pusat - pusat petempatan sedia ada. Antara langkah yang telah dikenal pasti adalah mengiktiraf dan memperkukuhkan pembangunan Bandar Seri Iskandar.


Jadual 1.6 : Hierarki Pusat Petempatan Daerah Perak Tengah

KATEGORI PUSAT PETEMPATAN	LOKASI	
Pusat Separa Wilayah Negeri	Seri Iskandar	
Pusat Petempatan Utama	Kampong Gajah	
Pusat Petempatan Kecil	Parit Bota Kanan Titi Gantung - Changkat Chermin	Lambor Kanan Bandar Baru Seberang Perak
Pusat Pertumbuhan Desa	Buluh Akar Tg. Belanja Layang - Layang Kanan Kg. Selat Gelung Pepuyu Padang Changkat Pulau Tiga Kanan	Balun Bidai Air Kuning Pulau Besar Kg. Kepala Pulau Ulu Dedap Sg. Ranggung Bukit Chawi

Sumber : Kajian Rancangan Tempatan Daerah Perak Tengah 2015.

Bandar Seri Iskandar adalah pusat petempatan yang sedang pesat membangun selaras dengan fungsinya sebagai Pusat Separa Wilayah Negeri dan juga sebagai pusat pentadbiran Daerah Perak Tengah. Ia mempunyai potensi besar untuk dibangunkan berdasarkan beberapa faktor seperti lokasi yang strategik terletak di koridor Ipoh - Lumut dan terdapat beberapa institusi pengajian tinggi yang akan menjadi pemangkin kepada aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D). Limpahan pembangunan Bandar Seri Iskandar dijangka dapat membantu merencanakan pembangunan di Parit sebagai Pusat Petempatan Kecil di kawasan utara Daerah Perak Tengah. Pembangunan di Parit secara tidak langsung dapat membantu pembangunan pusat - pusat pertumbuhan desa di sekitarnya.

Pembangunan bersepadu tiga pusat petempatan di bahagian selatan daerah iaitu Kampong Gajah – Kg. Kepala Pulau (Pasir Salak) – Bandar Baru Seberang Perak dijangka menjadi pemangkin bagi pertumbuhan kawasan selatan Daerah Perak Tengah. Kombinasi tiga petempatan yang mempunyai kekuatan tersendiri dijangka mampu menarik pembangunan ke kawasan selatan daerah ini. Kampong Gajah sebagai Pusat Petempatan Utama telah mempunyai asas ekonomi perbandaran yang berpotensi untuk dikembangkan. Pasir Salak terkenal dengan kesan peninggalan sejarahnya dan berpotensi untuk dimajukan dengan pembangunan berasaskan aset sejarah seperti pelancongan. Manakala, Bandar Baru Seberang Perak merupakan pusat sumber bekalan kepada pembangunan perindustrian di daerah ini khususnya produk pertanian seperti kelapa sawit, padi dan sebagainya.



SKALA 1 : 250,000

RANCANGAN TEMPATAN

RAJAH 1.8 HIERARKI PUSAT PETEMPATAN DAERAH PERAK TENGAH



Petunjuk :

Hierarki Pusat Petempatan

- Pusat Separa Wilayah Negeri
- Pusat Petempatan Utama
- ▲ Pusat Petempatan Kecil
- Pusat Pertumbuhan Desa

Lain-Lain

- Badan Air
- Jalan Raya
- Sempadan Blok Perancangan / Mukim
- Sempadan Daerah



Sumber : Kajian Rancangan Tempatan
Daerah Perak Tengah 2030




1.6 BLOK PERANCANGAN

Blok perancangan yang dicadangkan adalah sebanyak dua belas (12) blok perancangan. Penentuan sempadan blok perancangan adalah berasaskan kepada sempadan mukim dan lot kadaster tahun 2014 Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia. Penyediaan blok perancangan ini adalah bertujuan untuk memudahkan pihak berkuasa tempatan untuk melakukan pelbagai urusan seperti pengawalan, pemantauan dan pengawasan pembangunan dengan lebih efektif dan efisien.

Jadual 1.7 : Pembahagian Blok Perancangan Bagi Kajian RTD Perak Tengah 2030

BLOK PERANCANGAN	MUKIM	LUAS (HEKTAR)	PERATUS (%)
BP1 Belanja	Belanja	22,274	17.40
BP2 Layang-Layang	Layang-Layang	6,475	5.06
BP3 Bota	Bota	17,094	13.37
BP4 Lambor Kanan	Lambor Kanan	4,921	3.85
BP5 Lambor Kiri	Lambor Kiri	5,180	4.05
BP6 Pulau Tiga	Pulau Tiga	13,727	10.73
BP7 Kampong Gajah	Kampong Gajah	5,957	4.65
BP8 Pasir Panjang Hulu	Pasir Panjang Hulu	11,914	9.32
BP9 Pasir Salak	Pasir Salak	10,878	8.50
BP 10 Bandar	Bandar	6,216	4.85
BP11 Kota Setia	Kota Setia	8,288	6.48
BP12 Jaya Baru	Jaya Baru	15,022	11.74
JUMLAH KELUASAN		127,946	100.00

Sumber : Kajian Rancangan Tempatan Daerah Perak Tengah 2015.



SKALA 1 : 250,000



RANCANGAN TEMPATAN

RAJAH 1.9 BLOK PERANCANGAN KAJIAN RTD PERAK TENGAH 2030

Petunjuk :

Lain-Lain

-  Jalan Raya
-  Sempadan Blok Perancangan / Mukim
-  Sempadan Daerah



Sumber : Kajian Rancangan Tempatan
Daerah Perak Tengah 2030



1.7 RUMUSAN ISU, MASALAH DAN POTENSI PEMBANGUNAN DAERAH

1.7.1 RUMUSAN ISU DAN MASALAH

Penduduk, Asas Ekonomi Dan Pola Petempatan

- Tiada pembangunan komited berskala besar yang mampu menarik penduduk dari luar untuk datang dan tinggal di daerah ini. Walau bagaimanapun, kewujudan Universiti Teknologi Mara dan Universiti Teknologi Petronas menjadi pemangkin kepada pertumbuhan sektor ekonomi dan membantu menyuntik masuk penduduk ke daerah ini.
- Penduduk dalam kumpulan guna tenaga iaitu kumpulan umur 15-64 tahun menjadi kumpulan umur yang dominan. Oleh itu, penajaan peluang pekerjaan diperlukan bagi menampung keperluan kumpulan umur guna tenaga. Migrasi keluar penduduk dijangkakan akan terus meningkat di masa hadapan jika peluang pekerjaan tidak bertambah seiring dengan peningkatan kumpulan guna tenaga ini.

Guna Tanah Dan Ciri-Ciri Fizikal

- Pembangunan guna tanah semasa hanya tertumpu di BP3 Bota khususnya di Bandar Seri Iskandar berbanding lain-lain kawasan di Daerah Perak Tengah.
- Keadaan fizikal Daerah Perak Tengah yang dipisahkan oleh Sungai Perak perlu diseimbangkan bagi mengurangkan jurang pembangunan di kedua-dua kawasan tersebut.

Komersial

- Aktiviti komersial di rangkaian pusat petempatan sedia ada terutama pekan Parit, Bota Kanan, Lambor Kanan dan Changkat Chermis yang berperanan sebagai Pusat Petempatan Kecil tidak berkembang dengan baik. Ketiadaan projek pemangkin, lokasi yang tidak strategik dan jumlah penduduk yang terhad serta kuasa membeli yang rendah merupakan faktor utama yang menyumbang kepada fenomena tersebut.
- Pembangunan komersial di pekan Kampong Gajah yang berperanan sebagai Pusat Petempatan Utama adalah agak perlahan dan kurang menyerlah. Keadaan ini disebabkan lokasi pusat komersial Kampong Gajah terletak di luar daripada jajaran utama pengangkutan di Daerah Perak Tengah.
- Bandar Baru Seberang Perak masih belum berperanan sebagai pusat komersial utama berasaskan ketiadaan kawasan komersial pusat di bandar tersebut dan sehingga kini aktiviti komersial hanya tertumpu kepada perniagaan runcit secara kecil-kecilan sahaja.

Perindustrian

- Kebanyakan aktiviti industri IKS di Daerah Perak Tengah beroperasi di atas lot persendirian sama ada tanah kediaman atau tanah pertanian yang tidak ditukar syarat kepada perusahaan. Ia tidak dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur dan kemudahan sokongan yang diperlukan bagi operasi industri.
- Dua kawasan industri terancang utama yang dibangunkan di Daerah Perak Tengah iaitu Taman Teknologi Seri Iskandar dan Taman Farmasi Seri Iskandar tidak dapat dibangunkan sepenuhnya ekoran tiada sambutan atau permintaan daripada pelabur industri.

Pertanian Dan Sumberjaya Desa

- Kebanyakan tanah di Daerah Perak Tengah adalah dari kelas 3 dan 4 yang kurang sesuai untuk pertanian. Manakala tanah untuk pertanian pula kebanyakannya dari Kelas 2, 3 dan 4. Tanah Kelas 2 dapat mengeluarkan hasil lebih tinggi manakala Kelas 3 dan 4 hanya sesuai beberapa jenis tanaman sahaja dan hasil pengeluarannya rendah.
- Sebilangan besar kawasan padang ragut sedia ada di Daerah Perak Tengah berada dalam keadaan terbiar dan tidak digunakan bagi aktiviti penternakan kerana lokasi padang ragut yang agak jauh dari kediaman penternak dan bilangan ternakan yang semakin berkurangan.

Pelancongan

- Kebanyakan sumber-sumber pelancongan di kawasan kajian ini masih belum dipromosikan dan dieksploitasikan sepenuhnya.
- Pembangunan kemudahan sokongan dan perkhidmatan pelancongan masih berada di tahap yang lemah seperti kekurangan agensi pelancongan, ketiadaan pemandu pelancong dan program pelancongan serta kurangnya kedai barangan berasaskan produk pelancongan.

Pengangkutan Dan Pengurusan Lalu Lintas

- Jaringan jalanraya yang tidak menyeluruh bagi menghubungkan bahagian timur dan barat Sungai Perak.
- Jalanraya Ipoh – Lumut sering mengalami kesesakan kerana ketiadaan jalan alternatif. Laluan ini juga didapati sesak bila musim pendaftaran pelajar baru di institusi pengajian tinggi di Bandar Seri Iskandar.
- Perkhidmatan pengangkutan awam tidak menyeluruh. Perkhidmatan bas bandaran tidak disediakan dan penduduk terpaksa menggunakan perkhidmatan pengangkutan dari luar kawasan.

Perumahan

- Kewujudan lebih penawaran perumahan berbanding permintaan sebenar penduduk.

Tanah Lapang Dan Rekreasi

- Beberapa kawasan lapang dan rekreasi yang tidak berfungsi pada masa sekarang yang terjejas teruk akibat banjir besar pada penghujung tahun 2014 antaranya di Taman Cempaka Sari (BP1 Belanja) dan Taman Awam Bota (BP3 Bota).
- Kekurangan penyediaan kawasan lapang dan rekreasi.

Infrastruktur Dan Utiliti

- Banjir di kawasan penempatan dan perbandaran sepanjang Sungai Perak terutama kawasan rendah seperti Kampong Gajah, Pulau Tiga Kanan dan Lambor Kanan.

Alam Sekitar Dan Pengurusan Alam Sekitar

- Kegiatan perlombongan pasir tanpa kawalan akan mengurangkan keupayaan hidraulik semulajadi sungai yang mana akan menyebabkan air sungai melimpah keluar dan berlakunya banjir kilat serta memberi risiko banjir di sepanjang Sungai Perak.

1.7.2 POTENSI PEMBANGUNAN DAERAH

Guna Tanah Dan Ciri-Ciri Fizikal

- Pelaksanaan projek komited dijangka akan menjadi pemangkin pembangunan kepada beberapa pekan kecil khususnya pekan kecil Tanjung Belanja (BP1 Belanja), pekan kecil Padang Changkat (BP3 Bota) dan pekan kecil Sungai Raggam (BP11 Kota Setia) .
- Kawasan pertanian sebagai guna tanah utama daerah dilihat berpotensi untuk dimajukan dengan komponen-komponen yang komprehensif dan bersepadu.

Komersial

- Menjelang tahun 2030, jumlah penduduk di Daerah Perak Tengah dijangka akan meningkat kepada 128,375 orang berbanding 107,343 orang pada tahun 2015. Pertambahan penduduk dan peningkatan aktiviti ekonomi mampu mengukuhkan peranan rangkaian pusat petempatan sedia ada sebagai pusat komersial utama pada masa hadapan khususnya Bandar Seri Iskandar, Kampong Gajah, Parit, Bota Kanan, Lambor Kanan, Changkat Chermin dan Bandar Seberang Perak.

Perindustrian

- Daerah Perak Tengah mempunyai asas industri yang baik bagi menggalakkan industri berasaskan sumber khususnya produk makanan dan produk hiliran berasaskan hasil pertanian, produk logam asas serta produk elektronik.

Pertanian Dan Sumberjaya Desa

- Selain tanaman kelapa sawit dan padi, potensi utama yang boleh dieksploitasi untuk pembangunan ekonomi di Daerah Perak Tengah adalah subsektor tanaman terutama sayuran-sayuran dan buah-buahan. Daerah Perak Tengah mempunyai Kompleks Pertanian Titi Gantung dan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Titi Gantung yang berperanan melahirkan lebih ramai usahawan agropreneur.
- Subsektor perikanan mempunyai potensi untuk dipergiatkan bagi meningkatkan sumbangannya kepada pertumbuhan ekonomi daerah terutama aktiviti perikanan akuakultur iaitu ternakan ikan dalam sangkar. Bekas lombong di mukim Pasir Panjang Hulu dan Kampong Gajah serta Sungai Perak amat baik untuk dimanfaatkan bagi mempergiatkan ternakan ikan dalam sangkar.

Pelancongan

- Potensi untuk pembangunan dan perkembangan industri pelancongan di Daerah Perak Tengah sememangnya wujud dengan adanya pelbagai produk pelancongan dalam bentuk alam semulajadi, kebudayaan, warisan dan sejarah.
- Pembangunan industri pelancongan mampu bertindak sebagai penjana pendapatan dan meningkatkan peluang pekerjaan.

Pengangkutan Dan Pengurusan Lalu Lintas

- Program menaikkan taraf Jalan Persekutuan 5 dan 73 serta jalan negeri (Taiping – Lumut) dijangka akan memberikan manfaat kepada penduduk selain mengurangkan bebanan terhadap Jalanraya Ipoh – Lumut.
- Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah menjalankan kajian pemulihan perkhidmatan pengangkutan awam bagi Negeri Perak termasuk Daerah Perak Tengah. Cadangan-cadangan di dalam kajian tersebut akan dilaksanakan pada masa hadapan.

Perumahan

- Pertumbuhan pesat institusi pengajian tinggi dijangka mampu memenuhi lebih penawaran perumahan.

Tanah Lapang Dan Rekreasi

- Kedudukan Sungai Perak yang merentasi Daerah Perak Tengah merupakan satu tarikan dan pemangkin utama kepada pembangunan kawasan rekreasi pada masa hadapan.

Infrastruktur Dan Utiliti

- Kewujudan Sungai Perak merupakan aset sistem saliran dan perparitan kerana boleh berfungsi sebagai outlet dan saliran keluar air terutama bagi kawasan-kawasan tadahan sepanjang sungai tersebut.
- Baki kapasiti sumber utiliti (bekalan air dan elektrik) yang masih banyak dan berlebihan memudahkan perancangan pembangunan masa hadapan.
- Corak pembangunan dan penempatan yang kebanyakannya tertumpu kepada jajaran sepanjang Sungai Perak memudahkan perancangan sistem utiliti.



2.0 WAWASAN DAN STATEGI PEMBANGUNAN

2.1 PENGENALAN

Halatuju dan strategi pembangunan daerah akan diterjemahkan ke dalam bentuk fizikal melalui pembentukan konsep pembangunan. Wawasan, halatuju, strategi pembangunan dan konsep pembangunan akan menjadi asas kepada pembentukan RTD Perak Tengah 2030. Pembentukan halatuju, strategi pembangunan dan konsep pembangunan Daerah Perak Tengah adalah berasaskan kepada pencapaian matlamat dan objektif pembangunan yang telah dirangka di peringkat nasional, wilayah, negeri dan tempatan serta penyelesaian terhadap isu-isu pembangunan serta pengembangan potensi pembangunan yang diperolehi hasil daripada kajian dan analisis yang dibuat di dalam RTD Perak Tengah 2030.

2.2 WAWASAN PEMBANGUNAN

Halatuju pembangunan daerah dirangka berdasarkan kepada beberapa kriteria berikut iaitu :

- Wawasan pembangunan negeri.
- Potensi dan halangan kawasan.
- Penemuan dan analisis sektoral merumuskan kekuatan pembangunan ekonomi Daerah Perak Tengah bergantung kepada institusi pendidikan dan aktiviti pertanian serta disokong oleh aktiviti komersial, aktiviti pelancongan dan aktiviti perindustrian.

Berdasarkan kepada penemuan dan analisis tersebut wawasan pembangunan Daerah Perak Tengah telah dibentuk supaya selaras dengan wawasan pembangunan di peringkat Negeri Perak dan ianya seperti yang dinyatakan dibawah :

“MENJADIKAN DAERAH PERAK TENGAH SEBAGAI PUSAT INSTITUSI ILMU DAN PERTANIAN MODEN SERTA MENGEKALKAN KUALITI ALAM PERSEKITARAN SEMULAJADI DAN WARISAN SEJARAH”

Untuk mencapai hasrat wawasan pembangunan tersebut, beberapa objektif pembangunan telah digariskan iaitu :

- Menyokong pembangunan dan perkembangan institusi pendidikan tinggi supaya dapat menjadi pusat institusi ilmu kepada Daerah Perak Tengah dan juga Negeri Perak.
- Memperkembang dan menjana aktiviti sektor ekonomi yang berasaskan sumberjaya sedia ada seperti pertanian, pelancongan, perindustrian dan komersial secara terkawal.
- Memperkukuhkan peranan pusat petempatan kecil dengan menggalakkan permohonan pembangunan di kawasan tersebut secara mampan.
- Menaiktaraf sistem jaringan jalan raya, lalu lintas dan pengangkutan awam yang menyeluruh dan bersepadu bagi mencapai tahap kemudahsampaian yang tinggi ke semua kawasan.
- Mengurangkan dan mengatasi masalah banjir di Daerah Perak Tengah supaya kesan bencana di tahap minimum.
- Menyediakan kemudahan masyarakat, sukan dan rekreasi berdasarkan kepada jenis pusat penempatan dan keperluan penduduk.
- Mengenalpasti dan memelihara kawasan sensitif alam sekitar bagi mewujudkan keseimbangan antara pembangunan dan alam semulajadi bagi mencapai persekitaran alam semulajadi yang mampan.



2.3 KONSEP PEMBANGUNAN DAERAH PERAK TENGAH

Konsep pembangunan dibentuk sebagai asas kerangka spatial pembangunan Daerah Perak Tengah. Aspek-aspek yang diambil kira di dalam proses menghasilkan konsep pembangunan daerah adalah isu dan potensi pembangunan, aksesibiliti, pengkalan sumber, pemeliharaan dan pemuliharaan. Konsep Pembangunan Berpusat akan digunapakai sebagai asas untuk memandu pembangunan Daerah Perak sehingga tahun perancangan 2030. Ciri-ciri Konsep Pembangunan Berpusat adalah :

1. Strategi pembangunan berpusat akan menekankan fungsi setiap hierarki pusat petempatan secara khusus. Penumpuan terhadap pembangunan di pusat petempatan yang paling tinggi akan menjadi keutamaan. Konsep ini tidak memberikan kesan negatif ke atas aspek kesalinglengkapan fungsi dan peranan setiap pusat-pusat petempatan dan daerah yang berhampiran dan yang bersempadan dengan Daerah Perak Tengah.
2. Tanah-tanah yang berpotensi untuk pembangunan merangkumi tanah kosong atau terbiar dan kawasan-kawasan perkampungan yang berada di dalam kawasan pusat petempatan yang mengalami tekanan pembangunan.
3. Kawasan-kawasan KSAS terutamanya hutan simpan kekal, kawasan tadahan air, rizab perhilitan, kawasan warisan sejarah dan lain-lain kategori KSAS akan dikekalkan bagi mengelakkan risiko bencana dan mengekalkan fungsi semulajadi.
4. Pembangunan guna tanah akan ditumpukan ke beberapa pusat petempatan yang telah dikenalpasti iaitu :


Kawasan Pembangunan Utama	- Bandar Seri Iskandar
Kawasan Pembangunan Kedua	- Kampong Gajah
Kawasan Pembangunan Ketiga	- Parit
	- Bota Kanan
	- Titi Gantung-Changkat Chermin
	- Lambor Kanan
	- Bandar Baru Seberang Perak

6. Hierarki dan fungsi pusat petempatan pula dikekalkan seperti sedia ada sepertimana di dalam **Jadual 1.6** dan **Jadual 2.1** dibawah.

Jadual 2.1 : Hierarki Dan Fungsi Pusat Petempatan Daerah Perak Tengah

HIERARKI	FUNGSI
<u>Pusat Separa Wilayah Negeri</u> Bandar Seri Iskandar	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pusat Perkhidmatan Dan Komersial Bertaraf Tinggi ▪ Pusat Bagi Segala Fungsi (Pentadbiran, Pendidikan, Warisan Dan Kebudayaan, Pelancongan Dan Rekreasi Bandar) ▪ Pusat Perindustrian Utama
<u>Pusat Petempatan Utama</u> Kampong Gajah	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pusat Perkhidmatan Dan Komersial Bertaraf Sederhana Dan Tinggi ▪ Pusat Industri Ringan Dan Sederhana (IKS Dan Industri Perkhidmatan)
<u>Pusat Petempatan Kecil</u> ▪ Parit ▪ Titi Gantung–Changkat Chermin ▪ Bota Kanan ▪ Lambor Kanan ▪ Bandar Baru Seberang Perak ▪	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pusat Komersial Dengan Fungsi Perkhidmatan Terhad ▪ Penawaran Barangan Tahap Rendah Dan Sederhana Yang Memberi Perkhidmatan Kepada Penduduk Tempatan ▪ Pusat Industri Ringan (Industri Perkhidmatan)

Sumber : Kajian Rancangan Tempatan Daerah Perak Tengah 2015.



SKALA 1 : 250,000

RANCANGAN TEMPATAN



RAJAH 2.1 KONSEP PEMBANGUNAN BERPUSAT DAERAH PERAK TENGAH

Petunjuk :

- Kawasan Pembangunan Utama
- Kawasan Pembangunan Kedua
- Kawasan Pembangunan Ketiga
- Pusat Separa Wilayah Negeri
Pusat Petempatan Utama
Pusat Petempatan Kecil
- Arah Pembangunan Utama
- Koridor Pembangunan Sokongan

Lain-Lain

- Jalan Raya
- Sempadan Blok Perancangan / Mukim
- Sempadan Daerah



Sumber : Kajian Rancangan Tempatan
Daerah Perak Tengah 2030



2.4 ARAH PEMBANGUNAN SPATIAL DAN TEKANAN PEMBANGUNAN

Pembangunan spatial utama merangkumi pembangunan perniagaan, perindustrian, perumahan dan pelancongan sebagai pembangunan tepubina dan pembangunan pertanian sebagai bukan tepubina.

Pembangunan Tepubina

- Pembangunan perbandaran masa hadapan akan digalakkan di atas kawasan yang telah dikenal pasti sebagai berpotensi untuk pembangunan dan pembangunan dengan syarat. Pembangunan bandar akan ditetapkan berdasarkan permintaan dan had perbandaran bagi mengelakkan pembangunan secara linear. Ia bertujuan untuk mengukuhkan pembangunan di kawasan tumpuan sedia ada dan mengawal taburan pembangunan yang tidak teratur pada masa kini.
- Pembangunan sektor komersial tahap tinggi akan difokuskan di Bandar Seri Iskandar sebagai Pusat Separa Wilayah dan disokong oleh Kampong Gajah sebagai Pusat Petempatan Utama. Pembangunan pusat-pusat petempatan dan komersial lain akan berdasarkan hierarki pusat petempatan sedia ada, fungsi dan zon perbandaran yang telah ditetapkan.
- Pembangunan kawasan industri terancang akan digalakkan terutamanya aktiviti yang berasaskan sumber tempatan dan pertanian serta hasil produk hiliran iaitu produk nilai tambah kepada hasil pertanian.
- Aktiviti pelancongan dan rekreasi berasaskan warisan sejarah dan air (Sungai Perak) secara terkawal akan digalakkan termasuk penyediaan kemudahan infrastruktur sokongan yang sesuai untuk kemudahan pengunjung.



Pembangunan Bukan Tepubina (Pertanian)

- Mengekalkan tanah pertanian diluar kawasan zon pembangunan terutamanya pertanian secara estet, skim atau berkelompok seperti Felcra.
- Mengekalkan kawasan jelapang padi negeri sedia ada khususnya kawasan IADA Seberang Perak dan luar kawasan jelapang padi.
- Penekanan kepada perladangan komersial, usaha mempertingkatkan pengeluaran menerusi penyepaduan dalam bidang baru, penggunaan teknik perladangan moden dan membina jaringan untuk pemasaran hasil atau produk pertanian.
- Membangunkan projek agropolitan meliputi perladangan komersial berkelompok khususnya subsektor penternakan, penanaman, akuakultur dan industri asas tani.
- Memanfaatkan kewujudan institut pengajian tinggi melalui penubuhan pusat penyelidikan dan pembangunan sektor pertanian.
- Mewujudkan taman IKS berasaskan produk hiliran hasil pertanian.



2.5 HALATUJU DAN STRATEGI PEMBANGUNAN

Berdasarkan kepada wawasan, matlamat, objektif dan konsep pembangunan Daerah Perak Tengah, halatuju dan strategi pembangunan bagi Daerah Perak Tengah telah dikenalpasti seperti berikut :

Halatuju 1 : Pembangunan Ekonomi Hijau Yang Progresif Dan Berdaya Saing

Strategi 1.1 : Pengukuhan Aktiviti Perdagangan Mengikut Fungsi Dan Hierarki Pusat Petempatan

Strategi 1.2 : Pengukuhan Aktiviti Industri Melalui Pemusatan Dan Penyerakan Kelompok Industri Yang Berpotensi

Strategi 1.3 : Pemodenan Aktiviti Pertanian Melalui Pengusahaan Tanah Secara Perladangan

Strategi 1.4 : Pengukuhan Aktiviti Pelancongan Berdasarkan Sumber Rekreasi

Strategi 1.5 : Pengukuhan Aktiviti Pelancongan Berdasarkan Sumber Sejarah Dan Budaya

Halatuju 2 : Ke Arah Mewujudkan Masyarakat Sejahtera

Strategi 2.1 : Penyediaan Kediaman yang Selesa, Selamat Dan Mampu Milik Kepada Penduduk Bandar Dan Luar Bandar

Strategi 2.2 : Menghadkan Pembangunan Perumahan Di Dalam Kawasan Berpotensi Dan Dalam Sempadan Bandar

Strategi 2.3 : Penyediaan Kemudahan Kemasyarakatan Yang Mencukupi

Strategi 2.4 : Penyediaan Kemudahan Kawasan Lapang Dan Rekreasi Yang Mencukupi

Halatuju 3 : Pembangunan Infrastruktur, Utiliti, Pengangkutan Serta Perhubungan Yang Menyeluruh Dan Berdaya Tahan

Strategi 3.1 : Mengurangkan Kesan Dan Risiko Banjir

Strategi 3.2 : Menyediakan Liputan Perkhidmatan Utiliti Yang Menyeluruh Dan Berkesan

Strategi 3.3 : Mewujudkan Pembangunan Persekitaran Yang Inklusif

Strategi 3.4 : Meningkatkan Tahap Aksesibiliti Antara Kawasan

Strategi 3.5 : Mewujudkan Perkhidmatan Pengangkutan Awam Yang Efisien

Strategi 3.6 : Meningkatkan Keselamatan Pengguna Jalanraya

Halatuju 4 : Menonjolkan Bandar Dan Pusat Petempatan Bercirikan Tempatan

Strategi 4.1 : Memperkasakan Imej Dan Pengindahan Bandar Serta Pusat Petempatan

Halatuju 5 : Pemuliharaan Dan Pemeliharaan Alam Sekitar

Strategi 5.1 : Kawalan, Pencegahan Dan Peningkatan Kualiti Air Di Lembangan Sg. Perak Secara Menyeluruh Berkonsepkan *Integrated River Basin Management* (IRBM)

Strategi 5.2 : Melindungi, Memelihara Dan Memulihara Populasi Dan Habitat Tuntung (*Batagur Baska*) Bagi Mengelakkan Kepupusan

Strategi 5.3 : Pengurusan Kawasan KSAS Yang Efektif



**3.0 HALATUJU 1 : PEMBANGUNAN EKONOMI HIJAU YANG
PROGRESIF DAN BERDAYA SAING**

3.1 STRATEGI 1.1 : PENGUKUHAN AKTIVITI KOMERSIAL MENGIKUT FUNGSI DAN HIERARKI PUSAT PETEMPATAN

3.1.1 Cadangan Memperkukuhkan Dan Meningkatkan Ruang Lantai Aktiviti Komersial

a. Pengenalan

Kawasan seluas 3.38 hektar perlu dibangunkan sebagai perluasan kawasan komersial sedia ada di pekan Parit yang akan berkembang selaras dengan pertambahan penduduk sehingga tahun 2030 dan peranannya sebagai Pusat Petempatan Kecil. Cadangan projek ini dijangka akan membantu mengukuhkan peranan Pekan Parit sebagai pusat komersial utama yang akan menawarkan barangan dan perkhidmatan bertaraf Sederhana dan rendah kepada penduduk setempat serta kenderaan yang menggunakan laluan di pekan tersebut. Kawasan tadahan termasuklah penduduk yang menetap di kawasan BP 2 Layang-Layang selain kawasan petempatan berhampiran dengan Pekan Parit.

b. Lokasi

Pusat Bandar Pekan Parit

c. Komponen Cadangan

- i. Tapak komersial seluas 3.38 hektar yang dilengkapi kemudahan infrastruktur dan utiliti.
- ii. 70 unit rumah kedai 2 tingkat.
- iii. Kompleks perniagaan dan bazar peniaga kecil.
- iv. Pusat penjaja terancang meliputi bangunan medan selera dan tapak khas bagi aktiviti pasar malam dan pekan sehari.
- v. Kemudahan sokongan khususnya tempat letak kenderaan, tandas awam, laluan pejalan kaki, surau dan kawasan lanskap.

d. Justifikasi

- i. Memenuhi keperluan penduduk yang akan bertambah menjelang tahun 2030.
- ii. Kekurangan ruang perniagaan terutama rumah kedai bagi menempatkan pelbagai jenis perniagaan dan perkhidmatan bertaraf rendah dan sederhana.
- iii. Pengukuhan aktiviti komersial sedia ada terutama perkhidmatan komersial taraf rendah dan sederhana.

e. Agensi Pelaksana

- i. Perbadanan Kemajuan Negeri Perak.
- ii. Majlis Daerah Perak Tengah.
- iii. Pemaju Swasta.

f. Rujukan

- i. Guna Tanah Cadangan 2030 BP1 Belanja.
- ii. Kelas Kegunaan Tanah Dan Garis Panduan Kawasan Komersial.




Contoh Rumah Kedai 2
Tingkat



Pusat Komersial Pekan
Parit



Fasad Rumah Kedai
Pekan Parit






TANPA SKALA

RANCANGAN TEMPATAN

RAJAH 3.1 CADANGAN PEMBANGUNAN KOMERSIAL PEKAN PARIT DAERAH PERAK TENGAH

PETUNJUK

- Kawasan Komersial Sedia Ada
- Kawasan Komersial Cadangan
- Lain-Lain
- Jalan Raya
- Sempadan Blok Perancangan/Mukim
- Sempadan Daerah



PUSAT KOMERSIAL PEKAN PARIT

Pengukuhan Ruang Lantai Aktiviti Komersial

- Tapak komersial seluas 3.38 hektar dilengkapi kemudahan infrastruktur & utiliti.
- 70 unit rumah kedai 2 tingkat
- Kompleks perniagaan dan bazar peniaga kecil.
- Pusat penjaja terancang (medan selera & tapak khas bagi aktiviti pasar malam dan pekan sehari).
- Kemudahan sokongan khususnya tempat letak kenderaan, tandas awam, laluan pejalan kaki, surau dan kawasan lanskap.

Sumber : Kajian Rancangan Tempatan
Daerah Perak Tengah 2030



3.1.2 Cadangan Pembangunan Bazar Peniaga Kecil Dan Pusat Penjaja Terancang, Pekan Bota Kanan

a. Pengenalan

Pekan Bota Kanan ketiadaan kawasan penjaja terancang dan tapak kekal bagi memusat dan menggalakkan aktiviti penjajaan khususnya medan selera, aktiviti pekan sehari, pasar tani dan pasar malam. Ia amat penting memandangkan aktiviti penjajaan turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi pekan dan bandar di Daerah Perak Tengah. Pada masa kini aktiviti penjajaan tertumpu di sepanjang jalan-jalan utama yang menghubungkan rangkaian pusat petempatan seperti koridor kecil Parit-Bota Kanan, Bandar Seri Iskandar-Bota Kanan dan sebagai.

b. Lokasi

Pekan Bota Kanan

c. Komponen Cadangan

- i. Tapak komersial seluas 0.8 hektar yang dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur dan utiliti.
- ii. Bazar peniaga kecil.
- iii. Medan selera.
- iv. Tapak bagi aktiviti pasar malam, pekan sehari dan pasar tani.
- v. Kemudahan sokongan khususnya tempat letak kenderaan, tandas awam, laluan pejalan kaki, surau dan kawasan lanskap.

d. Justifikasi

- i. Memenuhi keperluan penduduk yang akan bertambah menjelang tahun 2030.
- ii. Kekurangan ruang perniagaan bagi menggalakkan aktiviti komersial informal khususnya sektor peniaga kecil dan penjaja di Pekan Bota Kanan.
- iii. Penguatan aktiviti komersial sedia ada terutama perkhidmatan komersial taraf rendah dan sederhana.

e. Agensi Pelaksana

- i. Majlis Daerah Perak Tengah
- ii. Perbadanan Kemajuan Negeri Perak
- iii. Pemaju Swasta

f. Rujukan

- i. Guna Tanah Cadangan 2030 BP1 Belanja
- ii. Kelas Kegunaan Tanah Dan Garis Panduan Kawasan Komersial




Contoh Bazar Peniaga
Kecil



Contoh Medan Selera



Pusat Komersial Bota
Kanan









TANPA SKALA

RANCANGAN TEMPATAN

RAJAH 3.2
CADANGAN PEMBANGUNAN KOMERSIAL
PEKAN BOTA KANAN DAERAH PERAK TENGAH

PETUNJUK

-  Kawasan Komersial Sedia Ada
-  Kawasan Komersial Cadangan
- Lain-Lain
-  Jalan Raya
-  Sempadan Blok Perancangan/Mukim
-  Sempadan Daerah



PUSAT KOMERSIAL BOTA KANAN

Pengukuhan Ruang Lantai
Aktiviti Komersial

- Tapak komersial seluas 0.8 hektar dilengkapi kemudahan infrastruktur dan utiliti.
- Bazar peniaga kecil.
- Medan selera.
- Tapak bagi aktiviti pasar malam, pekan sehari dan pasar tani.
- Kemudahan sokongan khususnya tempat letak kenderaan, tandas awam, laluan pejalan kaki, surau dan kawasan lanskap.

Sumber : Kajian Rancangan Tempatan
Daerah Perak Tengah 2030



3.1.3 Cadangan Pembangunan Pasar Awam, Kompleks Peniaga Kecil Dan Medan Selera, Pusat Bandar Seri Iskandar

a. Pengenalan

Sebagai Pusat Separa Wilayah Negeri, Bandar Seri Iskandar dilengkapi dengan pelbagai kemudahan serba lengkap khususnya sebagai pusat kediaman, pusat komersial, pusat pendidikan dan pelbagai kemudahan awam serta kemudahan sokongan. Namun, sehingga kini terdapat kemudahan komersial yang belum dibangunkan untuk kemudahan orang ramai khususnya pasar awam, bazar peniaga kecil dan pusat penjaja terancang yang secukupnya. Sehingga kini, tumpuan hanya diberi kepada penyediaan rumah kedai, kedai pejabat, lot komersial sesebuah, pasaraya mega, stesyen minyak dan medan selera.

b. Lokasi

Pusat Bandar Seri Iskandar

c. Komponen Cadangan

- i. Tapak komersial seluas 1.5 hektar dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur dan utiliti.
- ii. Pasar awam.
- iii. Kompleks peniaga kecil.
- iv. Pusat penjaja terancang meliputi medan selera dan tapak khas bagi aktiviti pasar malam dan pekan sehari.
- v. Kemudahan sokongan khususnya tempat letak kenderaan, tandas awam, laluan pejalan kaki, surau dan kawasan lanskap.

d. Justifikasi

- i. Bangunan pasar awam amat diperlukan bagi memenuhi permintaan penduduk tempatan terhadap keperluan harian barangan dapur, anika makanan mentah dan basah, sayur-sayuran, buah-buahan dan sebagainya.
- ii. Kekurangan ruang perniagaan bagi menampung keperluan sektor komersial tidak formal dan peniaga kecil tempatan.
- iii. Pengukuhan aktiviti komersial sedia ada di Pusat Bandar Seri Iskandar

e. Agensi Pelaksana

- i. Majlis Daerah Perak Tengah
- ii. Pemaju swasta

f. Rujukan

- i. Guna Tanah Cadangan 2030 BP3 Bota
- ii. Kelas Kegunaan Tanah Dan Garis Panduan Kawasan Komersial






Contoh Bazar Peniaga Kecil



Contoh Medan Selera



Pusat Komersial Bandar Seri Iskandar




TANPA SKALA

RANCANGAN TEMPATAN

RAJAH 3.3
CADANGAN PEMBANGUNAN KOMERSIAL
BANDAR SERI ISKANDAR DAERAH PERAK TENGAH

PETUNJUK

- Kawasan Komersial Sedia Ada
- Kawasan Komersial Cadangan
- Lain-Lain
- Jalan Raya
- Sempadan Blok Perancangan/Mukim
- Sempadan Daerah



PUSAT KOMERSIAL BANDAR SERI ISKANDAR

Penguksuhan Ruang Lantai Aktiviti Komersial

- Tapak komersial seluas 1.5 hektar dilengkapi kemudahan infrastruktur dan utiliti.
- Pasar awam.
- Kompleks peniaga kecil.
- Pusat penjaja terancang (medan selera & tapak khas bagi aktiviti pasar malam dan pekan sehari).
- Kemudahan sokongan khususnya tempat letak kenderaan, tandas awam, laluan pejalan kaki, surau dan kawasan lanskap.

Sumber : Kajian Rancangan Tempatan Daerah Perak Tengah 2030



3.1.4 Cadangan Pengukuhan Dan Peningkatan Ruang Lantai Komersial Di Pekan Lambor Kanan

a. Pengenalan

Kawasan seluas 2.71 hektar perlu dibangunkan sebagai perluasan kawasan komersial sedia ada di pekan Lambor Kanan yang akan berkembang selaras dengan pertambahan penduduk sehingga tahun 2030 dan peranannya sebagai Pusat Petempatan Kecil. Cadangan projek ini dijangka akan membantu mengukuhkan peranan pekan Lambor Kanan sebagai pusat komersial utama yang akan menawarkan barangan dan perkhidmatan bertaraf sederhana dan rendah. Sepanjang tempoh perancangan pekan Lambor Kanan memerlukan ruang lantai tambahan seluas 20,922 meter persegi yang akan menampung keperluan penduduk di kawasan BP 4 Lambor Kanan dan BP 5 Lambor Kiri.

b. Lokasi

Pusat Komersial Pekan Lambor Kanan

c. Komponen

- i. Tapak komersial seluas 2.71 hektar yang dilengkapi kemudahan infrastruktur dan utiliti.
- ii. 50 unit rumah kedai 2 tingkat.
- iii. Bazar peniaga kecil.
- iv. Pusat penjaja terancang meliputi medan selera dan tapak khas bagi aktiviti pasar malam dan pekan sehari.
- v. Kemudahan sokongan khususnya tempat letak kenderaan, tandas awam, laluan pejalan kaki, surau dan kawasan lanskap.

d. Justifikasi

- i. Memenuhi keperluan penduduk yang akan bertambah menjelang tahun 2030.
- ii. Kekurangan ruang perniagaan formal dan informal terutama rumah kedai bagi menempatkan pelbagai jenis perniagaan dan perkhidmatan bertaraf rendah dan sederhana serta pusat penjaja terancang.
- iii. Pengukuhan aktiviti komersial sedia ada terutama perkhidmatan komersial taraf rendah dan sederhana.

e. Agensi Pelaksana

- i. Perbadanan Kemajuan Negeri Perak
- ii. Majlis Daerah Perak Tengah
- iii. Pemaju Swasta

f. Rujukan

- i. Guna Tanah Cadangan 2030 BP4 Lambor Kanan
- ii. Kelas Kegunaan Tanah Dan Garis Panduan Kawasan Komersial




Contoh Rumah Kedai
2 Tingkat



Contoh Medan Selera



Pusat Komersial
Lambor Kanan





TANPA SKALA

RANCANGAN TEMPATAN


RAJAH 3.4
CADANGAN PEMBANGUNAN KOMERSIAL
PEKAN LAMBOR KANAN DAERAH PERAK TENGAH


PETUNJUK


 Kawasan Komersial Sedia Ada


 Kawasan Komersial Cadangan

Lain-Lain

 Jalan Raya

 Sempadan Blok Perancangan/Mukim

 Sempadan Daerah



PUSAT KOMERSIAL LAMBOR KANAN

Pengukuhan Ruang Lantai
Aktiviti Komersial

- Tapak komersial seluas 2.71 hektar dilengkapi kemudahan infrastruktur dan utiliti.
- 50 unit rumah kedai 2 tingkat.
- Bazar peniaga kecil.
- Pusat penjaja terancang (medan selera & tapak khas bagi aktiviti pasar malam dan pekan sehari).
- Kemudahan sokongan khususnya tempat letak kenderaan, tandas awam, laluan pejalan kaki, surau dan kawasan lanskap.

Sumber : Kajian Rancangan Tempatan
Daerah Perak Tengah 2030



3.1.5 Cadangan Pengukuhan Dan Peningkatan Ruang Lantai Komersial Di Kampong Gajah

a. Pengenalan

Kawasan seluas 2.15 hektar perlu dibangunkan sebagai perluasan kawasan komersial sedia ada di Pekan Kampong Gajah yang akan berkembang selaras dengan pertambahan penduduk sehingga tahun 2030 dan peranannya sebagai Pusat Petempatan Utama. Cadangan projek ini dijangka akan membantu mengukuhkan peranan Pekan Kampong Gajah sebagai pusat komersial utama yang akan menawarkan barangan dan perkhidmatan bertaraf sederhana kepada penduduk di kawasan BP7 Kampong Gajah dan kawasan BP6 Pulau Tiga selain kawasan petempatan berhampiran dengan Pekan Kampong Gajah.

b. Lokasi

Pusat Komersial Pekan Kampong Gajah

c. Komponen

- i. Tapak komersial seluas 2.15 hektar yang dilengkapi kemudahan infrastruktur dan utiliti.
- ii. 50 unit rumah kedai 2 tingkat.
- iii. Kompleks perniagaan dan bazar peniaga kecil.
- iv. Pusat penjaja terancang meliputi bangunan medan selera dan tapak khas bagi aktiviti pasar malam dan pekan sehari.
- v. Kemudahan sokongan khususnya tempat letak kenderaan, tandas awam, laluan pejalan kaki, surau dan kawasan lanskap.

d. Justifikasi

- i. Memenuhi keperluan penduduk yang akan bertambah menjelang tahun 2030.
- ii. Kekurangan ruang perniagaan formal dan informal terutama rumah kedai bagi menempatkan pelbagai jenis perniagaan dan perkhidmatan bertaraf rendah dan sederhana serta pusat penjaja terancang.
- iii. Pengukuhan aktiviti komersial sedia ada terutama perkhidmatan komersial taraf sederhana.

e. Agensi Pelaksana

- i. Perbadanan Kemajuan Negeri Perak
- ii. Majlis Daerah Perak Tengah
- iii. Pemaju Swasta

f. Rujukan

- i. Guna Tanah Cadangan 2030 BP7 Kampong Gajah
- ii. Kelas Kegunaan Tanah Dan Garis Panduan Kawasan Komersial




Contoh Bazar Peniaga
Kecil



Contoh Kompleks
Perniagaan




Pusat Komersial
Kampong Gajah



TANPA SKALA

RANCANGAN TEMPATAN

RAJAH 3.5
CADANGAN PEMBANGUNAN KOMERSIAL
PEKAN KAMPONG GAJAH DAERAH PERAK TENGAH



PETUNJUK

Kawasan Komersial Sedia Ada

Kawasan Komersial Cadangan

Lain-Lain

Jalan Raya

Sempadan Blok Perancangan/Mukim

Sempadan Daerah

Penguatan Ruang Lantai Aktiviti Komersial

- Tapak komersial seluas 2.15 hektar dilengkapi kemudahan infrastruktur dan utiliti.
- 50 unit rumah kedai 2 tingkat.
- Kompleks perniagaan dan bazar peniaga kecil.
- Pusat penjaja terancang (medan selera & tapak khas bagi aktiviti pasar malam dan pekan sehari).
- Kemudahan sokongan khususnya tempat letak kenderaan, tandas awam, laluan pejalan kaki, surau dan kawasan lanskap.



Sumber : Kajian Rancangan Tempatan
Daerah Perak Tengah 2030



3.1.6 Cadangan Pengukuhan Dan Penyediaan Ruang Lantai Komersial Di Bandar Baru Seberang Perak

a. Pengenalan

Kawasan seluas 7.70 hektar perlu dibangunkan sebagai kawasan komersial utama di Bandar Baru Seberang Perak yang akan berkembang selaras dengan pertambahan penduduk sehingga tahun 2030 dan peranannya sebagai Pusat Petempatan Kecil. Cadangan projek ini dijangka akan membantu mengukuhkan peranan Bandar Baru Seberang Perak sebagai pusat komersial utama yang akan menawarkan barangan dan perkhidmatan bertaraf sederhana dan rendah kepada penduduk setempat. Kawasan tadahan termasuklah penduduk yang menetap di kawasan BP8 Pasir Panjang Hulu selain kawasan petempatan berhampiran dengan Bandar Baru Seberang Perak.

b. Lokasi

Pusat Komersial Bandar Baru Seberang Perak

c. Komponen

- i. Tapak komersial seluas 7.70 hektar yang dilengkapi kemudahan infrastruktur dan utiliti.
- ii. 80 unit rumah kedai 2 tingkat.
- iii. Kompleks perniagaan dan bazar peniaga kecil.
- iv. Pusat penjaja terancang meliputi bangunan medan selera dan tapak khas bagi aktiviti pasar malam dan pekan sehari.
- v. Kemudahan sokongan khususnya tempat letak kenderaan, tandas awam, laluan pejalan kaki, surau dan kawasan lanskap.

d. Justifikasi

- i. Memenuhi keperluan penduduk yang akan bertambah menjelang tahun 2030.
- ii. Ketiadaan kawasan pusat komersial dan premis komersial di kawasan pusat bandar Bandar Baru Seberang Perak.
- iii. Penyediaan perkhidmatan komersial bertaraf rendah dan sederhana selaras dengan peranan Bandar Seberang Perak sebagai Pusat Petempatan Kecil.

e. Agensi Pelaksana

- i. Perbadanan Kemajuan Negeri Perak
- ii. Majlis Daerah Perak Tengah
- iii. Pemaju Swasta

f. Rujukan

- i. Guna Tanah Cadangan 2030 BP9 Pasir Salak
- ii. Kelas Kegunaan Tanah Dan Garis Panduan Kawasan Komersial



Contoh Rumah Kedai
2 Tingkat





Contoh Kompleks
Perniagaan



Contoh Medan Selera

PUSAT KOMERSIAL BANDAR BARU SEBERANG PERAK



TANPA SKALA

RANCANGAN TEMPATAN

RAJAH 3.6
CADANGAN PEMBANGUNAN KOMERSIAL
BANDAR BARU SEBERANG PERAK
DAERAH PERAK TENGAH

PETUNJUK

- Kawasan Komersial Sedia Ada
- Kawasan Komersial Cadangan
- Lain-Lain
- Jalan Raya
- Sempadan Blok Perancangan/Mukim
- Sempadan Daerah

Pengukuhan Ruang Lantai Aktiviti Komersial

- Tapak komersial seluas 7.70 hektar dilengkapi kemudahan infrastruktur dan utiliti.
- 80 unit rumah kedai 2 tingkat.
- Kompleks perniagaan dan bazar peniaga kecil.
- Pusat penjaja terancang (medan selera & tapak khas bagi aktiviti pasar malam dan pekan sehari).
- Kemudahan sokongan khususnya tempat letak kenderaan, tandas awam, laluan pejalan kaki, surau dan kawasan lanskap.

Sumber : Kajian Rancangan Tempatan
Daerah Perak Tengah 2030



3.2 STRATEGI 1.2 : PENGUKUHAN AKTIVITI INDUSTRI MELALUI PEMUSATAN DAN PENYERAKAN KELOMPOK INDUSTRI YANG BERPOTENSI

3.2.1 Cadangan Hub Halal Seri Iskandar

a. Pengenalan

Bandar Seri Iskandar merupakan kawasan utama bagi menggalakkan pembangunan industri di dalam Daerah Perak Tengah. Dua kawasan industri komited yang perlu dibangunkan adalah Taman Teknologi Seri Iskandar (1,200 hektar) dan Taman Farmasi Seri Iskandar (112 hektar). Sehingga kini hanya sebahagian kecil kawasan di kedua-dua kawasan industri tersebut telah dibangunkan untuk aktiviti pembuatan ekoran kurang permintaan daripada pelabur industri. Adalah dicadangkan Taman Farmasi Seri Iskandar dibangunkan semula sebagai Hub Halal Seri Iskandar bagi menggalak dan menempatkan pelbagai aktiviti industri berasaskan produk halal. Ia meliputi produk makanan seperti herba dan pemprosesan makanan, makanan kesihatan serta aktiviti yang berkaitan dengannya, produk kosmetik dan penjagaan kesihatan diri serta pelbagai produk lain (bukan makanan) yang dihasilkan berasaskan sijil halal yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

b. Lokasi

Taman Farmasi Seri Iskandar, Bandar Seri Iskandar

c. Komponen

- i. Tapak industri seluas 112 hektar dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur dan utiliti.
- ii. Bangunan kilang berderet, berkembar dan sesebuah
- iii. Kemudahan gunasama dan pelbagai kemudahan sokongan perkhidmatan dan infrastruktur
- iv. Kompleks hub halal (pengumpulan dan pemasaran produk halal bagi pelbagai kategori industri)
- v. Kemudahan sokongan khususnya tempat meletak kenderaan, lori/treler, medan selera, tandas awam dan kawasan lanskap.

d. Justifikasi

- i. Terdapat permintaan dan potensi tinggi bagi menggalakkan industri berasaskan produk halal (makanan dan bukan makanan) bagi memenuhi keperluan tempatan dan antarabangsa.
- ii. Memanfaatkan kawasan industri sedia ada yang tidak dibangunkan sepenuhnya khususnya Taman Farmasi Seri Iskandar.
- iii. Pengukuhan aktiviti industri sedia ada.

e. Agensi Pelaksana

- i. Perbadanan Kemajuan Negeri Perak
- ii. Invest Perak Malaysia
- iii. Malaysian Investment Development Authority (MIDA)
- iv. Halal Industry Development Corporation (HDC)
- v. Pemaju Swasta



Idaman Pharma
Manufacturing Sdn
Bhd





Pharmasafe
Laboratories Sdn
Bhd



f. Rujukan

- i. Guna Tanah Cadangan 2030 BP 3 Bota
- ii. Kelas Kegunaan Tanah Dan Garis Panduan Kawasan Industri












TANPA SKALA

RANCANGAN TEMPATAN

RAJAH 3.7
CADANGAN PEMBANGUNAN INDUSTRI
BANDAR SERI ISKANDAR DAERAH PERAK TENGAH

PETUNJUK

-  Kawasan Perindustrian Sedia Ada
-  Kawasan Perindustrian Cadangan
- Lain-Lain
-  Jalan Raya
-  Sempadan Blok Perancangan/Mukim
-  Sempadan Daerah



TAMAN FARMASI SERI ISKANDAR : HUB HALAL

**Penguksuhan Aktiviti Industri :
Cadangan Hub Halal**

- Taman Farmasi Seri Iskandar seluas 112 hektar yang dilengkapi kemudahan infrastruktur, utiliti dan pelbagai kemudahan sokongan
- Bangunan kilang berderet, berkembar dan sesebuah.
- Kemudahan gunasama
- Kompleks hub halal
- Kemudahan sokongan khususnya tempat meletak kenderaan, lori/treler, medan selera, tandas awam dan kawasan lanskap.

Sumber : Kajian Rancangan Tempatan
Daerah Perak Tengah 2030



3.2.2 Cadangan Taman Industri Ringan Seri Iskandar

a. Pengenalan

Bandar Seri Iskandar merupakan kawasan utama bagi menggalakkan pembangunan industri di dalam Daerah Perak Tengah. Dua kawasan industri komited yang perlu dibangunkan adalah Taman Teknologi Seri Iskandar (1,200 hektar) dan Taman Farmasi Seri Iskandar (112 hektar). Sehingga kini hanya sebahagian kecil kawasan di kedua-dua kawasan industri tersebut telah dibangunkan untuk aktiviti pembuatan ekoran kurang permintaan daripada pelabur industri. Adalah dicadangkan Taman Industri Ringan dibangunkan di Taman Teknologi Seri Iskandar bagi menggalak dan menempatkan aktiviti industri perkhidmatan khususnya bengkel membaiki kenderaan dan kerja-kerja kejuruteraan dan kejenteraan serta pusat servis kenderaan dan aktiviti berkaitan seperti aksesori kenderaan dsbnya.

b. Lokasi

Bandar Seri Iskandar khususnya di Taman Teknologi Seri Iskandar

c. Komponen

- i. Tapak industri seluas 10 hektar dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur dan utiliti.
- ii. Bangunan kilang berderet dan berkembar.
- iii. Kemudahan gunasama
- iv. Kemudahan sokongan khususnya tempat meletak kenderaan, lori/treler, medan selera, tandas awam dan kawasan lanskap.

d. Justifikasi

- i. Ketiadaan kawasan industri terancang bagi menampung keperluan pengusaha industri perkhidmatan sedia ada dan masa hadapan.
- ii. Pemusatan dan penempatan semula aktiviti bengkel membaiki kenderaan dan pusat servis yang berselerak dengan penyediaan kemudahan sokongan yang lengkap.
- iii. Pengukuhan aktiviti industri sedia ada.

e. Agensi Pelaksana

- i. Perbadanan Kemajuan Negeri Perak
- ii. Invest Perak Malaysia
- iii. Malaysian Investment Development Authority (MIDA)
- iv. Pemaju Swasta

f. Rujukan

- i. Guna Tanah Cadangan 2030 BP 3 Bota
- ii. Kelas Kegunaan Tanah Dan Garis Panduan Kawasan Industri



Bloxwich (M) Sdn Bhd




Contoh Bangunan
Industri Ringan



TANPA SKALA


RANCANGAN TEMPATAN

RAJAH 3.8
CADANGAN PEMBANGUNAN INDUSTRI
BANDAR SERI ISKANDAR DAERAH PERAK TENGAH



PETUNJUK

- Kawasan Perindustrian Sedia Ada
- Kawasan Perindustrian Cadangan
- Lain-Lain
- Jalan Raya
- Sempadan Blok Perancangan/Mukim
- Sempadan Daerah



TAMAN TEKNOLOGI SERI ISKANDAR

**Pengukuhan Aktiviti Industri :
Cadangan Taman Industri
Ringan Seri Iskandar**

- Tapak industri seluas 10 hektar dilengkapi kemudahan infrastruktur dan utiliti.
- Bangunan kilang berderet dan berkembar.
- Kemudahan gunasama
- Kemudahan sokongan khususnya tempat meletak kenderaan, lori/treler, medan selera, tandas awam dan kawasan lanskap.

Sumber : Kajian Rancangan Tempatan
Daerah Perak Tengah 2030



3.2.3 Cadangan Taman IKS Kampong Gajah

a. Pengenalan

Kampong Gajah - Bandar Seberang Perak merupakan salah satu kawasan utama bagi menggalakkan pembangunan perindustrian di Daerah Perak Tengah khususnya aktiviti IKS. Ia berasaskan kedapatan kemudahan infrastruktur dan utiliti, pengangkutan dan pelbagai kemudahan sokongan. Asas struktur industri sedia ada tertumpu kepada aktiviti industri asas tani khususnya industri pemprosesan makanan di kalangan penduduk tempatan yang terlibat secara langsung dalam sektor pertanian. Justeru adalah disyorkan Taman IKS dibangunkan berhampiran pekan Kampong Gajah dan kawasan persekitarannya.

b. Lokasi

Kampong Gajah

c. Komponen

- i. Tapak industri seluas 10 hektar dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur dan utiliti.
- ii. Bangunan kilang berderet, berkembar dan sesebuah.
- iii. Kemudahan gunasama
- iv. Kemudahan sokongan khususnya tempat meletak kenderaan, lori/treler, medan selera, tandas awam dan kawasan lanskap.

d. Justifikasi

- i. Ketiadaan kawasan industri terancang bagi menampung keperluan pengusaha IKS sedia ada dan masa hadapan.
- ii. Pemusatan dan penempatan semula aktiviti IKS yang berselerak dengan penyediaan kemudahan sokongan yang lengkap.
- iii. Pengukuhan aktiviti industri sedia ada.

e. Agensi Pelaksana

- i. Perbadanan Kemajuan Negeri Perak
- ii. Invest Perak Malaysia
- iii. Malaysian Investment Development Authority (MIDA)
- iv. Pemaju Swasta

f. Rujukan

- i. Guna Tanah Cadangan 2030 BP 7 Kampong Gajah
- ii. Kelas Kegunaan Tanah Dan Garis Panduan Kawasan Industri





Contoh Bangunan Industri Berderet



Contoh Bangunan Industri Berkembar

CADANGAN TAMAN IKS KAMPUNG GAJAH



TANPA SKALA

RANCANGAN TEMPATAN

RAJAH 3.9
CADANGAN PEMBANGUNAN INDUSTRI
KAMPUNG GAJAH DAERAH PERAK TENGAH

PETUNJUK

- Kawasan Perindustrian Sedia Ada
- Kawasan Perindustrian Cadangan
- Lain-Lain
- Jalan Raya
- Sempadan Blok Perancangan/Mukim
- Sempadan Daerah

**Pengukuhan Aktiviti Industri :
Cadangan Taman IKS
Kampung Gajah**

- Tapak industri seluas 10 hektar dilengkapi kemudahan infrastruktur dan utiliti.
- Bangunan kilang berderet, berkembar dan sesebuah.
- Kemudahan gunasama
- Kemudahan sokongan khususnya tempat meletak kenderaan, lori/treler, medan selera, tandas awam dan kawasan lanskap.

Sumber : Kajian Rancangan Tempatan
Daerah Perak Tengah 2030



3.2.4 Cadangan Taman IKS Changkat Chermin

a. Pengenalan

Bandar Seri Iskandar - Changkat Chermin merupakan salah satu kawasan utama bagi menggalakkan pembangunan perindustrian di Daerah Perak Tengah khususnya aktiviti IKS. Ia berasaskan kedapatan kemudahan infrastruktur dan utiliti, pengangkutan dan pelbagai kemudahan sokongan. Asas struktur industri sedia ada tertumpu kepada aktiviti industri asas tani (IAT), pemprosesan makanan dan produk perkayuan selain produk galian bukan logam. Justeru adalah disyorkan Taman IKS dibangunkan berhampiran pusat petempatan Titi Gantong - Changkat Chermin dan kawasan persekitarannya.

b. Lokasi

Titi Gantong/Changkat Chermin

c. Komponen

- i. Tapak industri seluas 10 hektar dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur dan utiliti.
- ii. Bangunan kilang berderet, berkembar dan sesebuah.
- iii. Kemudahan gunasama.
- iv. Kemudahan sokongan khususnya tempat meletak kenderaan, lori/treler, medan selera, tandas awam dan kawasan lanskap.

d. Justifikasi

- i. Ketiadaan kawasan industri terancang bagi menampung keperluan pengusaha IKS sedia ada dan masa hadapan.
- ii. Pemusatan dan penempatan aktiviti IKS yang berselerak dengan penyediaan kemudahan sokongan yang lengkap.
- iii. Pengukuhan aktiviti industri sedia ada.
- iv. Kemudahan infrastuktur, utiliti dan sokongan yang tersedia serta memerlukan peningkatan taraf.

e. Agensi Pelaksana

- i. Perbadanan Kemajuan Negeri Perak
- ii. Invest Perak Malaysia
- iii. Malaysian Investment Development Authority (MIDA)
- iv. Pemaju Swasta

f. Rujukan


- i. Guna Tanah Cadangan 2030 BP 3 Bota
- ii. Kelas Kegunaan Tanah Dan Garis Panduan Kawasan Industri



Contoh Bangunan Kilang Berderet



Contoh Bangunan Industri Berkembar




TANPA SKALA

RANCANGAN TEMPATAN

RAJAH 3.10 CADANGAN PEMBANGUNAN INDUSTRI CHANGKAT CHERMIN DAERAH PERAK TENGAH

PETUNJUK

- Kawasan Perindustrian Sedia Ada
- Kawasan Perindustrian Cadangan
- Lain-Lain
- Jalan Raya
- Sempadan Blok Perancangan/Mukim
- Sempadan Daerah



CADANGAN TAMAN IKS CHANGKAT CHERMIN

Penguksuhan Aktiviti Industri : Cadangan Taman IKS Changkat Chermín

- Tapak industri seluas 10 hektar dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur dan utiliti.
- Bangunan kilang berderet, berkembar dan sesebuah.
- Kemudahan gunasama
- Kemudahan sokongan khususnya tempat meletak kenderaan, lori/treler, medan selera, tandas awam dan kawasan lanskap.

Sumber : Kajian Rancangan Tempatan
Daerah Perak Tengah 2030



3.3 STRATEGI 1.3 : PEMODENAN AKTIVITI PERTANIAN MELALUI PENGUSAHAAN TANAH SECARA PERLADANGAN

3.3.1 Cadangan Meningkatkan Produktiviti Tanaman Getah Di Daerah Perak Tengah

a. Pengenalan

Pada tahun 2030, keluasan tanaman getah di Daerah Perak Tengah adalah seluas 16,597 hektar dan merupakan tanaman komoditi kedua terpenting selepas kelapa sawit. Dengan ini, produktivitinya harus dipertingkatkan bagi menjamin sumber pendapatan kepada pekebun kecil iaitu dipertingkatkan kepada 1,500 kilogram/hektar/tahun. Tindakan yang perlu diambil termasuklah penanaman semula pokok getah tua/tidak produktif, penggunaan klon terpilih, penggunaan teknologi terkini dan kadar nisbah peker 1:6 (1 pekerja setiap 6 hektar kebun getah). Secara keseluruhan keluasan tanaman getah dijangka menurun ekoran kecenderungan pekebun kecil dan ladang swasta menukar kepada tanaman kelapa sawit yang lebih bernilai tinggi.

b. Lokasi

Kesemua kawasan tanaman getah sedia ada dalam Daerah Perak Tengah.

c. Komponen

- i. Mengamalkan 'Amalan Pertanian Baik' serta penggunaan teknologi terkini seperti Sistem Torehan Kekerapan Rendah (LITS), Etefon dan G-Flex.
- ii. Menanam semula pokok getah yang tidak produktif (berusia 25 tahun keatas).
- iii. Meningkatkan produktiviti tanaman getah kepada 1,500 kilogram/hektar/tahun.
- iv. Mengamalkan nisbah seorang pekerja setiap 6 hektar kebun getah untuk pencapaian gunatenaga sepenuh masa dan ekonomik.

d. Justifikasi

Menyumbang kepada pembangunan ekonomi jajahan dan pendapatan penduduk, terutamanya golongan pekebun kecil serta pembangunan tanah pertanian secara ekonomik supaya tidak berlaku pembaziran sumber (tanah pertanian).


e. Agensi Pelaksana

- i. RISDA
- ii. FELCRA
- iii. Estet Swasta

f. Rujukan

- i. Guna Tanah Cadangan RTD Perak Tengah 2030
- ii. Kelas Kegunaan Tanah Dan Garis Panduan Kawasan Pertanian





TANPA SKALA

RANCANGAN TEMPATAN

RAJAH 3.11
CADANGAN PEMBANGUNAN TANAMAN GETAH
DAERAH PERAK TENGAH

PETUNJUK


Getah

Lain-Lain

Jalan Raya

Sempadan Blok Perancangan/Mukim

Sempadan Daerah



Peningkatan Produktiviti
Tanaman Getah

- Mengamalkan 'Amalan Pertanian Baik' serta penggunaan teknologi terkini (Sistem Torehan Kekurangan Rendah (LITS), Etefon dan G-Flex).
- Menanam semula pokok getah yang tidak produktif (berusia 25 tahun keatas)
- Meningkatkan produktiviti tanaman getah kepada 1,500 kilogram/hektar/tahun
- Mengamalkan nisbah seorang pekerja setiap 6 hektar kebun getah

Sumber : Kajian Rancangan Tempatan
Daerah Perak Tengah 2030



3.3.2 Cadangan Peningkatan Produktiviti Tanaman Kelapa Sawit Di Seluruh Daerah Perak Tengah.

a. Pengenalan

Tanaman kelapa sawit merupakan tanaman komoditi utama bagi Daerah Perak Tengah dan keluasan tanaman dijangka akan meningkat daripada 45,519 hektar (2015) kepada 52,150 (2030) iaitu pertambahan seluas 6,631 hektar. Bagi memastikan produktiviti yang baik, tanaman kelapa sawit perlu dipertingkatkan hasil pengeluaran tandan buah segar (FFB) daripada 11 tan kepada 20 tan/hektar/tahun. Manakala kadar perahan minyaknya (OER) dipertingkatkan daripada 20% kepada 25% . Secara keseluruhan, industri tanaman kelapa sawit mempunyai potensi tinggi untuk diperkembangkan bagi penghasilan nilai tambah dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Daerah Perak Tengah.

b. Lokasi

Kesemua kawasan tanaman kelapa sawit sedia ada dan terletak di luar koridor pembangunan Daerah Perak Tengah (seluas 45,519 hektar)

c. Komponen

- i. Mengamalkan 'Amalan Pertanian Baik' serta penggunaan teknologi yang terkini dan bersesuaian.
- ii. Menanam semula pokok kelapa sawit yang tidak produktif, iaitu 25 tahun.
- iii. Menggunakan klon dan baka terpilih.
- iv. Meningkatkan produktiviti hasil tandan segar daripada 11 tan kepada 20 tan/ hektar/ tahun, serta kadar perahan minyak dari 20% kepada 25%.
- v. Mengamalkan nisbah pekerja : kawasan kelapa sawit, iaitu 1:10 untuk pencapaian gunatenaga secara sepenuh masa dan ekonomik.

d. Justifikasi

Menyumbang kepada pembangunan ekonomi daerah dan pendapatan penduduk, terutamanya golongan pekebun kecil serta pembangunan tanah pertanian secara ekonomik supaya tidak berlaku pembaziran sumber.


e. Agensi Pelaksana

- i. RISDA
- ii. FELCRA
- iii. Estet Swasta

f. Rujukan

- i. Guna Tanah Cadangan RTD Perak Tengah 2030
- ii. Kelas Kegunaan Tanah Dan Garis Panduan Kawasan Pertanian





TANPA SKALA

RANCANGAN TEMPATAN

RAJAH 3.12
CADANGAN PEMBANGUNAN TANAMAN KELAPA
SAWIT DAERAH PERAK TENGAH

PETUNJUK


Kelapa Sawit

Lain-Lain

Jalan Raya

Sempadan Blok Perancangan/Mukim

Sempadan Daerah



DAERAH
MANJUNG

DAERAH
KINTA

DAERAH
KAMPAR

DAERAH
BATANG
PADANG

DAERAH
HILIR
PERAK



PELAN LOKASI
TANPA SKALA



Peningkatan Produktiviti Tanaman Kelapa Sawit

- Mengamalkan 'Amalan Pertanian Baik' serta penggunaan teknologi yang terkini dan bersesuaian.
- Menanam semula pokok kelapa sawit yang tidak produktif, iaitu 25 tahun.
- Menggunakan klon dan baka terpilih.
- Meningkatkan produktiviti hasil tandan segar daripada 11 tan kepada 20 tan/ hektar/ tahun, serta kadar perahan minyak dari 20% kepada 25%.
- Mengamalkan nisbah pekerja : kawasan kelapa sawit, iaitu 1:10 hektar.

Sumber : Kajian Rancangan Tempatan
Daerah Perak Tengah 2030



3.3.3 Cadangan Peningkatan Produktiviti Tanaman Padi Dalam Kawasan Jelapang Padi Dan Luar Kawasan Jelapang Padi Daerah Perak Tengah

a. Pengenalan

Daerah Perak Tengah merupakan salah satu pengeluar utama tanaman padi di Negeri Perak dan ia meliputi kawasan seluas 10,091 hektar khususnya dibawah IADA Seberang Perak. Ia merupakan salah satu kawasan Jelapang Padi utama yang menjadi sumber bekalan tanaman makanan negara. Sepanjang tempoh perancangan, keluasan tanaman padi dijangka akan terus kekal dan usaha berterusan perlu diambil bagi meningkatkan hasil pengeluaran selaras dengan hasrat negara dalam meningkatkan produktiviti padi serta menyumbang ke arah sasaran saradiri beras negara ditahap 70% dan objektif jaminan makanan negara serta jaminan makanan tempatan.

b. Lokasi

- i. Kawasan Jelapang Padi IADA Seberang Perak
- ii. Luar kawasan Jelapang Padi dalam Daerah Perak Tengah

c. Komponen

- i. Membangun dan menyediakan sistem saliran dan pengairan yang lengkap dan menyeluruh.
- ii. Mengamalkan 'Amalan Pertanian Baik' serta penggunaan teknologi yang terkini dan bersesuaian.
- iii. Meningkatkan produktiviti tanaman padi kepada 10 tan/ hektar/ musim.
- iv. Meningkatkan nisbah petani : kawasan padi kepada 1:6 untuk mencapai gunatenaga yang ekonomik dan seterusnya meningkatkan pendapatan petani.

d. Justifikasi

- i. Menyumbang dalam pencapaian sasaran saradiri beras negara di tahap 70% serta objektif jaminan makanan.
- ii. Menyumbang kepada pembangunan ekonomi daerah dan pendapatan penduduk, terutamanya golongan petani serta pembangunan tanah pertanian secara ekonomik.


e. Agensi Pelaksana

- i. Jabatan Pertanian
- ii. Jabatan Pengairan dan Saliran
- iii. IADA Seberang Perak
- iv. Petani

f. Rujukan

- i. Guna Tanah Cadangan RTD Perak Tengah 2030
- ii. Kelas Kegunaan Tanah Dan Garis Panduan Kawasan Pertanian





TANPA SKALA

RANCANGAN TEMPATAN

RAJAH 3.13 CADANGAN PEMBANGUNAN TANAMAN PADI DAERAH PERAK TENGAH

PETUNJUK


Padi

Lain-Lain

Jalan Raya


Sempadan Blok Perancangan/Mukim

Sempadan Daerah



Peningkatan Produktiviti Tanaman Padi Dalam Kawasan Jelapang Padi dan Luar Kawasan Jelapang Padi

- Membangun dan menyediakan sistem saliran dan pengairan yang lengkap dan menyeluruh.
- Mengamalkan 'Amalan Pertanian Baik' serta penggunaan teknologi yang terkini dan bersesuaian.
- Meningkatkan produktiviti tanaman padi kepada 10 tan/ hektar/ musim.
- Meningkatkan nisbah petani : kawasan padi kepada 1:6 hektar.



Sumber : Kajian Rancangan Tempatan
Daerah Perak Tengah 2030



3.3.4 Cadangan Peningkatan Produktiviti Buah-buahan, Sayur-Sayuran Dan Tanaman Lain.

a. Pengenalan

Selain tanaman komoditi khususnya kelapa sawit dan getah serta tanaman makanan khususnya padi, Daerah Perak Tengah turut menggalak dan menggiatkan pengusahaan lain-lain tanaman yang mempunyai pulangan hasil yang tinggi khususnya tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran serta rempah ratus. Ia menjanjikan pulangan hasil dan pendapatan lumayan kepada pekebun kecil dan petani di Daerah Perak Tengah. Jumlah keluasan bagi tanaman sayur-sayuran diunjurkan akan meningkatkan daripada 69 hektar (2015) kepada 189 hektar (2030). Manakala tanaman buah-buahan dijangka meningkat daripada 420 hektar (2015) kepada 1,012 hektar (2030).

b. Lokasi

Semua kawasan lain-lain tanaman sedia ada dan terletak di luar koridor pembangunan daerah (12,262 hektar).

c. Komponen

- i. Mengamalkan 'Amalan Pertanian Baik' serta penggunaan teknologi yang terkini dan bersesuaian.
- ii. Meningkatkan produktiviti tanaman buah-buahan kepada 7.5 tan/ hektar/ musim.
- iii. Meningkatkan produktiviti tanaman sayur-sayuran kepada 15 tan/ hektar/ pusingan.
- iv. Menjalankan aktiviti pertanian secara komersial dan ekonomik dengan mengamalkan :
 - 1 petani : 6 hektar kawasan tanaman buah-buahan.
 - 1 petani : 1 hektar kawasan tanaman sayur-sayuran.
 - 1 petani : 4 hektar kawasan tanaman tahunan.
 - 1 petani : 6 hektar kawasan tanaman lain.

d. Justifikasi

- i. Menyumbang kepada pembangunan ekonomi daerah dan pendapatan penduduk, terutamanya golongan petani serta pembangunan tanah pertanian secara ekonomik.
- ii. Menjamin sumber makanan tempatan secara khususnya.


e. Agensi Pelaksana

- i. Jabatan Pertanian
- ii. Pertubuhan Peladang Kawasan
- iii. Petani

f. Rujukan

- i. Guna Tanah Cadangan RTD Perak Tengah 2030
- ii. Kelas Kegunaan Tanah Dan Garis Panduan Khusus Kawasan Pertanian





TANPA SKALA

RANCANGAN TEMPATAN

RAJAH 3.14



CADANGAN PEMBANGUNAN TANAMAN BUAH-
BUAHAN, SAYUR-SAYURAN DAN LAIN-LAIN
DAERAH PERAK TENGAH

PETUNJUK

- Dusun Buah-Buahan
- Kelapa
- Pertanian Campuran
- Lain-Lain

Lain-Lain

- Jalan Raya
- Sempadan Blok Perancangan/Mukim
- Sempadan Daerah



PELAN LOKASI
TANPA SKALA



Peningkatan Produktiviti Tanaman Buah-Buahan, Sayur-Sayur Dan Tanaman Lain

- Mengamalkan 'Amalan Pertanian Baik' serta penggunaan teknologi yang terkini dan bersesuaian.
- Meningkatkan produktiviti tanaman buah-buahan kepada 7.5 tan/ hektar/ musim.
- Meningkatkan produktiviti tanaman sayur-sayuran kepada 15 tan/ hektar/ pusingan.
- Menjalankan aktiviti pertanian secara komersial dan ekonomik dengan mengamalkan :
 - 1 petani : 6 hektar kawasan tanaman buah-buahan.
 - 1 petani : 1 hektar kawasan tanaman sayur-sayuran.
 - 1 petani : 4 hektar kawasan tanaman tahunan.
 - 1 petani : 6 hektar kawasan tanaman lain.

Sumber : Kajian Rancangan Tempatan
Daerah Perak Tengah 2030



3.3.5 Cadangan Pembangunan Semula Tanah Pertanian Terbiar Dan Kawasan Pertanian Yang Tidak Diusahakan Secara Ekonomik

a. Pengenalan

Tanah-tanah pertanian terbiar di Daerah Perak Tengah perlu diberi perhatian yang sewajarnya. Jika didapati sesuai, ia harus dibangunkan untuk aktiviti pertanian seperti buah-buahan dan sayur-sayuran melainkan kawasan berkaitan telah dicadangkan untuk pembangunan perbandaran dan petempatan. Selain daripada itu, aktiviti ternakan haiwan dan akuakultur juga digalakkan untuk dijalankan di kawasan pertanian terbiar jika didapati sesuai. Secara keseluruhan kawasan tanah pertanian terbiar di Daerah Perak Tengah meliputi kawasan seluas 1,373 hektar dengan tumpuan utama di BP 3 Bota (419 hek.), BP 7 Kampong Gajah (411 hek.) dan BP 8 Pasir Panjang Hulu (190 hek.)

b. Lokasi

Semua kawasan tanah pertanian terbiar terutama di BP3 Bota, BP7 Kampong Gajah dan BP8 Pasir Panjang Hulu.

c. Komponen

- i. Kajian terperinci untuk mengkaji daya maju ekonomi sebelum mengusahakan aktiviti pembangunan.
- ii. Dilaksanakan secara pengurusan berkelompok dan komersial.
- iii. Tanaman buah-buahan, sayur-sayuran, herba dan rempah ratus.
- iv. Projek Integrasi Pertanian dan Penternakan.
- v. Akuakultur.

d. Justifikasi

- i. Memaksimumkan penggunaan tanah pertanian yang ada tanpa berlakunya pembaziran sumber (tanah pertanian).
- ii. Mendatangkan pendapatan tambahan kepada golongan petani dan pekebun kecil serta penduduk kampung/masyarakat desa.
- iii. Meningkatkan produktiviti pertanian, pendapatan dan ekonomi daerah.


e. Agensi Pelaksana

- i. Jabatan Pertanian
- ii. Jabatan Perkhidmatan Veterinar
- iii. Jabatan Perikanan
- iv. RISDA
- v. FELCRA
- vi. Pemilik tanah/ petani/ pekebun kecil

f. Rujukan

- i. Guna Tanah Cadangan RTD Perak Tengah 2030
- ii. Kelas Kegunaan Tanah Dan Garis Panduan Khusus Kawasan Pertanian





TANPA SKALA

RANCANGAN TEMPATAN

RAJAH 3.15 CADANGAN PEMBANGUNAN TANAH PERTANIAN TERBIAR DAERAH PERAK TENGAH

PETUNJUK


Tanah Kosong

Lain-Lain

Jalan Raya


Sempadan Blok Perancangan/Mukim

Sempadan Daerah



Pembangunan Semula Tanah Pertanian Terbiar Dan Kawasan Pertanian Yang Tidak Ekonomik

- Kajian terperinci untuk mengkaji daya maju ekonomi sebelum mengusahakan aktiviti pembangunan.
- Dilaksanakan secara pengurusan berkelompok dan komersial.
- Tanaman buah-buahan, sayur-sayuran, herba dan rempah ratus.
- Projek Integrasi Pertanian dan Penternakan
- Akuakultur.



Sumber : Kajian Rancangan Tempatan
Daerah Perak Tengah 2030



3.3.6 Cadangan Peningkatan Produktiviti Ternakan Lembu, Kambing Dan Bebiri

a. Pengenalan

Aktiviti penternakan memainkan peranan utama kepada sektor pertanian dan menjadi pelengkap kepada pertumbuhan ekonomi sektor pertanian di Daerah Perak Tengah. Berdasarkan senario pembangunan semasa, sepanjang tempoh perancangan, populasi ternakan di Daerah Perak Tengah dijangka akan meningkat khususnya bagi ternakan lembu, kambing dan bebiri. Secara keseluruhan, jumlah populasi bagi ternakan lembu, kambing dan bebiri dijangka akan meningkat daripada 12,624 ekor (2015) kepada 16,896 ekor (2030). Usaha perlu dilaksanakan bagi memastikan produktiviti sektor penternakan terus meningkat bagi memenuhi hasrat bekalan makanan negara dan Daerah Perak Tengah khususnya ke arah sara diri sepenuhnya.

b. Lokasi

Kawasan penternakan lembu, kambing dan bebiri sedia ada dan tapak baru yang berpotensi.

c. Komponen

- i. Menggalakkan ternakan lembu, kambing dan bebiri secara integrasi dengan tanaman kekal khususnya kelapa sawit dan getah.
- ii. Menggalakkan penggunaan rezab padang ragut sedia ada secara optima.
- iii. Meningkatkan produktiviti lembu dari 7,246 ekor kepada 8,843 ekor, kambing dari 4,780 ekor kepada 6,346 ekor dan bebiri dari 418 ekor kepada 1,707 ekor.
- iv. Menaiktaraf infrastruktur ladang ternakan sedia ada dan tapak baru yang dikenalpasti.

d. Justifikasi

- i. Meningkatkan pendapatan penduduk dan penternak serta ekonomi daerah.
- ii. Meningkatkan pengeluaran daging lembu, kambing dan bebiri yang bermutu bagi memenuhi bekalan makanan daerah.
- iii. Mewujudkan suasana persekitaran yang mesra alam serta mesra penduduk setempat.


e. Agensi Pelaksana

- i. Jabatan Perkhidmatan Veterinar
- ii. Majlis Daerah Perak Tengah
- iii. Pengusaha dan penternak sedia ada dan baru

f. Rujukan

- i. Guna Tanah Cadangan RTD Perak Tengah 2030
- ii. Kelas Kegunaan Tanah Dan Garis Panduan Khusus Kawasan Penternakan/Pertanian





TANPA SKALA

RANCANGAN TEMPATAN


RAJAH 3.16 CADANGAN PEMBANGUNAN PENTERNAKAN DAERAH PERAK TENGAH

PETUNJUK

- Pertanian
- Ternakan Kerbau Sawah
- Ternakan Lembu Daging
- Ternakan Bebiri
- Ternakan Kambing Pedaging

Lain-Lain


- Jalan Raya
- Sempadan Blok Perancangan/Mukim
- Sempadan Daerah



Pembangunan Projek Ternakan Lembu, Kambing Dan Bebiri

- Menggalakkan ternakan lembu, kambing dan bebiri secara integrasi dengan tanaman kekal khususnya kelapa sawit dan getah.
- Menggalakkan penggunaan rezab padang ragut sedia ada secara optima.
- Meningkatkan produktiviti lembu dari 7,246 ekor kepada 8,843 ekor, kambing dari 4,780 ekor kepada 6,346 ekor dan bebiri dari 418 ekor kepada 1,707 ekor.
- Menaiktaraf infrastruktur ladang ternakan sedia ada dan tapak baru yang dikenalpasti.

DAERAH HILIR PERAK



PELAN LOKASI
TANPA SKALA



Sumber : Kajian Rancangan Tempatan
Daerah Perak Tengah 2030



MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH

3.3.7 Cadangan Peningkatan Produktiviti Ayam Secara Mesra Alam

a. Pengenalan

Perusahaan ternakan ayam secara ladang dan komersial mendapat sambutan baik dikalangan penternak tempatan dimana ia melibatkan sejumlah 7 penternak dengan populasi 465,000 ekor ayam dan ia diunjurkan akan meningkat kepada 618,915 ekor ayam menjelang tahun 2030. Kesemua ternakan ayam yang diusahakan secara komersial mestilah dijalankan secara mesra alam dengan menaiktaraf daripada sistem terbuka kepada sistem tertutup dan berhawa dingin yang tidak mencemarkan alam sekitar. Keadaan kawalan keselamatan yang tinggi dan keadaan dalaman reban yang selesa akan turut meningkatkan produktiviti serta kualiti hasil ternakan ayam.

b. Lokasi

Kawasan penternakan sedia ada dan tapak baru yang berpotensi.

c. Komponen

- i. Menggalakkan penggunaan 'Sistem Reban Tertutup' yang mesra alam.
- ii. Meningkatkan produktiviti ayam daripada 465,000 ekor kepada 618,915 ekor.
- iii. Menaiktaraf jalan ladang ke tapak reban ayam untuk memudahkan kerja-kerja pengangkutan input dan hasil aktiviti ternakan ayam.

d. Justifikasi

- i. Meningkatkan pendapatan penduduk dan penternak serta ekonomi daerah.
- ii. Meningkatkan pengeluaran daging ayam yang bermutu, penghasilan telur yang berkualiti dan kawalan keselamatan yang tinggi.
- iii. Mewujudkan suasana persekitaran yang mesra alam serta mesra penduduk setempat.


e. Agensi Pelaksana

- i. Jabatan Perkhidmatan Veterinar
- ii. Majlis Daerah Perak Tengah
- iii. Pihak swasta – penternak sedia ada dan baru

f. Rujukan

- i. Guna Tanah Cadangan RTD Perak Tengah 2030
- ii. Kelas Kegunaan Tanah Dan Garis Panduan Kawasan Pertanian





TANPA SKALA

RANCANGAN TEMPATAN

RAJAH 3.17 CADANGAN PEMBANGUNAN TERNAKAN AYAM DAERAH PERAK TENGAH

PETUNJUK

Pertanian


Ternakan Ayam

Lain-Lain

Jalan Raya


Sempadan Blok Perancangan/Mukim

Sempadan Daerah



Pembangunan Projek Ternakan Ayam Secara Mesra Alam

- Menggalakkan penggunaan 'Sistem Reban Tertutup' yang mesra alam.
- Meningkatkan produktiviti ayam daripada 465,000 ekor kepada 618,915 ekor.
- Menaiktaraf jalan ladang ke tapak reban ayam untuk memudahkan kerja-kerja pengangkutan input dan hasil aktiviti ternakan ayam.
- Meningkatkan pengeluaran daging ayam dan telur yang berkualiti dan kawalan keselamatan yang tinggi.



Sumber : Kajian Rancangan Tempatan
Daerah Perak Tengah 2030

3.3.8 Cadangan Peningkatan Produktiviti Akuakultur Daerah Perak Tengah

a. Pengenalan

Aktiviti perusahaan akuakultur di Daerah Perak Tengah mempunyai potensi yang baik untuk berkembang maju melalui peningkatan usaha ke atas tapak sedia ada dan mewujudkan lebih banyak kolam ikan dan perusahaan ikan dalam sangkar. Ia amat penting bagi meningkatkan produktiviti perikanan air tawar dan pendapatan penternak di Daerah Perak Tengah. Adalah dicadangkan kawasan-kawasan yang berdekatan dengan aktiviti akuakultur sedia ada dimajukan lagi untuk aktiviti akuakultur dengan pembesaran dan penambahan bilangan kolam ternakan. Ia akan meningkatkan lagi kapasiti pengeluaran ikan air tawar. Selain daripada itu, bekas lombong yang terdapat di BP 7 Kampong Gajah dan BP 8 Pasir Panjang Hulu perlu dibangunkan dengan aktiviti akuakultur.

b. Lokasi

Tapak akuakultur sedia ada serta kawasan baru yang berpotensi.

c. Komponen

- i. Menambahkan keluasan dan bilangan kolam ternakan dengan membangunkan persekitaran kawasan akuakultur yang sedia ada.
- ii. Membangunkan bekas lombong di BP7 Kampong Gajah dan BP8 Pasir Panjang Hulu untuk aktiviti akuakultur.
- iii. Menaiktaraf jalan-jalan ladang yang menghubungkan tapak akuakultur dengan jalan penghubung utama untuk memudahkan aktiviti pengangkutan input dan hasil akuakultur.
- iv. Menggunakan mekanisme atau peralatan moden yang terkini dan bersesuaian untuk meningkatkan produktiviti akuakultur.
- v. Antara ternakan ikan yang sesuai untuk diusahakan adalah ikan tilapia merah, ikan keli.

d. Justifikasi

Kawasan-kawasan yang dicadangkan adalah berpotensi untuk aktiviti akuakultur dan ia harus digunakan sepenuhnya untuk mempertingkatkan hasil pengeluaran akuakultur serta meningkatkan pendapatan pengusaha dan ekonomi jajahan.

e. Agensi Pelaksana

- i. Jabatan Perikanan
- ii. Majlis Daerah Perak Tengah
- iii. Pengusaha / penternak akuakultur

f. Rujukan

- i. Guna Tanah Cadangan RTD Perak Tengah 2030
- ii. Kelas Kegunaan Tanah Dan Garis Panduan Kawasan Perikanan





RANCANGAN TEMPATAN

RAJAH 3.18 CADANGAN PEMBANGUNAN PERIKANAN DAERAH PERAK TENGAH

PETUNJUK

- Pertanian
- Perikanan Darat (Sungai Perak)
- Perikanan Akuakultur

Lain-Lain

- Jalan Raya
- Sempadan Blok Perancangan/Mukim
- Sempadan Daerah


DAERAH
MANJUNG

DAERAH
KINTA

DAERAH
KAMPAR


DAERAH
BATANG
PADANG

DAERAH
HILIR
PERAK



Peningkatan Produktiviti Akuakultur

- Menambah keluasan dan bilangan kolam ternakan dengan membangunkan persekitaran kawasan akuakultur yang sedia ada.
- Membangunkan bekas lombong di BP7 Kampong Gajah dan BP8 Pasir Panjang Hulu untuk aktiviti akuakultur.
- Menaiktaraf jalan-jalan ladang yang menghubungkan tapak akuakultur dengan jalan penghubung utama untuk memudahkan aktiviti pengangkutan input dan hasil akuakultur.
- Menggunakan mekanisme atau peralatan moden yang terkini dan bersesuaian untuk meningkatkan produktiviti akuakultur.



PELAN LOKASI
TANPA SKALA



Sumber : Kajian Rancangan Tempatan
Daerah Perak Tengah 2030



MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH

3.3.9 Cadangan Membangun Dan Meningkatkan Produktiviti IAT

a. Pengenalan

Industri asas tani atau IAT di Daerah Perak Tengah mempunyai asas yang kukuh untuk diperkembangkan berasaskan kewujudan sejumlah 61 usahawan dibawah penyeliaan Jabatan Pertanian. Usaha bagi memantap dan mengukuhkan aktiviti IAT harus dilaksanakan bagi meningkatkan pendapatan dan taraf ekonomi penduduk setempat terutama kepada pengusaha IAT. Bagi meningkatkan produktiviti usahawan sedia ada dan melahirkan lebih banyak usahawan baru, kursus dan latihan yang berterusan perlu dianjurkan oleh pihak berwajib bagi meningkatkan pengetahuan berkaitan kemahiran pemprosesan, pengurusan dan pemasaran. Ia bertujuan meningkatkan daya saing dan daya maju para usahawan sedia ada dan baru di Daerah Perak Tengah.

b. Lokasi

Industri asas tani sedia ada dan baru di rangkaian petempatan desa dalam Daerah Perak Tengah.

c. Komponen

- i. Memperkasakan modal insan dan kemahiran usahawan (sedia ada dan baru) menerusi penganjuran program/kursus pemprosesan, pengurusan dan pemasaran.
- ii. Mengamalkan 'Amalan Pengilangan Yang Baik (GMP)', 'Amalan Kebersihan Yang Baik (GHP)' dalam usaha pengeluaran produk hiliran pertanian.
- iii. Memperluas dan mengukuhkan pasaran tempatan dengan kaedah pembungkusan dan pelabelan yang lebih menarik.
- iv. Meningkatkan bilangan usahawan asas tani daripada 61 orang kepada 100 orang.


d. Justifikasi

- i. Meningkatkan daya saing dan pendapatan pengusaha, penduduk setempat serta memantapkan pembangunan ekonomi setempat.
- ii. Membangun dan meningkatkan sosio-ekonomi/taraf kualiti hidup penduduk serta petempatan luar bandar bagi merapatkan jurang di antara luar bandar dengan bandar.

e. Agensi Pelaksana

- i. RISDA
- ii. Jabatan Pertanian
- iii. Jabatan Perkhidmatan Veterinar
- iv. Majlis Daerah Perak Tengah
- v. Usahawan IAT sedia ada dan baru






TANPA SKALA

RANCANGAN TEMPATAN

RAJAH 3.19 CADANGAN PEMBANGUNAN INDUSTRI ASAS TANI DAERAH PERAK TENGAH


PETUNJUK

- Pertanian
- Industri Asas Tani
- Lain-Lain
- Jalan Raya
- Sempadan Blok Perancangan/Mukim
- Sempadan Daerah



Pembangunan Projek Industri Asas Tani

- Memperkasakan modal insan dan kemahiran usahawan (sedia ada dan baru) menerusi penganjuran program/ kursus pemprosesan, pengurusan dan pemasaran.
- Mengamalkan 'Amalan Pengilangan Yang Baik (GMP)', 'Amalan Kebersihan Yang Baik (GHP)' dalam usaha pengeluaran produk hiliran pertanian.
- Memperluas dan mengukuhkan pasaran tempatan dengan kaedah pembungkusan dan pelabelan yang lebih menarik.
- Meningkatkan bilangan usahawan asas tani daripada 61 orang kepada 100 orang.



PELAN LOKASI
TANPA SKALA



Sumber : Kajian Rancangan Tempatan
Daerah Perak Tengah 2030



3.4 STRATEGI 1.4 : PENGUKUHAN AKTIVITI PELANCONGAN BERDASARKAN SUMBER REKREASI

3.4.1 Cadangan Pembangunan Pusat Perkhidmatan Pelancongan Seri Iskandar

a. Pengenalan

Bandar Seri Iskandar merupakan bandar tumpuan bagi Daerah Perak Tengah. Oleh itu, ia amat sesuai untuk dijadikan sebagai Pusat Perkhidmatan Pelancong. Oleh yang demikian, ia sewajarnya dilengkapi dengan pelbagai kemudahan awam dan perkhidmatan sokongan pelancongan supaya dapat menampung dan menerima lebih ramai pengunjung dan pelancong di masa hadapan. Maka, usaha giat perlu dilakukan bagi meningkatkan kemudahan sokongan bagi menjadikan Bandar Seri Iskandar sebagai Pusat Perkhidmatan Pelancong.

b. Lokasi

Pusat Bandar Seri Iskandar

c. Komponen Cadangan

- i. Kiosk Informasi Pelancong (TIC).
- ii. Terminal pengangkutan awam.
- iii. Kemudahan rekreasi bandar.
- iv. Medan selera dan kafe internet.
- v. Menaiktaraf kemudahan-kemudahan sokongan sedia ada.
- vi. Pembinaan premis komersial seperti kompleks perniagaan, bazaar perniagaan, pusat membeli belah, hotel, rumah rehat dan rumah persinggahan.

d. Justifikasi

- i. Bandar Seri Iskandar kekurangan kemudahan sokongan pelancongan.
- ii. Mempertingkatkan dan mempelbagaikan kemudahan sokongan pelancongan.
- iii. Mengukuhkan fungsi Bandar Seri Iskandar sebagai pusat perkhidmatan pelancongan yang utama di Daerah Perak Tengah.
- iv. Meningkatkan ketibaan pengunjung dan pelancong domestik di masa hadapan terutama luar daripada Negeri Perak.

e. Agensi Pelaksana

- i. Perbadanan Kemajuan Negeri Perak
- ii. Majlis Daerah Perak Tengah
- iii. Pemaju Swasta

f. Rujukan

Rajah 3.20 : Pelan Aktiviti Pembangunan Pelancongan Berdasarkan Sumber Rekreasi



Cadangan Kompleks Membeli-belah, Hotel, Dan Premis Perniagaan



Cadangan Menyediakan Kemudahan Pelancongan



Cadangan Kemudahan Rekreasi Bandar

3.4.2 Cadangan Menaiktaraf Pusat Pemeliharaan Dan Konservasi Tuntung

a. Pengenalan

Pusat pemeliharaan dan konservasi tuntung di Daerah Perak Tengah terletak di Bota Kanan, berhampiran tebing Sungai Perak, lebih kurang 44km dari Ipoh dan tidak jauh dari Lumut. Ia ditubuhkan oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) bagi melindungi tuntung sungai (*Batagur Baska*) daripada ancaman kepupusan. Tuntung sungai merupakan spesies terancam di seluruh dunia dan tersenarai di dalam 'IUCN Red Data Book'. Pusat ini berfungsi sebagai pusat pengumpulan dan penetasan telur tuntung. Anak-anak tuntung ini kemudiannya akan dilepaskan ke dalam sungai sebagai sebahagian daripada program pemuliharaan. Ia semakin dikenali dan menarik pengunjung dari dalam dan luar negara. Dengan mengunjungi pusat ini, orang ramai dapat mengenali habitat tuntung sebagai sebahagian daripada khazanah kepelbagaian biologi negara.

b. Lokasi

Bota Kanan

c. Komponen Cadangan

- i. Penyediaan tempat letak kenderaan.
- ii. Terminal pengangkutan awam.
- iii. Penyediaan papan tanda dan arah jalan masuk .
- iv. Menaiktaraf kemudahan-kemudahan sokongan sedia ada
- v. Penyediaan kemudahan awam (wakaf, surau, tandas awam, lampu jalan, laluan / denai pejalan kaki dan tong sampah).



Pusat Pemeliharaan Dan Konservasi Tuntung

d. Justifikasi

- i. Mempelbagaikan produk pelancongan sedia ada.
- ii. Kekurangan kemudahan sokongan pelancongan.
- iii. Mempertingkatkan dan mempelbagaikan kemudahan sokongan pelancongan sedia ada.
- iv. Meningkatkan ketibaan pengunjung dan pelancong domestik di masa hadapan terutama luar daripada Negeri Perak.
- v. Pengukuhan aktiviti rekreasi sedia ada.

e. Agensi Pelaksana

- i. Perbadanan Kemajuan Negeri Perak.
- ii. Majlis Daerah Perak Tengah.
- iii. Pemaju Swasta.
- iv. Perhilitan.

f. Rujukan



Cadangan Kemudahan Sokongan (Parkir Kenderaan)

Rajah 3.20 : Pelan Aktiviti Pembangunan Pelancongan Berdasarkan Sumber Rekreasi

3.4.3 Cadangan Membangunkan Pekan Parit Sebagai Pusat Tarikan Pelancongan

a. Pengenalan

Keistimewaan tersendiri pekan Parit ialah senibinanya yang berkonsepkan kolonial. Namun, kawasan ini tidak dipulihara dan diselenggara dengan baik menyebabkan pekan Parit kelihatan suram dan tidak aktif. Bangunan di pekan Parit ini hendaklah dipulihara bagi mengekalkan ciri warisan sejarahnya untuk menarik minat pelancong mengunjungi dan menikmati keunikannya di samping menyertai aktiviti dan program berasaskan air. Bagi menghidupkan aktiviti di pekan Parit, aktiviti berasaskan air boleh dilaksanakan di Taman Cempaka Sari yang terletak di tengah Sungai Perak.

b. Lokasi

Pekan Parit

c. Komponen Cadangan

- i. Menaiktaraf kemudahan-kemudahan sokongan sedia ada.
- ii. Medan selera dan kafe internet.
- iii. Terminal pengangkutan awam.
- iv. Bangunan perniagaan yang bercirikan konsep kolonial.
- v. Memelihara bangunan-bangunan lama sedia ada.
- vi. Penyediaan tempat letak kenderaan.
- vii. Membaiki bangunan yang telah rosak.
- viii. Mengecat bangunan-bangunan sedia ada.
- ix. Penyediaan kemudahan awam (wakaf, tandas awam, lampu jalan, laluan/denai pejalan kaki dan tong sampah).
- x. Penyediaan kawasan rekreasi pasif dan aktif.
- xi. Penyediaan kemudahan rekreasi air (jet ski, water ski, kayak dan sebagainya).
- xii. Penyediaan kemudahan basikal dan 'all terrain vehicle' (ATV).
- xiii. Peningkatan penyelenggaraan pelbagai kemudahan sokongan sedia ada dan baru.
- xiv. Menaiktaraf jalan masuk utama.
- xv. Peningkatan kualiti kebersihan pesisir sungai.
- xvi. Pengindahan kawasan pesisir sungai.
- xvii. Ruang menunggu.
- xviii. Kiosk informasi pelancong.
- xix. Pusat konservasi akuakultur.
- xx. Perkhidmatan sukan berasaskan air.
- xxi. Aktiviti rekreasi perikanan (memancing).



Cadangan Kemudahan Sokongan

d. Justifikasi

- i. Mempertingkatkan produk pelancongan sedia ada.
- ii. Pengukuhan sumber sejarah sedia ada.
- iii. Kemudahan sedia ada tidak diselenggara dengan baik.
- iv. Taman Cempaka Sari kurang dipromosikan.
- v. Pengukuhan aktiviti rekreasi sedia ada.
- vi. Meningkatkan ketibaan pengunjung dan pelancong domestik di masa hadapan terutama luar daripada Negeri Perak.
- vii. Untuk kegunaan aktiviti sukan air dan memancing.

e. Agensi Pelaksana

- i. Perbadanan Kemajuan Negeri Perak.
- ii. Majlis Daerah Perak Tengah.
- iii. Pemaju Swasta.
- iv. Agensi Pelancongan.

f. Rujukan

Rajah 3.20 : Pelan Aktiviti Pembangunan Pelancongan Berdasarkan Sumber Rekreasi



3.4.4 Cadangan Mempromosikan Sukan Permotoran Di Litar Dato' Sagor

a. Pengenalan

Di antara aktiviti rekreasi yang terdapat di Daerah Perak Tengah adalah sukan permotoran. Terdapat sebuah litar lumba di Daerah Perak Tengah iaitu Litar Dato' Sagor yang terletak di Kampong Gajah. Dengan adanya litar lumba ini, Daerah Perak Tengah dapat dijadikan sebagai pusat dunia permotoran di Negeri Perak.

Panjang litar ini adalah 1.32 km dengan lebar jalan seluas 10 meter. Jarak dan luas litar ini adalah sesuai untuk perlumbaan pusingan litar. Litar ini mempunyai laluan lurus sepanjang 606 meter dengan lebar jalan 14 meter bersesuaian untuk perlumbaan *sprint test/drag*. Litar ini adalah milik Majlis Daerah Perak Tengah namun disewakan kepada penduduk tempatan untuk diuruskan.

b. Lokasi

Litar Dato' Sagor, Kampong Gajah

c. Komponen Cadangan

- i. Menaiktaraf kemudahan-kemudahan sokongan sedia ada.
- ii. Penyediaan tempat letak kenderaan.
- iii. Penyediaan kawasan tempat duduk bertingkat.
- iv. Pembinaan sebuah layar lebar.
- v. Peningkatan penyelenggaraan pelbagai kemudahan sokongan sedia ada dan baru.
- vi. Penyediaan kemudahan berasaskan permotoran seperti bengkel.
- vii. Penyediaan papan tanda dan arah jalan masuk ke Litar Dato' Sagor.

d. Justifikasi

- i. Kemudahan sedia ada tidak diselenggara dengan baik.
- ii. Litar Dato' Sagor kurang dipromosikan.
- iii. Mempertingkatkan produk pelancongan sedia ada.
- iv. Pengukuhan aktiviti permotoran sedia ada.
- v. Meningkatkan ketibaan pengunjung dan pelancong domestik di masa hadapan terutama luar daripada Negeri Perak.

e. Agensi Pelaksana

- i. Perbadanan Kemajuan Negeri Perak.
- ii. Majlis Daerah Perak Tengah.
- iii. Pemaju Swasta.

f. Rujukan

Rajah 3.20 : Pelan Aktiviti Pembangunan Pelancongan Berdasarkan Sumber Rekreasi



Gambaran Cadangan



Contoh Aktiviti Yang Dianjurkan

3.4.5 Cadangan Memperkenalkan Aktiviti Berbasikal Kepada Pelancong

a. Pengenalan

Bandar Seri Iskandar kerap kali dipilih sebagai lokasi aktiviti berbasikal dan ini merupakan peluang kepada Bandar Seri Iskandar untuk menarik pelancong dari dalam dan luar Negeri Perak. Bandar Seri Iskandar dan kawasan-kawasan lain di dalam Daerah Perak Tengah menjadi pilihan sebagai laluan aktiviti berbasikal ini kerana keadaan dan kualiti alam semulajadinya yang menarik dan terpelihara dimana kawasan laluan berbasikal ini akan melalui kawasan kampung dan melalui kawasan berbukit. Oleh itu, peluang ini perlu dipromosikan dengan baik supaya Bandar Seri Iskandar dan Daerah Perak Tengah dapat menjadi destinasi pilihan kepada peminat-peminat sukan berbasikal. Di samping itu, pihak berwajib juga boleh membantu dengan memberi kemudahan dan sokongan supaya aktiviti berbasikal dapat dianjurkan dengan lebih kerap. Penganjuran aktiviti berbasikal juga perlu dipelbagaikan dengan menganjurkan program yang bertaraf tempatan, negeri, kebangsaan dan juga antarabangsa.

b. Lokasi

Daerah Perak Tengah

c. Komponen Cadangan

- i. Menaiktaraf kemudahan-kemudahan sokongan sedia ada.
- ii. Pembinaan premis komersial seperti kompleks perniagaan, bazaar perniagaan, pusat membeli-belah, hotel, rumah rehat dan rumah persinggahan.
- iii. Medan selera.
- iv. Kemudahan laluan berbasikal.
- v. Penyediaan papan tanda dan arah laluan.
- vi. Penyediaan kemudahan awam (wakaf, surau, tandas awam, lampu jalan, laluan/denai pejalan kaki dan tong sampah)

d. Justifikasi

- i. Mempertingkatkan produk pelancongan sedia ada.
- ii. Kekurangan kemudahan sokongan pelancong.
- iii. Mempertingkat dan mempelbagaikan kemudahan sokongan pelancongan sedia ada.
- iv. Meningkatkan ketibaan pengunjung dan pelancong domestik di masa hadapan terutama luar daripada Negeri Perak.
- v. Pengukuhan aktiviti rekreasi sedia ada.


e. Agensi Pelaksana

- i. Perbadanan Kemajuan Negeri Perak
- ii. Majlis Daerah Perak Tengah
- iii. Pemaju Swasta



Gambaran Aktiviti Berbasikal Yang Dianjurkan

Rancangan Tempatan DAERAH PERAK TENGAH 2030



SKALA 1 : 250,000

RANCANGAN TEMPATAN

RAJAH 3.20 PELAN AKTIVITI PEMBANGUNAN PELANCONGAN BERDASARKAN SUMBER REKREASI

Petunjuk :




- Cadangan Membangunkan Pekan Parit Sebagai Pusat Tarikan Pelancongan
- Cadangan Pembangunan Pusat Perkhidmatan Pelancong Seri Iskandar
- Cadangan Menaiktaraf Pusat Pemeliharaan Dan Konservasi Tuntung
- Cadangan Mempromosikan Sukan Permotoran Di Litar Dato' Sagor

Hierarki Pusat Petempatan

- Pusat Separa Wilayah Negeri
- Pusat Petempatan Utama
- Pusat Petempatan Kecil
- Pusat Pertumbuhan Desa

Lain-Lain

- Jalan Raya
- Sempadan Blok Perancangan / Mukim
- Sempadan Daerah
- Sungai



Sumber : Kajian Rancangan Tempatan Daerah Perak Tengah 2030



3.5 STRATEGI 1.5 : PENGUKUHAN AKTIVITI PELANCONGAN BERDASARKAN SUMBER SEJARAH DAN BUDAYA

3.5.1 Cadangan Mempromosikan Kompleks Pasir Salak

a. Pengenalan

Kekayaan sumber sejarah dan budaya yang terdapat di Daerah Perak Tengah mampu dijadikan sebagai salah satu sumber tarikan pelancongan. Sumber-sumber ini dapat mempromosikan Daerah Perak Tengah sebagai destinasi pelancongan yang menarik. Di antara tarikan sumber sejarah yang terdapat di sini adalah Kompleks Bersejarah Pasir Salak. Kompleks ini terletak lebih kurang 70km daripada Bandaraya Ipoh dan mempunyai banyak lipatan sejarah orang-orang Melayu. Pasir Salak merupakan satu nama yang telah terpahat di dalam himpunan penting sejarah tanah air dengan kisah-kisah perjuangan bangsa Melayu dan peristiwa berdarah pembunuhan J.W.W. Birch iaitu Residen British ketika itu. Peristiwa tersebut telah mencetuskan peperangan di antara Kolonial British dengan orang-orang Melayu. Tarikan utama yang terdapat di kompleks ini ialah Terowong Sejarah di mana kebanyakan detik-detik sejarah tanah air dipamerkan di dalam terowong tersebut menerusi diorama. Tarikan lain di sini termasuklah lela rentak, kanun Melayu, rumah Melayu tradisional di Negeri Perak yang dikenali sebagai Rumah Kutai, kedai kraftangan dan cenderamata yang menarik serta kaunter informasi.

b. Lokasi

Pasir Salak

c. Komponen Cadangan

- i. Penyediaan papan tanda dan arah jalan masuk.
- ii. Menaiktaraf kemudahan-kemudahan sokongan sedia ada.
- iii. Penyediaan tempat letak kenderaan.
- iv. Penyediaan kemudahan awam (wakaf, surau, tandas awam, lampu jalan, laluan/denai pejalan kaki dan tong sampah).

d. Justifikasi

- i. Mempertingkatkan produk pelancongan sedia ada.
- ii. Pengukuhan sumber sejarah sedia ada.
- iii. Meningkatkan ketibaan pengunjung dan pelancong domestik di masa hadapan terutama luar daripada Negeri Perak.

e. Agensi Pelaksana

- i. Perbadanan Kemajuan Negeri Perak.
- ii. Majlis Daerah Perak Tengah.
- iii. Agensi Pelancongan.

f. Rujukan

Rajah 3.21 : Pelan Aktiviti Pembangunan Pelancongan Berdasarkan Sumber Sejarah Dan Budaya



Cadangan Kemudahan Sokongan

3.5.2 Cadangan Mempromosikan Perusahaan Kraftangan

a. Pengenalan

Daerah Perak Tengah terdapat pengusaha yang menghasilkan pelbagai barangan kraftangan terutamanya di Pulau Tiga yang terkenal. Di antara kraftangan yang terdapat disini adalah tekat benang emas, barangan anyaman, rebana dan barangan tanah liat. Tekat benang emas masih digunakan secara meluas sebagai bahan hiasan dan hadiah tradisi di majlis perkahwinan. Terdapat juga individu yang mengeluarkan rebana dan barangan tanah liat. Perusahaan ini mempunyai permintaan yang baik bagi penduduk tempatan, namun permintaan dari luar Daerah Perak Tengah masih lagi kurang. Pada kebiasaannya, barangan kraftangan ini dihasilkan mengikut permintaan. Beberapa buah pusat kraftangan telah dibina di Pulau Tiga bagi meningkatkan kualiti kraftangan bertujuan untuk mempamer dan memasarkannya. Barangan kraftangan ini juga turut dipasarkan ke negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia dan juga Singapura.

b. Lokasi

Pulau Tiga

c. Komponen Cadangan

- i. Membina sebuah kompleks kraftangan.
- ii. Medan selera dan kafe internet.
- iii. Kiosk informasi pelancong (TIC).
- iv. Penyediaan tempat letak kenderaan.
- v. Penyediaan kemudahan awam (wakaf, tandas awam, lampu jalan, laluan / denai pejalan kaki dan tong sampah) .

d. Justifikasi

- i. Mempertingkatkan produk pelancongan sedia ada.
- ii. Pengukuhan sumber sejarah sedia ada.
- iii. Meningkatkan ketibaan pengunjung dan pelancong domestik di masa hadapan terutama luar daripada Negeri Perak.

e. Agensi Pelaksana

- i. Perbadanan Kemajuan Negeri Perak.
- ii. Majlis Daerah Perak Tengah.
- iii. Agensi Pelancongan.

f. Rujukan

Rajah 3.21 : Pelan Aktiviti Pembangunan Pelancongan Berdasarkan Sumber Sejarah Dan Budaya



Antara Produk Labu Yang Dihasilkan

3.5.3 Cadangan Menjadikan Makam Diraja Sebagai Tarikan Pelancongan

a. Pengenalan

Terdapat beberapa pusat pemerintahan kesultanan Perak yang terawal di Daerah Perak Tengah yang kebanyakannya terletak di tebing Sungai Perak, berubah-ubah dari Hulu Perak hingga ke Kuala Kangsar. Kebanyakan sultan-sultan Perak yang telah disemayamkan di sepanjang tebing Sungai Perak terdapat di Daerah Perak Tengah. Makam-makam ini dipelihara, disenggara dan dibuka kepada orang awam untuk melawat dan menziarah. Makam-makam ini juga merupakan salah satu sumber tarikan pelancongan kerana selain daripada pengunjung dan pelancong dapat melawat dan menziarah makam-makam Diraja, pengunjung dan pelancong juga dapat mengetahui sejarah Kesultanan Melayu Negeri Perak melalui catatan yang terdapat di makam berkenaan. Bagi memudahkan pengunjung dan pelancong untuk melawat makam-makam tersebut, dicadangkan juga perkhidmatan pengangkutan air menyusuri Sungai Perak kerana kebanyakan makam-makam Diraja ini terletak di tebing Sungai Perak.

b. Lokasi

Daerah Perak Tengah

c. Komponen Cadangan

- i. Penyediaan papan tanda dan arah jalan masuk.
- ii. Menaiktaraf kemudahan-kemudahan sokongan sedia ada.
- iii. Penyediaan tempat letak kenderaan.
- iv. Penyediaan kemudahan awam (wakaf, tandas awam, lampu jalan, laluan / denai pejalan kaki dan tong sampah) .
- v. Terminal pengangkutan awam.
- vi. Memperindahkan kawasan sekitar Makam Diraja.

d. Justifikasi

- i. Mempertingkatkan produk pelancongan sedia ada.
- ii. Pengukuhan sumber sejarah sedia ada.
- iii. Meningkatkan ketibaan pengunjung dan pelancong domestik di masa hadapan terutama luar daripada Negeri Perak.

e. Agensi Pelaksana

- i. Jabatan Pelancongan Negeri Perak
- ii. Jabatan Warisan Negara
- iii. Majlis Daerah Perak Tengah
- iv. Agensi Pelancongan


f. Rujukan

Rajah 3.21 : Pelan Aktiviti Pembangunan Pelancongan Berdasarkan Sumber Sejarah Dan Budaya



Cadangan Kemudahan Sokongan

Rancangan Tempatan DAERAH PERAK TENGAH 2030



SKALA 1 : 250,000

RANCANGAN TEMPATAN

RAJAH 3.21 PELAN AKTIVITI PEMBANGUNAN PELANCONGAN BERDASARKAN SUMBER SEJARAH DAN BUDAYA

Petunjuk :

- Lokasi Makam
- ★ Pusat Perusahaan Labu
- ★ Kompleks Pasir Salak

Hierarki Pusat Petempatan

- Pusat Separa Wilayah Negeri
- ◆ Pusat Petempatan Utama
- ▲ Pusat Petempatan Kecil
- Pusat Pertumbuhan Desa

Lain-Lain

- Jalan Raya
- Sempadan Blok Perancangan / Mukim
- Sempadan Daerah
- Sungai



Makam Sultan Perak Ke 13



Makam Sultan Perak Ke 5



Makam Sultan Perak Ke 10



Makam Sultan Perak Pertama



Makam Sultan Perak Ke 8



Makam Sultan Perak Ke 11 & 12




Ilustrasi Di Tebing Sungai Perak




Ilustrasi Kompleks Kraftangan Dan Labu



Penyediaan Kemudahan Parkir



PELAN LOKASI
TANPA SKALA



DAERAH
KINTA

DAERAH
MANJUNG

DAERAH
HILIR
PERAK



Penyediaan Kemudahan Gazebo



Ilustrasi Kompleks Kraftangan Dan Labu

Sumber : Kajian Rancangan Tempatan
Daerah Perak Tengah 2030



MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH



**4.0 HALATUJU 2 : KE ARAH MEWUJUDKAN MASYARAKAT
SEJAHTERA**

4.0 HALATUJU 2 : KE ARAH MEWUJUDKAN MASYARAKAT SEJAHTERA

a. Pengenalan

Masyarakat sejahtera boleh dikatakan sebagai masyarakat yang berasa aman dan makmur, senang dan tenteram, terpelihara daripada bencana seperti kesusahan dan gangguan serta berasa selamat. Bagi memastikan kejayaan antara dua komponen masyarakat iaitu masyarakat bandar dan luar bandar, penyediaan komponen pembangunan yang bersepadu dirancang untuk menghasilkan kumpulan masyarakat yang sejahtera di Daerah Perak Tengah.

b. Konsep Masyarakat Sejahtera

Kemajuan dan kesejahteraan sesebuah negara hanya dapat diukur berdasarkan kualiti hidup rakyat yang bertambah baik secara berterusan. Dalam membentuk konsep masyarakat sejahtera di dalam penyediaan Rancangan Tempatan Daerah Perak Tengah 2030, komponen masyarakat bandar dan luar bandar telah diharmonikan dengan komponen kediaman, rekreasi dan kemudahan masyarakat.

Komponen utama masyarakat sejahtera :

- i. Penyediaan kediaman yang selesa dan selamat memberikan keyakinan kepada masyarakat untuk berada dalam sesebuah komuniti.
- ii. Kemudahan masyarakat yang menyeluruh akan mengurangkan jurang antara masyarakat bandar dan luar bandar secara tidak langsung menjadi asas kepada pembangunan bagi perhubungan bandar dan luar bandar.
- iii. Kemudahan rekreasi yang dapat menampung masyarakat setempat akan meningkatkan interaksi sosial masyarakat setempat yang berbilang bangsa.

c. Justifikasi Konsep

Komponen yang digabungkan dalam konsep masyarakat sejahtera sangat penting. Kerajaan telah memberikan keutamaan yang tinggi kepada pembangunan negara dari semua sudut terutama bagi meningkatkan kualiti hidup.

Hubungan antara tiga komponen ini akan:

- i. Menyediakan kemudahan pendidikan, kesihatan, perumahan dan kemudahan asas yang lain.
- ii. Mengurangkan jurang ekonomi dan taraf hidup antara masyarakat bandar dan luar bandar.
- iii. Melindungi alam sekitar.



4.1 STRATEGI 2.1 : PENYEDIAAN KEDIAMAN YANG SELESA, SELAMAT DAN MAMPU MILIK KEPADA PENDUDUK BANDAR DAN LUAR BANDAR

4.1.1 Cadangan Rekabentuk Rumah Mengikut Ciri Kawasan, Saiz Minimum Dan Bilangan Bilik Minimum

a. Pengenalan

Beberapa elemen rekabentuk rumah mengikut ciri kawasan, saiz minimum dan bilangan bilik minimum akan memberi keselesaan kepada penghuni. Piawaian yang disediakan dalam penyediaan perumahan perlu dititikberatkan oleh pihak berkuasa tempatan dan agensi-agensi berkaitan sebelum meluluskan sesuatu permohonan.

b. Lokasi

Semua lokasi pembangunan perumahan.

c. Justifikasi

Rekabentuk yang memenuhi piawaian akan memberi keselesaan dan keselamatan kepada penghuninya.

d. Agensi Pelaksana

- i. Majlis Daerah Perak Tengah.
- ii. Agensi-agensi teknikal di peringkat daerah dan negeri.
- iii. Pemaju Swasta.



Contoh Rumah Teres Kos Sederhana Dan Rumah Sesebuah Biasa.

Jadual 4.1 : Piawaian Saiz Tanah Dan Ruang Lantai Perumahan Bertanah

ASPEK	PIAWAIAN
A. RUMAH TERES KOS RENDAH	
Saiz Lot Tanah (minimum)	Satu tingkat : 6.1m x 16.8m (20' x 55') / 1,110 kp
	Dua tingkat : 4.3m x 16.8m (14' x 55') / 770 kp
Luas Ruang Lantai (minimum)	Satu tingkat : 65.0 mp (700 kp) * Luas ruang lantai bagi rumah kos rendah dua tingkat perlu disesuaikan dengan rekabentuk dalaman bangunan.
B. RUMAH TERES KOS SEDERHANA RENDAH	
Saiz Lot Tanah (minimum)	Satu tingkat : 6.1m x 18.3m (20' x 60') / 1,200 kp
	Dua tingkat : 5.5m x 16.8m (18' x 55') / 990 kp
Luas Ruang Lantai (minimum)	Satu tingkat : 69.7 mp (750 kp) * Luas ruang lantai bagi rumah kos sederhana rendah dua tingkat perlu disesuaikan dengan rekabentuk dalaman bangunan.
C. RUMAH TERES KOS SEDERHANA	
Saiz Lot Tanah (minimum)	Satu dan satu 1/2 tingkat : 6.1m x 19.8m (20' x 65')
	Dua hingga tiga tingkat : 5.5m x 19.8m (18' x 65')
Luas Ruang Lantai (minimum)	Satu tingkat : 79.0 mp (850 kp) * Luas ruang lantai bagi rumah kos sederhana satu 1/2 tingkat sehingga tiga tingkat perlu disesuaikan dengan rekabentuk dalaman bangunan.
D. RUMAH KLUSTER	
Saiz Lot Tanah (minimum)	Satu tingkat : 12.2m x 15.0m (40' x 50')
	Dua hingga tiga tingkat : 9.1m x 16.8m (30' x 55')
Luas Ruang Lantai (minimum)	Satu tingkat : 83.6 mp (900 kp) * Luas ruang lantai bagi rumah kluster dua tingkat perlu disesuaikan dengan rekabentuk dalaman bangunan.
E. RUMAH BERKEMBAR	
Saiz Lot Tanah (minimum)	12.2m x 19.8m (40' x 65') / 241.5mp (2,600 kp)
Luas Ruang Lantai (minimum)	97.5 mp (1,050 kp)
F. RUMAH SESEBUAH BIASA	
Saiz Lot Tanah (minimum)	15.2m x 22.9m (50' x 75') / 348.4 mp (3,750 kp)
Luas Ruang Lantai (minimum)	125.4 mp (1,350 kp)
G. RUMAH SESEBUAH `ZERO LOT BOUNDARY`	
Saiz Lot Tanah (minimum)	13.7m x 21.3m (45' x 70') / 292.6 mp (3,150 kp)
Luas Ruang Lantai (minimum)	92.9 mp (1,000 kp)

4.1.2 Menggalakkan Pembangunan Rumah Mampu Milik Di Kawasan Yang Telah Diluluskan Permohonan Kebenaran Merancang

a. Pengenalan

Dasar Kerajaan Negeri Perak dalam penyediaan rumah mampu milik :

Memenuhi keperluan permintaan dan penawaran perumahan kepada kumpulan sasar iaitu kaum Bumiputera, golongan muda serta golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

b. Lokasi

Semua lokasi pembangunan perumahan komited.

c. Komponen Cadangan

Berdasarkan *Garis Panduan Penambahbaikan Pelaksanaan Pembangunan Perumahan Mampu Milik oleh Pemaju-pemaju Perumahan Swasta di Negeri Perak, Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak Darul Ridzuan Bil.1/2014*, pemaju dikehendaki mematuhi penstrukturan semula komponen pemaju perumahan dan kadar harga yang ditetapkan seperti berikut :

- i. 10% untuk Rumah Kos Rendah pada kadar harga tidak melebihi RM 42,000.00. Harga siling bagi Rumah Kos Rendah telah dinaikan daripada RM 35,000.00 kepada RM 42,000.00 selaras dengan harga yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan.
- ii. 10% untuk Rumah Kos Sederhana Rendah Setingkat pada kadar harga RM 42,001.00 - RM 70,000.00.
- iii. 20% untuk Rumah Kos Sederhana Dua Tingkat pada kadar harga RM 70,001.00 - RM 300,000.00.
- iv. 20% untuk Rumah Mampu Milik pada kadar harga RM 140,001.00 – RM 300,000.00.
- v. 40% untuk Rumah Kos Tinggi pada kadar harga terbuka melebihi RM 300,001.00.

Perumahan mampu milik adalah digalakkan bagi pembangunan komited, antaranya termasuklah di:

- i. Mukim Belanja
- ii. Mukim Bota
- iii. Mukim Pulau Tiga
- iv. Mukim Kampong Gajah
- v. Mukim Pasir Panjang Hulu
- vi. Mukim Pasir Salak
- vii. Mukim Kota Setia

d. Justifikasi


- i. Terdapat sejumlah besar pembangunan perumahan komited terdapat di Daerah Perak Tengah. Oleh itu pembangunan perumahan mampu milik dapat membantu dalam usaha mengurangkan lebihan rumah di masa akan datang.
- ii. Dengan pertumbuhan pesat bandar-bandar di Perak Tengah, dijangka permintaan perumahan mampu milik akan meningkat.

e. Agensi Pelaksana

- i. Majlis Daerah Perak Tengah.
- ii. Pemaju Swasta.

f. Rujukan

Rajah 4.1 : Cadangan Perumahan Mampu Milik




SKALA 1 : TANPA SKALA

RANCANGAN TEMPATAN

RAJAH 4.1 CADANGAN PERUMAHAN MAMPU MILIK DAERAH PERAK TENGAH

Petunjuk :

- Perumahan Sedia Ada
- Perumahan Komited
- Perumahan Kampung



Jadual 4.2 : Jumlah Perumahan Sedia Ada Dan Komited, 2015.

BLOK PERANCANGAN	JUMLAH SEDIA ADA	KOMITED
BP1 Belanja	2,296	97
BP2 Layang-Layang	256	-
BP3 Bota	12,457	18,704
BP4 Lambor Kanan	347	-
BP5 Lambor Kiri	381	-
BP6 Pulau Tiga	983	18
BP7 Kampong Gajah	2,489	1,281
BP8 Pasir Panjang Hulu	704	509
BP9 Pasir Salak	3,356	2,384
BP10 Bandar	377	-
BP11 Kota Setia	410	1,095
BP12 Jaya Baru	-	-
JUMLAH	24,056	24,088

Jadual 4.3 : Unjuran Stok Perumahan Sehingga Tahun 2030

PERKARA	2015	2020	2025	2030
Unjuran Stok Perumahan	24,341 unit	25,837 unit	27,424 unit	29,110 unit



Contoh Rumah Mampu Milik



Peserta Projek Perumahan Mampu Milik Bergambar Bersama Replika Kunci Rumah Masing-masing

Sumber : Kajian Rancangan Tempatan Daerah Perak Tengah 2030



4.2 STRATEGI 2.2 : MENGHADKAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN DI DALAM KAWASAN BERPOTENSI SERTA DALAM SEMPADAN BANDAR DAN PUSAT PETEMPATAN

4.2.1 Memberi Tumpuan Pembangunan Perumahan Baru Di Kawasan Yang Berpotensi Dan Dalam Sempadan Bandar-Bandar Utama

a. Pengenalan

Kawasan yang berpotensi dibangunkan di dalam sempadan bandar adalah digalakkan bagi pembangunan kawasan perumahan baru. Ini dapat menggalakkan pembangunan bandar-bandar utama di Daerah Perak Tengah.

b. Lokasi

Bandar Seri Iskandar, Pekan Bota, Pekan Kampong Gajah, Pekan Parit, Pekan Titi Gantung, Bandar Baru Seberang Perak dan Pekan Lambor Kanan.

c. Komponen Cadangan


Kawasan yang disyorkan adalah kawasan pertanian yang terletak di dalam sempadan bandar.

e. Agensi Pelaksana

- i. Majlis Daerah Perak Tengah.
- ii. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perak.
- iii. Pemaju Swasta.
- iv. Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PRIMA).

f. Rujukan

Rajah 4.2 : Cadangan Tumpuan Pembangunan Perumahan Baru



SKALA 1 : TANPA SKALA

RANCANGAN TEMPATAN

RAJAH 4.2
CADANGAN TUMPUAN PEMBANGUNAN
PERUMAHAN BARU
DAERAH PERAK TENGAH








Petunjuk :

Guna Tanah

- Perumahan
- Komersial
- Industri
- Pembangunan Bercampur
- Institusi Dan Kemudahan Masyarakat
- Tanah Lapang Dan Rekreasi
- Pengangkutan
- Infrastruktur Dan Utiliti
- Pertanian
- Hutan
- Badan Air

Lain-Lain

- Jalan Raya
- Sempadan Blok Perancangan / Mukim
- Sempadan Daerah



Sumber : Kajian Rancangan Tempatan
Daerah Perak Tengah 2030



4.3 STRATEGI 2.3 : PENYEDIAAN KEMUDAHAN KEMASYARAKATAN YANG MENCUKUPI

4.3.1 Penyediaan Kemudahan Masyarakat Dalam Kawasan Perumahan

a. Pengenalan

Strategi penyediaan kemudahan masyarakat bagi Daerah Perak Tengah adalah berdasarkan DSPN 6 Rancangan Struktur Negeri Perak 2020. Penyediaan kemudahan diunjurkan berdasarkan nisbah yang ditetapkan oleh piawaian perancangan serta berdasarkan keperluan penduduk tadahan. Cadangan kemudahan masyarakat bagi Daerah Perak Tengah 2030 juga turut mengambilkira keperluan agensi-agensi yang memberi perkhidmatan di dalam Daerah Perak Tengah. Oleh itu komponen cadangan akan menjadi lebih efektif dengan turut mengambilkira keperluan-keperluan tersebut.

b. Komponen Cadangan

- i. Cadangan kemudahan pendidikan
- ii. Cadangan kemudahan kesihatan
- iii. Cadangan naiktaraf kemudahan kesihatan
- iv. Cadangan kemudahan keselamatan
- v. Cadangan naiktaraf kemudahan keselamatan
- vi. Cadangan kemudahan komuniti
- vii. Cadangan kemudahan kebajikan

c. Justifikasi

- i. Pemilihan lokasi strategik - Pemilihan lokasi dibuat berdasarkan unjuran penduduk di mukim-mukim yang terlibat dan tahap kemudahsampaian penduduk di sesuatu kawasan.
- ii. Kadar '*response time*' bagi kemudahan keselamatan - Pemilihan lokasi yang sesuai penting agar masa tindakbalas atas sesuatu kejadian dapat dipenuhi bagi membanteras jenayah dan menjalankan operasi menyelamatkan.
- iii. Kawasan galakan pembangunan - Lokasi kemudahan masyarakat juga disyorkan agar berada di kawasan seperti pusat tumpuan aktiviti penduduk, contohnya seperti di Pusat Pertumbuhan Desa.

d. Agensi Pelaksana

- i. Majlis Daerah Perak Tengah
- ii. Kementerian Pelajaran Malaysia
- iii. Kementerian Dalam Negeri
- iv. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
- v. Kementerian Kesihatan Malaysia
- vi. Jabatan Kerja Raya
- vii. Pemaju Swasta

e. Rujukan

Rajah 4.3 hingga Rajah 4.9

Jadual 4.4 : Unjuran Cadangan Keperluan Tanah Bagi Kemudahan Masyarakat Sehingga Tahun 2030

KEPERLUAN KELUASAN (HEKTAR)		
KEMUDAHAN	BIL. CADANGAN	LUAS
Pendidikan	5	37.48
Kesihatan	6	29.60
Keselamatan	10	14.49
Komuniti	3	0.40
Kebajikan	1	6.03
JUMLAH	25	88.00

Berikut merupakan cadangan terperinci pembangunan kemudahan masyarakat bagi Rancangan Tempatan Daerah Perak Tengah 2030 :

Cadangan Kemudahan Pendidikan

Kemudahan pendidikan sedia ada di Daerah Perak Tengah adalah mencukupi untuk menampung keperluan penduduk semasa. Walau bagaimanapun selaras dengan unjuran pertumbuhan penduduk, cadangan zon perumahan, dan faktor kemudahsampaian maka terdapat 5 cadangan projek yang akan dilaksanakan di dalam Rancangan Tempatan Daerah Perak Tengah 2030 bagi memantapkan kemudahan pendidikan.

Asas pemilihan lokasi cadangan sekolah-sekolah dan pejabat pendidikan daerah ini adalah berdasarkan beberapa faktor berikut iaitu :

- i. Keupayaan kemudahan sedia ada dalam memberikan perkhidmatan dalam 'catchment area'.
- ii. Berdekatan dengan kawasan perumahan sedia ada, dan cadangan perumahan pada masa akan datang.
- iii. Berdekatan dengan jalan utama.
- iv. Radius sekolah dari kawasan perumahan adalah dalam lingkungan 0.8 km bagi sekolah rendah dan 1.6 km bagi sekolah menengah.


Projek 1 : Cadangan Sekolah Menengah (SMK Iskandar Perdana)	
Lokasi	BP 3 (Mukim Bota)
No. Lot	2549, 2550 dan 2552
Luas (hek)	3.56
Komponen Cadangan	Kelas, pejabat pentadbiran, bilik guru, stor, perpustakaan, kantin, dewan, padang, tandas, pondok pengawal, tempat letak kereta, lay by untuk bas dan kereta, laluan pejalan kaki, surau, makmal komputer
Fasa Pelaksanaan	2020-2025
Rujukan Rajah	Rajah 4.3 : Cadangan Kemudahan Pendidikan

Projek 3 : Cadangan Asrama Baru	
Lokasi	BP 11 (Mukim Kota Setia)
No. Lot	Sebahagian PT1808
Luas (hek)	Sebahagian luas keseluruhan (7.56)
Komponen Cadangan	Pondok pengawal, tempat letak kereta, laluan pejalan kaki, surau, bangunan asrama, dewan makan
Fasa Pelaksanaan	2020-2025
Rujukan Rajah	Rajah 4.3 : Cadangan Kemudahan Pendidikan

Projek 5 : Cadangan Kompleks Pejabat Pendidikan Daerah	
Lokasi	BP 3 (Mukim Bota)
No. Lot	-
Luas (hek)	6.13
Komponen Cadangan	Bangunan pejabat, kafeteria, surau, tempat letak kereta, bilik mesyuarat, tandas, makmal komputer
Fasa Pelaksanaan	2020-2025
Rujukan Rajah	Rajah 4.3 : Cadangan Kemudahan Pendidikan

Projek 2 : Cadangan Sekolah Menengah Asrama Penuh	
Lokasi	BP 1 (Mukim Belanja)
No. Lot	Sebahagian Lot 14881
Luas (hek)	20.23
Komponen Cadangan	Kelas, pejabat pentadbiran, bilik guru, stor, perpustakaan, kantin, dewan, padang, tandas, pondok pengawal, tempat letak kereta, lay by untuk bas dan kereta, laluan pejalan kaki, surau, makmal komputer, asrama, dewan makan
Fasa Pelaksanaan	2020-2025
Rujukan Rajah	Rajah 4.3 : Cadangan Kemudahan Pendidikan


Projek 4 : Cadangan Perpindahan SK Sungai Ranggung	
Lokasi	BP 11 (Mukim Kota Setia)
No. Lot	Sebahagian PT1808
Luas (hek)	Sebahagian luas keseluruhan (7.56)
Komponen Cadangan	Kelas, pejabat pentadbiran, bilik guru, stor, perpustakaan, kantin, dewan, padang, tandas, pondok pengawal, tempat letak kereta, lay by untuk bas dan kereta, laluan pejalan kaki, surau, makmal komputer
Fasa Pelaksanaan	2020-2025
Rujukan Rajah	Rajah 4.3 : Cadangan Kemudahan Pendidikan




SKALA 1 : TANPA SKALA

RANCANGAN TEMPATAN

RAJAH 4.3 CADANGAN KEMUDAHAN PENDIDIKAN DAERAH PERAK TENGAH



Cadangan Sekolah Menengah Baru (SMK Iskandar Perdana), Seri Iskandar



Cadangan Sekolah Menengah Asrama Penuh Berhampiran MRSM Parit



Cadangan Tapak Perpindahan SK Sg. Ranggam Dan Tapak Baru Asrama SMK Sg. Ranggam


Petunjuk :

Guna Tanah

- Perumahan
- Komersial
- Industri
- Pembangunan Bercampur
- Institusi Dan Kemudahan Masyarakat
- Tanah Lapang Dan Rekreasi
- Pengangkutan
- Infrastruktur Dan Utiliti
- Pertanian
- Hutan
- Badan Air

Lain-Lain

- Jalan Raya
- Sempadan Blok Perancangan / Mukim
- Sempadan Daerah



Cadangan Kompleks Pejabat Pendidikan Daerah di Seri Iskandar

Sumber : Kajian Rancangan Tempatan Daerah Perak Tengah 2030



Cadangan Kemudahan Kesihatan

Kemudahan kesihatan di Daerah Perak Tengah dilihat agak menyeluruh. Namun, bagi memberi perkhidmatan kesihatan yang sempurna dan menyeluruh kepada penduduk sehingga tahun 2030, penambahbaikan perlu dilakukan dengan menambah sebuah (1) hospital dan tiga buah (3) lagi klinik kesihatan (jenis 7) baru di Daerah ini.

Projek 1 : Cadangan Hospital	
Lokasi	BP 3 (Mukim Bota)
No. Lot	-
Luas (hek)	14.56
Komponen Cadangan	Bangunan Hospital (Jabatan Kecemasan, klinik pakar, wad, farmasi, rehabilitasi, pusat rawatan dan diagnostik), kuarters, parkir kakitangan , parkir awam, surau, taman awam dan kafeteria
Fasa Pelaksanaan	2021-2025
Rujukan Rajah	Rajah 4.4 : Cadangan Kemudahan Kesihatan Dan Naik Taraf Kemudahan Kesihatan

Projek 2 : Cadangan Klinik Kesihatan (Jenis 7)	
Lokasi	BP 3 (Mukim Bota)
No. Lot	-
Luas (hek)	4.06
Komponen Cadangan	Klinik Ibu & Anak, Klinik Pesakit Luar, Klinik Kesihatan Pergigian, Farmasi, Makmal, X-ray, parkir dan tandas
Fasa Pelaksanaan	2021-2025
Rujukan Rajah	Rajah 4.4 : Cadangan Kemudahan Kesihatan Dan Naik Taraf Kemudahan Kesihatan

Projek 3 : Cadangan Klinik Kesihatan (Jenis 5)	
Lokasi	BP 3 (Mukim Bota)
No. Lot	10095,10096, 10741 dan 10742
Luas (hek)	2.6
Komponen Cadangan	Klinik Ibu & Anak, Klinik Pesakit Luar, Klinik Kesihatan Pergigian, Farmasi, Makmal, X-ray, parkir dan tandas
Fasa Pelaksanaan	2020-2025
Rujukan Rajah	Rajah 4.4 : Cadangan Kemudahan Kesihatan Dan Naik Taraf Kemudahan Kesihatan


Projek 4 : Cadangan Klinik Kesihatan (Jenis 7)	
Lokasi	BP 8 (Mukim Pasir Panjang Hulu)
No. Lot	3219
Luas (hek)	2.8
Komponen Cadangan	Klinik Ibu & Anak, Klinik Pesakit Luar, Klinik Kesihatan Pergigian, Farmasi, Makmal, X-ray, parkir dan tandas
Fasa Pelaksanaan	2020-2025
Rujukan Rajah	Rajah 4.4 : Cadangan Kemudahan Kesihatan Dan Naik Taraf Kemudahan Kesihatan

Cadangan Naiktaraf Kemudahan Kesihatan

Bagi menampung keperluan kesihatan di Mukim Bota dan Kota Setia, adalah dicadangkan klinik desa sedia ada dinaiktaraf kepada klinik kesihatan.

Projek 1 : Cadangan Naiktaraf Klinik Desa Kepada Klinik Kesihatan (Jenis 7)	
Lokasi	BP 3 (Mukim Bota)
No. Lot	15547
Luas (hek)	0.55
Komponen Cadangan	Klinik Ibu & Anak, Klinik Pesakit Luar, Klinik Kesihatan Pergigian, Farmasi, Makmal, X-ray, parkir dan tandas
Fasa Pelaksanaan	2020-2025
Rujukan Rajah	Rajah 4.4 : Cadangan Kemudahan Kesihatan Dan Naik Taraf Kemudahan Kesihatan

Projek 2 : Cadangan Naiktaraf Klinik Desa Kepada Klinik Kesihatan (Jenis 7)	
Lokasi	BP 11 (Mukim Kota Setia)
No. Lot	3427
Luas (hek)	2.8
Komponen Cadangan	Klinik Ibu & Anak, Klinik Pesakit Luar, Klinik Kesihatan Pergigian, Farmasi, Makmal, X-ray, parkir dan tandas
Fasa Pelaksanaan	2020-2025
Rujukan Rajah	Rajah 4.4 : Cadangan Kemudahan Kesihatan Dan Naik Taraf Kemudahan Kesihatan



SKALA 1 : TANPA SKALA

RANCANGAN TEMPATAN

RAJAH 4.4 CADANGAN KEMUDAHAN KESIHATAN DAN NAIKTARAF KEMUDAHAN KESIHATAN DAERAH PERAK TENGAH



Petunjuk :

Guna Tanah


- Perumahan
- Komersial
- Industri
- Pembangunan Bercampur
- Institusi Dan Kemudahan Masyarakat
- Tanah Lapang Dan Rekreasi
- Pengangkutan
- Infrastruktur Dan Utiliti
- Pertanian
- Hutan
- Badan Air

Lain-Lain


- Jalan Raya
- Sempadan Blok Perancangan / Mukim
- Sempadan Daerah



Cadangan Hospital Di Bandar Seri Iskandar




Cadangan Klinik Kesihatan Di Bandar Seri Iskandar




Cadangan Klinik Kesihatan di Gelung Pepuyu



Cadangan Klinik Kesihatan di Pulau Besar



Cadangan Naiktaraf Klinik Desa Kepada Klinik Kesihatan di Sungai Ranggung



Cadangan Naiktaraf Klinik Desa Kepada Klinik Kesihatan Di Felcra Nasaruddin

Sumber : Kajian Rancangan Tempatan Daerah Perak Tengah 2030



Cadangan Kemudahan Keselamatan

Kemudahan keselamatan di Daerah Perak Tengah terdiri daripada :

- Kemudahan Polis
- Kemudahan Bomba Dan Penyelamat

Perancangan tapak perkhidmatan kemudahan polis adalah berdasarkan unjuran bilangan penduduk, hierarki perbandaran dan hierarki kemudahan polis. Rekabentuknya dan susunaturnya pula perlu mengambilkira keselamatan, kemudahsampaian dan keselesaan. Perancangan tapak perkhidmatan kemudahan bomba dan penyelamat pula adalah penting terutama berdasarkan kadar pembangunan sesuatu kawasan. Tapak balai bomba juga perlu ditempatkan di lokasi yang strategik dan ideal supaya perlindungan daripada kebakaran dapat diberikan secara optimum. Antara cadangan kemudahan keselamatan bagi Rancangan Tempatan Daerah Perak Tengah 2030 adalah seperti berikut :

Projek 1 : Cadangan Balai Polis Kategori D	
Lokasi	BP 9 (Mukim Pasir Salak)
No. Lot	-
Luas (hek)	1.31
Komponen Cadangan	Bangunan balai, lokap polis, kuarters, bilik jentera, surau, parkir, pagar keselamatan, kemudahan sokongan termasuk keselamatan, sukan, stor, kawasan penyimpanan kenderaan kes curi, CCTV dan sebagainya.
Fasa Pelaksanaan	2015-2020
Rujukan Rajah	Rajah 4.5 : Cadangan Kemudahan Keselamatan - Polis

Projek 2 : Cadangan Balai Polis Kategori D	
Lokasi	BP 11 (Mukim Kota Setia - Jejawi)
No. Lot	-
Luas (hek)	1.01
Komponen Cadangan	Bangunan balai, lokap polis, kuarters, bilik jentera, surau, parkir, pagar keselamatan, kemudahan sokongan termasuk keselamatan, sukan, stor, kawasan penyimpanan kenderaan kes curi, CCTV dan sebagainya.
Fasa Pelaksanaan	2015-2020
Rujukan Rajah	Rajah 4.5 : Cadangan Kemudahan Keselamatan - Polis

Projek 3 : Cadangan Pondok Polis	
Lokasi	BP 1 (Mukim Belanja - Kg. Simpang Tiga)
No. Lot	-
Luas (hek)	0.8
Komponen Cadangan	Pejabat pertanyaan, kuarters, bilik mesyuarat, bilik jentera, surau, parkir, pagar keselamatan, stor penyimpanan barang kes, CCTV
Fasa Pelaksanaan	2015-2020
Rujukan Rajah	Rajah 4.5 : Cadangan Kemudahan Keselamatan - Polis

Projek 4 : Cadangan Pondok Polis	
Lokasi	BP 3 (Mukim Bota - Felcra Nasaruddin)
No. Lot	-
Luas (hek)	0.8
Komponen Cadangan	Pejabat pertanyaan, kuarters, bilik mesyuarat, bilik jentera, surau, parkir, pagar keselamatan, stor penyimpanan barang kes, CCTV
Fasa Pelaksanaan	2015-2020
Rujukan Rajah	Rajah 4.5 : Cadangan Kemudahan Keselamatan - Polis

Projek 5 : Cadangan Pondok Polis	
Lokasi	BP 3 (Mukim Bota - Kg. Durian Kudong)
No. Lot	-
Luas (hek)	0.8
Komponen Cadangan	Pejabat pertanyaan, kuarters, bilik mesyuarat, bilik jentera, surau, parkir, pagar keselamatan, stor penyimpanan barang kes, CCTV
Fasa Pelaksanaan	2021-2025
Rujukan Rajah	Rajah 4.5 : Cadangan Kemudahan Keselamatan - Polis

Projek 6 : Cadangan Pondok Polis	
Lokasi	BP 3 (Mukim Bota - SIDEC)
No. Lot	22758
Luas (hek)	0.8
Komponen Cadangan	Pejabat pertanyaan, kuarters, bilik mesyuarat, bilik jentera, surau, parkir, pagar keselamatan, stor penyimpanan barang kes, CCTV
Fasa Pelaksanaan	2015-2020
Rujukan Rajah	Rajah 4.5 : Cadangan Kemudahan Keselamatan - Polis



Projek 7 : Cadangan Pondok Polis	
Lokasi	BP 3 (Mukim Bota - Puncak Iskandar)
No. Lot	-
Luas (hek)	0.8
Komponen Cadangan	Pejabat pertanyaan, kuarters, bilik mesyuarat, bilik jentera, surau, parkir, pagar keselamatan, stor penyimpanan barang kes, CCTV
Fasa Pelaksanaan	2015-2020
Rujukan Rajah	Rajah 4.5 : Cadangan Kemudahan Keselamatan - Polis

Projek 8 : Cadangan Balai Bomba Kategori C	
Lokasi	BP 1 (Mukim Belanja - Kg. Chopin Kanan)
No. Lot	-
Luas (hek)	0.8
Komponen Cadangan	Bangunan balai, padang kawad, menara kawad, bangunan logistik, parkir, dewan, surau, kuarters dan sebagainya.
Fasa Pelaksanaan	2015-2020
Rujukan Rajah	Rajah 4.6 : Cadangan Kemudahan Keselamatan - Bomba dan Penyelamat


Projek 9 : Cadangan Balai Bomba Kategori C	
Lokasi	BP 7 (Mukim Kampong Gajah)
No. Lot	PT 2497
Luas (hek)	3.3
Komponen Cadangan	Bangunan balai, padang kawad, menara kawad, bangunan logistik, parkir, dewan, surau, kuarters dan sebagainya.
Fasa Pelaksanaan	2015-2020
Rujukan Rajah	Rajah 4.6 : Cadangan Kemudahan Keselamatan - Bomba dan Penyelamat

Projek 10 : Cadangan Naiktaraf Balai Bomba Kategori C Kepada Balai Bomba Kategori A	
Lokasi	BP 3 (Mukim Bota)
No. Lot	113
Luas (hek)	4.07
Komponen Cadangan	Penambahan balai dengan penyediaan minimum 3 enjin bay, padang kawad, menara kawad (hose tower), padang rekreasi, bangunan logistik, dewan serbaguna dan bangunan bengkel
Fasa Pelaksanaan	2021-2025
Rujukan Rajah	Rajah 4.6 : Cadangan Kemudahan Keselamatan - Bomba dan Penyelamat


Rajah 4.5 : Cadangan Kemudahan Keselamatan - Polis




Cadangan Balai Polis Kategori D Di Changkat Lada



Cadangan Balai Polis Kategori D Di Jejaw



Cadangan Pondok Polis Di Kg. Simpang Tiga



SKALA 1 : TANPA SKALA

RANCANGAN TEMPATAN

RAJAH 4.5
CADANGAN KEMUDAHAN KESELAMATAN - POLIS
DAERAH PERAK TENGAH


Petunjuk :

Guna Tanah


- Perumahan
- Komersial
- Industri
- Pembangunan Bercampur
- Institusi Dan Kemudahan Masyarakat
- Tanah Lapangan Dan Rekreasi
- Pengangkutan
- Infrastruktur Dan Utiliti
- Pertanian
- Hutan
- Badan Air

Lain-Lain


- Jalan Raya
- Sempadan Blok Perancangan / Mukim
- Sempadan Daerah




Cadangan Pondok Polis Di Felcra Nasaruddin



Cadangan Pondok Polis Di Puncak Iskandar, Seri Iskandar




Cadangan Pondok Polis Di SIDEK, Seri Iskandar



Cadangan Pondok Polis Di Kg. Durian Kudong



Sumber : Kajian Rancangan Tempatan
Daerah Perak Tengah 2030




SKALA 1 : TANPA SKALA

RANCANGAN TEMPATAN


RAJAH 4.6
CADANGAN KEMUDAHAN KESELAMATAN
- BOMBA DAN PENYELAMAT
DAERAH PERAK TENGAH



Cadangan Balai Bomba Kategori C Di
Kg. Chopin Kanan



Cadangan Balai Bomba Kategori C Di
Kampung Gajah



Cadangan Naiktaraf Balai Bomba
Kategori C Kepada Balai Bomba
Kategori A Di Bandar Seri Iskandar

Petunjuk :

Guna Tanah

- Perumahan
- Komersial
- Industri
- Pembangunan Bercampur
- Institusi Dan Kemudahan Masyarakat
- Tanah Lapang Dan Rekreasi
- Pengangkutan
- Infrastruktur Dan Utiliti
- Pertanian
- Hutan
- Badan Air

Lain-Lain

- Jalan Raya
- Sempadan Blok Perancangan / Mukim
- Sempadan Daerah



Contoh Kemudahan Di Balai Bomba

Sumber : Kajian Rancangan Tempatan
Daerah Perak Tengah 2030



Cadangan Kemudahan Komuniti

Kemudahan komuniti merupakan keperluan penting bagi masyarakat setempat sebagai tempat perjumpaan umum untuk tujuan sosial, pembelajaran dan rekreasi. Perancangan pembangunan kemudahan ini adalah berdasarkan fungsi, kepadatan penduduk dan jarak lingkungan kemudahan. Antara kemudahan komuniti yang dicadangkan bagi Rancangan Tempatan Daerah Perak Tengah 2030 adalah seperti berikut :

Projek 1 : Cadangan Dewan Orang Ramai	
Lokasi	BP 5 (Mukim Lambor Kiri)
No. Lot	-
Luas (hek)	0.1
Komponen Cadangan	Dewan, gelanggang badminton/sepak takraw, pentas, stor, bilik solat, tandas.
Fasa Pelaksanaan	2015-2020
Rujukan Rajah	Rajah 4.7 : Cadangan Kemudahan Komuniti

Projek 2 : Cadangan Dewan Orang Ramai	
Lokasi	BP 6 (Mukim Pulau Tiga)
No. Lot	-
Luas (hek)	0.1
Komponen Cadangan	Dewan, gelanggang badminton/sepak takraw, pentas, stor, bilik solat, tandas.
Fasa Pelaksanaan	2015-2020
Rujukan Rajah	Rajah 4.7 : Cadangan Kemudahan Komuniti

Projek 3 : Cadangan Dewan Serbaguna	
Lokasi	BP 3 (Mukim Bota)
No. Lot	-
Luas (hek)	0.2
Komponen Cadangan	Dewan, pejabat, gelanggang badminton/sepak takraw, pentas, stor, bilik solat, tandas, bilik persalinan dan ruang landskap.
Fasa Pelaksanaan	2015-2020
Rujukan Rajah	Rajah 4.7 : Cadangan Kemudahan Komuniti


Cadangan Kemudahan Kebajikan

Warga emas ditakrifkan mereka yang berumur 60 tahun ke atas. Takrifan ini berpandukan kepada takrifan yang dibuat di “*World Assembly On Ageing 1982*” di Vienna. Di bawah kemudahan kebajikan Warga Emas satu perkhidmatan khusus yang dikenalpasti dalam Pelan Tindakan Dasar Warga Emas Negara adalah pewujudan Pusat Jagaan Harian Warga Emas (PJHWE) yang kini dikenali sebagai Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE). Pusat ini menjalankan pelbagai aktiviti dan program untuk warga emas yang berumur 56 tahun ke atas, sihat tubuh badan dan boleh menguruskan diri tanpa bantuan.

Projek 1 : Cadangan Pondok Warga Emas	
Lokasi	BP 7 (Mukim Kampong Gajah)
No. Lot	5012
Luas (hek)	6.03
Komponen Cadangan	Blok pejabat pentadbiran, kemudahan kesihatan, ruang awam atau rehat, dewan makan, dewan serbaguna, bilik aktiviti, bilik rekreasi pasif, kawasan rekreasi.
Fasa Pelaksanaan	2015-2020
Rujukan Rajah	Rajah 4.8 : Cadangan Kemudahan Kebajikan



Pelbagai Kemudahan Dan Aktiviti Dijalankan Bagi Warga Emas Seperti Kelas Mengaji Al-Qur'an, Fardu Ain Dan Lain-lain Aktiviti Riadah



SKALA 1 : TANPA SKALA

RANCANGAN TEMPATAN

RAJAH 4.7 CADANGAN KEMUDAHAN KOMUNITI DAERAH PERAK TENGAH


Petunjuk :

Guna Tanah

- Perumahan
- Komersial
- Industri
- Pembangunan Bercampur
- Institusi Dan Kemudahan Masyarakat
- Tanah Lapang Dan Rekreasi
- Pengangkutan
- Infrastruktur Dan Utiliti
- Pertanian
- Hutan
- Badan Air

Lain-Lain

- Jalan Raya
- Sempadan Blok Perancangan / Mukim
- Sempadan Daerah




Cadangan Dewan
Orang Ramai Di Mukim
Lambor Kiri

Cadangan
Dewan Orang
Ramai Di
Mukim Pulau
Tiga

Cadangan Dewan Serbaguna Di Mukim
Bota

Sumber : Kajian Rancangan Tempatan
Daerah Perak Tengah 2030





SKALA 1 : TANPA SKALA

RANCANGAN TEMPATAN

RAJAH 4.8 CADANGAN KEMUDAHAN KEBAJIKAN DAERAH PERAK TENGAH



Petunjuk :

Guna Tanah

- Perumahan
- Komersial
- Industri
- Pembangunan Bercampur
- Institusi Dan Kemudahan Masyarakat
- Tanah Lapang Dan Rekreasi
- Pengangkutan
- Infrastruktur Dan Utiliti
- Pertanian
- Hutan
- Badan Air

Lain-Lain

- Jalan Raya
- Sempadan Blok Perancangan / Mukim
- Sempadan Daerah




- Cadangan Pondok Warga Emas Di Kampong Gajah Seluas 6 Hektar.
- Program Ini Akan Dikelolakan Oleh Bahagian Pengurusan Pendidikan, Jabatan Agama Islam Negeri Perak.



Contoh Pondok Warga Emas Dengan Pelbagai Kemudahan Bagi Warga Emas Melakukan Pelbagai Aktiviti Seperti Kelas Mengaji Al-Qur'an.

Sumber : Kajian Rancangan Tempatan
Daerah Perak Tengah 2030





SKALA 1 : TANPA SKALA

RANCANGAN TEMPATAN



RAJAH 4.9 PELAN CADANGAN INSTITUSI DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT DAERAH PERAK TENGAH

Petunjuk :

- Pendidikan
- Kesihatan
- Keselamatan
- Rumah Kebajikan
- Kemudahan Komuniti

Lain-Lain

- Jalan Raya
- Sungai
- Sempadan Blok Perancangan / Mukim
- Sempadan Daerah



Sumber : Kajian Rancangan Tempatan
Daerah Perak Tengah 2030



4.3.2 Melengkapkan Penyediaan Kemudahan Di Pusat Pertumbuhan Desa Yang Ditetapkan

a. Pengenalan

PPD merupakan pusat pertumbuhan utama yang boleh menyediakan perkhidmatan kepada sesebuah kawasan pedalaman yang terdiri daripada beberapa kawasan petempatan desa. Pusat-pusat ini dilengkapi dengan infrastruktur dan kemudahan masyarakat yang berkualiti seperti jalan, bekalan air bersih, elektrik, perparitan, kemudahan ICT, perumahan, sanitasi, sekolah, klinik dan bangunan komersial.

b. Lokasi

Lokasi PPD dan komponen kemudahan sedia ada dan yang akan dicadangkan adalah seperti di dalam **Jadual 4.5**.

c. Justifikasi

Cadangan untuk melengkapkan sebuah petempatan desa dengan pelbagai kemudahan bertujuan untuk menjadi pemangkin kepada pertumbuhan sosioekonomi, mengurangkan masalah migrasi luar bandar ke bandar dan menggalakkan penglibatan penduduk dalam pembangunan dan kemampanan kampung.

d. Agensi Pelaksana

- i. Majlis Daerah Perak Tengah
- ii. Pejabat Daerah
- iii. Kementerian Luar Bandar dan Wilayah

e. Rujukan

- i. Rajah 4.10 hingga Rajah 4.13
- ii. Rajah 4.14


Jadual 4.5 : Komponen Kemudahan Di Pusat Petempatan Desa Sedia Ada Dan Cadangan

NO.	LOKASI PPD	PUSAT PERKHIDMATAN				
		DEWAN	MASJID/ SURAU	KLINIK DESA	SEKOLAH	PADANG
1	Buluh Akar	√	√	√	√	√
2	Tg. Belanja	√	√	√	√	√
3	Layang-Layang Kanan	√	√	√	√	√
4	Kg. Selat	√	√	√	√	√
5	Gelung Pepuyu	√	√	√	√	√
6	Padang Changkat	√	√	√	√	√
7	Pulau Tiga Kanan	√	√	√	√	√
8	Balun Bidai	√	√	√	√	√
9	Air Kuning	√	√	√	√	√
10	Pulau Besar	√	√	√	√	√
11	Kg. Kepala Pulau	√	√	√	√	√
12	Sg. Ranggalam	√	√	√	√	√
13	Kg. Ulu Dedap	√	√	√	√	√
14	Bukit Chawi	√	√	√	√	√

Petunjuk : √ Sedia Ada √ Cadangan

Projek 1 : Cadangan Dewan Serbaguna	
Lokasi	BP 3 Mukim Bota - PPD Padang Changkat
No. Lot	-
Luas (hek)	0.1
Komponen Cadangan	Dewan, pejabat, gelanggang badminton/sepak takraw, pentas, stor, bilik solat, tandas, bilik persalinan dan ruang landskap.
Fasa Pelaksanaan	2015-2020
Rujukan Rajah	Rajah 4.13 : Cadangan Dewan Serbaguna Dan Dewan Orang Ramai

Projek 2 : Cadangan Dewan Orang Ramai	
Lokasi	BP 10 Mukim Bandar - PPD Ulu Dedap
No. Lot	-
Luas (hek)	0.1
Komponen Cadangan	Dewan, gelanggang badminton/sepak takraw, pentas, stor, bilik solat, tandas.
Fasa Pelaksanaan	2015-2020
Rujukan Rajah	Rajah 4.13 : Cadangan Dewan Serbaguna Dan Dewan Orang Ramai



SKALA 1 : TANPA SKALA


RANCANGAN TEMPATAN

RAJAH 4.10
CADANGAN PENYEDIAAN KEMUDAHAN DI
PUSAT PETEMPATAN DESA YANG DITENTUKAN



Petunjuk:

- Padang
- Klinik
- Dewan
- Masjid/Surau
- Sekolah
- Cadangan

BP 1 : PPD KG. BULOH AKAR



BP 1 : PPD KG. TANJONG BELANJA



Lokasi PPD	Pusat Perkhidmatan				
	Dewan	Masjid/ Surau	Klinik Desa	Sekolah	Padang
Buluh Akar	√	√	√	√	√


Lokasi PPD	Pusat Perkhidmatan				
	Dewan	Masjid/ Surau	Klinik Desa	Sekolah	Padang
Tg. Belanja	√	√	√	√	√

Kriteria PPD yang berkesan:

- Semua pusat perkhidmatan terdapat di PPD
- Kekurangan 1-2 pusat perkhidmatan di PPD
- Kekurangan 3 dan lebih pusat perkhidmatan di PPD

Sumber : Kajian Rancangan Tempatan
Daerah Perak Tengah 2030






SKALA 1 : TANPA SKALA

RANCANGAN TEMPATAN

RAJAH 4.11


CADANGAN PENYEDIAAN KEMUDAHAN DI
PUSAT PETEMPATAN DESA YANG DITENTUKAN

BP 2 : PPD KG. SELAT & KG. LAYANG-LAYANG KANAN




Aksesibiliti kawasan-kawasan luar bandar perlu dipertingkatkan di masa depan dengan pembinaan jalan penyambung baru atau penaiktarafan jalan-jalan sedia ada kepada rezab 20m. Dengan ini perhubungan antara kawasan-kawasan tersebut akan menjadi lebih baik dan pengguna juga tidak dibebankan dengan perbelanjaan petrol yang banyak.

b. Lokasi

- i. Dari Kg. Talang ke Jalan Lingkaran Tengah (5.2km) - A – A1
- ii. Dari Simpang Lima Pekan Gurney ke Kg. Teluk Sena (16.6km) - B – B1
- iii. Dari Jalan A127 ke Kg. Selat (5.3km) - C – C1

c. Komponen Cadangan

- i. Pembinaan jalan baru dan penaiktarafan jalan sedia ada kepada rezab 20m .
- ii. Pembinaan persimpangan-persimpangan berkaitan.

d. Justifikasi

- i. Penyediaan jalan-jalan penghubung ini akan memendekkan jarak yang perlu dilalui oleh penduduk untuk mendapatkan perkhidmatan perbandaran.
- ii. Jalan-jalan ini juga membuka kawasan baru untuk pembangunan.


e. Agensi Pelaksana

- i. Jabatan Kerja Raya
- ii. Pejabat Tanah Dan Daerah Perak Tengah

e. Rujukan

- i. Rajah 5.19 : Cadangan Pembinaan Jalan Penghubung Kawasan Luar Bandar Daerah Perak Tengah






SKALA 1 : TANPA SKALA

RANCANGAN TEMPATAN

RAJAH 5.19
CADANGAN PEMBINAAN JALAN PENGHUBUNG
KAWASAN LUAR BANDAR
DAERAH PERAK TENGAH



A – A1 5.2km



B – B1 16.6km



C – C1 5.3km

Sumber : Kajian Rancangan Tempatan
Daerah Perak Tengah 2030



5.5 STRATEGI 3.5 : MEWUJUDKAN PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN AWAM YANG EFISIEN

5.5.1 Menjalankan Transformasi Pengangkutan Awam Di Seluruh Daerah Perak Tengah

a. Pengenalan

Perkhidmatan pengangkutan awam di Daerah Perak Tengah pada umumnya adalah sangat lemah. Sehingga kini perkhidmatan bas bandaran yang sepatutnya memberi khidmat kepada kawasan dalam bandar tidak terdapat di Seri Iskandar. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah membuat kajian berkenaan pemulihan perkhidmatan pengangkutan awam di Perak dan cadangan-cadangan tersebut akan dilaksanakan di Daerah Perak Tengah.

b. Lokasi

Seluruh bandar dan pekan-pekan utama Daerah Perak Tengah.

c. Komponen Cadangan

- Mewujudkan perkhidmatan bas bandaran di Bandar Seri Iskandar sebagai permulaan.
- Memulihkan perkhidmatan antara bandar dengan menyusun semula jadual dan memperluaskan liputan.
- Memperketatkan peraturan penggunaan ruang untuk laluan dan parkir bas di hentian-hentian.
- Menggunakan bas-bas berkuasa NGV bagi menjamin kebersihan persekitaran dan keselesaan penumpang.

d. Justifikasi


Perkhidmatan pengangkutan awam yang baik dan *reliable* adalah diperlukan bagi mengurangkan kebergantungan kepada kenderaan persendirian.

e. Agensi Pelaksana

- Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat
- Majlis Daerah Perak Tengah



Cadangan Laluan Perkhidmatan Bas Awam Perak Tengah



5.6 STRATEGI 3.6 : MEMPERTINGKATKAN TAHAP KESELAMATAN PENGGUNA

5.6.1 Menggunakan Spesifikasi Dan Rekabentuk Selamat Ke Arah Memperbaiki Tahap Keselamatan Pengguna

a. Pengenalan

Keselamatan pengguna jalanraya secara umumnya masih sangat rendah. Penggunaan rekabentuk atau binaan yang tidak mengikut spesifikasi mewujudkan kawasan berisiko tinggi. Di kawasan-kawasan berhampiran sekolah misalnya masih terdapat ciri-ciri yang boleh mengakibatkan kemalangan. Penyediaan laluan sikal di antara kawasan perumahan dengan sekolah boleh mempertingkatkan tahap keselamatan pelajar-pelajar selain penggunaan langkah-langkah penenang trafik (*Traffic Calming Measures*).

b. Lokasi

Di seluruh Daerah Perak Tengah.

c. Komponen Cadangan

- Memperbaiki cerun di tepi jalan A51 supaya memenuhi spesifikasi rekabentuk.
- Menyediakan lorong sikal di mana sesuai dan perlu.
- Merekabentuk semula jalan di sekitar Sekolah Kebangsaan Iskandar Shah, Parit.
- Menggunakan kaedah penenang trafik bagi memperlahankan kenderaan bermotor di kawasan-kawasan sibuk.

d. Justifikasi

Mewujudkan tahap keselamatan yang tinggi ke arah kemalangan sifar bagi pengguna jalanraya termasuk kanak-kanak sekolah.


e. Agensi Pelaksana

- Majlis Daerah Perak Tengah
- Jabatan Keselamatan Jalanraya, Kementerian Kerja Raya
- Jabatan Kerja Raya



Contoh Penenang Trafik (*Traffic Calming*) Yang Boleh Digunakan Di Kawasan Berhampiran Sekolah Dan Persimpangan

Cadangan Pembaikan Geometri Jalan Di Parit



5.6.2 Menyediakan Tempat Lintasan Pejalan Kaki Di Kawasan-Kawasan Tumpuan Di Bandar Seri Iskandar

a. Pengenalan

Jalanraya Ipoh – Lumut melalui Bandar Seri Iskandar dengan kelebaran 40 meter dan mempunyai pembahagi jalan yang menyebabkan kawasan bandar terbahagi dua. Keadaan ini telah menyukarkan pergerakan pejalan kaki di antara kedua-dua bahagian. Jejantas perlu disediakan untuk mengatasi masalah ini.

b. Lokasi

Kawasan tumpuan utama di Bandar Seri Iskandar.

c. Komponen Cadangan

- i. Membina jejantas pejalan kaki di kawasan perniagaan Bandar Seri Iskandar.
- ii. Membina jejantas pejalan kaki di kawasan berhadapan Masjid Sultan Yussuf Izuddin Shah, Bandar Seri Iskandar.

d. Justifikasi

Langkah untuk meningkatkan tahap keselamatan pengguna jalanraya.

e. Agensi Pelaksana

- i. Jabatan Kerja Raya
- ii. Majlis Daerah Perak Tengah
- iii. Syarikat Swasta



Kawasan Yang Memerlukan Jejantas Di Bandar Seri Iskandar



Contoh Jejantas



**6.0 HALATUJU 4 : MENONJOLKAN BANDAR DAN PUSAT
PETEMPATAN BERCIRIKAN TEMPATAN**

6.1 STRATEGI 4.1 : MEMPERKASAKAN IMEJ DAN PENGINDAHAN BANDAR

6.1.1 Cadangan Menaiktaraf Imej Dan Rekabentuk Bandar - Bandar Seri Iskandar

a. Pengenalan

Bandar Seri Iskandar berperanan sebagai Pusat Separa Wilayah bagi Daerah Perak Tengah. Oleh itu, Bandar Seri Iskandar memerlukan peningkatan imej bandar yang kerana bandar ini menjadi tumpuan penduduk setempat dan juga pengunjung dari luar. Beberapa elemen rekabentuk bandar perlu dipertingkatkan dan dinaiktaraf dalam usaha memperbaiki imej di samping menonjolkan identiti bandar pendidikan kepada Bandar Seri Iskandar. Cadangan ini mampu meningkatkan kualiti visual kawasan pusat bandar ini. Selain itu ia dapat memberi identiti tersendiri Bandar Seri Iskandar kepada pengunjung apabila mereka berada di dalam kawasan pusat bandar.

Konsep pembangunan bagi Bandar Seri Iskandar adalah bertemakan Pusat Institusi Ilmu. Pemilihan tema ini berdasarkan kepada beberapa pembangunan institusi pendidikan tinggi dan pembangunan sedia ada yang lebih ke arah bandar moden yang terancang. Selain itu, terdapat juga pusat pentadbiran daerah yang menempatkan bangunan pejabat dan agensi-agensi kerajaan. Oleh yang demikian imej dan persekitaran Bandar Seri Iskandar perlu diperkasakan melalui penerapan elemen rekabentuk bandar dan lanskap dengan menerapkan ciri-ciri yang sesuai dengan tema bandar ini.

b. Lokasi

- i. Jalan Koridor Ipoh-Lumut. (Laluan 19)
- ii. Simpang masuk dari Bandar Universiti-Taman Maju.
- iii. Simpang masuk dari Parit.
- iv. Jalan hala masuk dari Bota Kiri.
- v. Bandar Universiti dan SIDEC.
- vi. Kompleks Bangunan Kerajaan Seri Iskandar dan Institusi Pengajian Tinggi.

c. Komponen Cadangan


- i. Pembinaan struktur konkrit pintu masuk bercirikan imej bandar pendidikan.
- ii. Lanskap di persimpangan jalan masuk ke pusat bandar.
- iii. Pembaikan perabut jalan di dalam kawasan pusat bandar.
- iv. Penyediaan lanskap teduhan, lanskap hiasan dan bangku rehat di laluan pejalan kaki.
- v. Membina rangkaian pejalan kaki sebagai *linkages* yang menyambungkan kawasan-kawasan tumpuan dalam pusat bandar.




Contoh Skim Warna Bangunan Mercu Tanda Menggunakan Warna Yang Terang Dan 'Vibrant' Agar Ceria Dan Menarik.



Cadangan Penanaman Pokok Teduhan Di Pusat Perniagaan.



Cadangan Peningkatan Kualiti Lanskap Jalan Koridor Ipoh-Lumut. Penyediaan Lanskap Teduhan Dan Lampu Jalan Dengan Ruang Informasi Yang Boleh Digunakan Untuk Tujuan Pengiklanan.



Cadangan Ruang Pejalan Kaki Yang Selesa Dan Selamat Di Dalam Pusat Bandar. Penyediaan Lanskap Teduhan Untuk Keselesaan Dan Tiang Lampu Tinggi Sebagai Pemisah Ruang Jalan Bagi Tujuan Keselamatan.

d. Justifikasi

- i. Memperbaiki imej bandar dengan memperkenalkan identiti yang sesuai sebagai Pusat Separa Wilayah di Daerah Perak Tengah.
- ii. Menggalakkan pengunjung luar untuk berkunjung ke kawasan pusat bandar dengan ciri-ciri rekabentuk bandar yang jelas dan menarik.
- iii. Menyediakan ruang yang selesa kepada pengunjung terutama kepada golongan pejalan kaki.

e. Agensi Pelaksana

- i. Majlis Daerah Perak Tengah
- ii. Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Perak
- iii. Jabatan Kerja Raya
- iv. Pemaju Swasta

f. Rujukan

- i. Rajah 6.1 : Pelan Cadangan Menaiktaraf Imej Dan Rekabentuk Bandar Seri Iskandar.
- ii. Jadual 6.1, Jadual 6.2 Dan Jadual 6.3 - Garis Panduan Khusus Rekabentuk Bandar RTD Perak Tengah 2030.



'*Hymenocallis Littorallis*'



'*Zephranthes Candida*'

Cadangan Tanaman Lanskap Di Laluan Utama.




'*Bougainvillea Spp*'



'*Osmoxylum Spp*'

Cadangan Tanaman Lanskap Di Laluan Pejalan Kaki.

BANDAR SERI ISKANDAR



TANPA SKALA


RANCANGAN TEMPATAN

RAJAH 6.1
CADANGAN MENAIKtaraf imej dan
REKABENTUK BANDAR DI SERI ISKANDAR
BP 3 BOTA

Petunjuk :


- Rekabentuk Bandar
- Akses Utama
 - Akses Sekunder
 - Pintu Masuk
 - Nodus Bandar
 - Mercu Tanda
 - Sempadan Pusat Bandar
 - Lain-Lain
 - Jalan Raya

Cadangan Penambahbaikan Landskap Jalan Utama



Penambahbaikan imej dan identiti bandar ditonjolkan pada landskap di jalan utama koridor Ipoh Lumut.

Cadangan Landskap Dalam Pusat Bandar



Pengindahan pusat bandar dan pusat tumpuan dengan elemen landskap yang ceria dan menarik.

Cadangan Taman Bandar Seri Iskandar



Taman bandar yang mengukuhkan lagi fungsi Seri Iskandar sebagai pusat separa wilayah.

ELEMEN LOKASI

- **Akses Utama**
 - Jalan Koridor Ipoh-Lumut (Laluan 19)
- **Gerbang Masuk**
 - Gerbang SIDEC
 - Struktur Konkrit Pintu Masuk Bandar Universiti-Batu Gajah
- **Mercu Tanda**
 - Masjid Seri Iskandar
 - Bangunan KFC/Pizza
 - Kompleks Billion
- **Nodus Aktiviti**
 - Pusat Komersial
 - Bandar Universiti
 - Bandar SIDEC

Sumber : Kajian Rancangan Tempatan Daerah Perak Tengah 2030



6.1.2 Cadangan Menaiktaraf Imej Dan Rekabentuk Bandar - Kampung Gajah

a. Pengenalan

Kampung Gajah sebagai Pusat Petempatan Utama memerlukan beberapa penambahbaikan terhadap rekabentuk bandar. Pembangunan Kampung Gajah perlu seiring dengan cadangan pembangunan di pinggir Sungai Perak.

b. Lokasi

- i. Jalan hala masuk dari Parit-Teluk Intan (Laluan 109).
- ii. Jalan hala masuk Kampung Gajah-Tanjung Tualang (Laluan A15).
- iii. Pusat komersial pekan Kampung Gajah.
- iv. Persisir Sungai Perak.

c. Komponen Cadangan

- i. Binaan struktur konkrit di laluan masuk pekan bercirikan identiti pekan Kampung Gajah.
- ii. Lanskap di persimpangan jalan masuk ke pusat tumpuan pekan Kampung Gajah.
- iii. Pembaikan perabut jalan di dalam kawasan pekan.
- iv. Penyediaan lanskap teduhan, lanskap hiasan dan bangku rehat di laluan pejalan kaki.
- v. Membina rangkaian pejalan kaki sebagai *linkages* yang menyambungkan kawasan tumpuan dalam pusat bandar.

d. Justifikasi


- i. Memperbaiki imej bandar dengan memperkenalkan identiti yang sesuai sebagai Pusat Petempatan Utama.
- ii. Memudahkan pengunjung luar untuk berkunjung ke kawasan pusat bandar dengan ciri-ciri rekabentuk bandar yang jelas.
- iii. Menyediakan ruang yang selesa kepada pengunjung terutama kepada golongan pejalan kaki.
- iv. Pembangunan bandar berkesinambungan dengan cadangan pembangunan Sungai Perak.

e. Agensi Pelaksana


- i. Majlis Daerah Perak Tengah (MDPT)
- ii. Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Perak (JPBD)
- iii. Jabatan Kerja Raya (JKR)
- iv. Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS)
- v. Jabatan Landskap Negara (JLN)
- vi. Pemaju Swasta

f. Rujukan

- i. Rajah 6.2 : Pelan Cadangan Menaiktaraf Imej Dan Rekabentuk Bandar Di Pekan Kampung Gajah.
- ii. Jadual 6.1, Jadual 6.2 Dan Jadual 6.3 - Garis Panduan Khusus Rekabentuk Bandar RTD Perak Tengah 2030.



Menerapkan Identiti Bandar Dalam Penyediaan Perabut Jalan Di Persimpangan Utama.





Menyediakan Lanskap Di Laluan Masuk Utama Yang Seimbang Di Kiri Dan Kanan Jalan.



Contoh Pembangunan *Infill* Dan Lanskap Berhampiran Pusat Tumpuan Awam.

KAMPONG GAJAH



TANPA SKALA

RANCANGAN TEMPATAN

RAJAH 6.2
CADANGAN MENAIKTARAF IMEJ DAN
REKABENTUK BANDAR DI KAMPONG GAJAH
BP 7 KAMPONG GAJAH

Petunjuk :

Rekabentuk Bandar

- Akses Utama
- Akses Sekunder
- Pintu Masuk
- Nodus Bandar
- Mercu Tanda
- Sempadan Pusat Bandar


Lain-Lain

- Jalan Raya
- Sungai

ELEMEN	LOKASI
--------	--------

- | | |
|-------------------------|---|
| • Akses Utama | ▪ Jalan Teluk Intan |
| • Gerbang Masuk | ▪ Pusat Kegiatan Masyarakat Kampung Gajah
▪ SMK Dato' Seri Maharaja Lela |
| • Mercu Tanda | ▪ Arca Kraf Tempatan |
| • Nodus Aktiviti | ▪ Pusat Komersial Dan Institusi Kampung Gajah |

Cadangan Pusat Rekreasi Dan Landskap Pinggir Sungai Perak



Mencadangkan Pembangunan Di Pinggir Sungai Perak Untuk Tujuan Rekreasi Dan Pengindahan Pinggir Sungai Perak.

Sumber : Kajian Rancangan Tempatan Daerah Perak Tengah 2030



6.1.3 Cadangan Menaiktaraf Imej Dan Rekabentuk Bandar - Pekan Parit

a. Pengenalan

Pemeliharaan bangunan dengan rekabentuk kolonial dan penambahbaikan elemen rekabentuk bandar amat penting untuk dilaksanakan di Parit. Cadangan ini amat bersesuaian dalam meningkatkan kualiti visual dan fungsi Parit sebagai Pusat Petempatan Kecil.

b. Lokasi

- Jalan hala masuk dari Siputeh-Batu Hampar (laluhan 73).
- Pusat-pusat tumpuan dalam Pekan Parit.
- Taman Cempakasari.

c. Komponen Cadangan

- Gerbang struktur masuk menyerlahkan identiti pekan lama.
- Lanskap di persimpangan jalan masuk ke pekan.
- Pembaikan perabut jalan di dalam kawasan pusat pekan.
- Penyediaan lanskap teduhan, lanskap hiasan dan bangku rehat di laluan pejalan kaki.
- Membina rangkaian pejalan kaki sebagai 'linkages' yang menyambungkan semua kawasan dalam pekan.
- Memperindahkan Taman Cempakasari dengan pembangunan lanskap dan fungsi pusat rekreasi awam.

d. Justifikasi


- Memperkasakan imej pekan dengan fungsi dan peranan Pekan Parit sebagai Pusat Petempatan Kecil.
- Memudahkan pengunjung luar untuk berkunjung ke pekan ini dengan ciri-ciri rekabentuk bandar yang jelas.
- Menyediakan ruang yang selesa kepada pengunjung terutama kepada golongan pejalan kaki.
- Mempromosikan Taman Cempakasari sebagai salah satu pusat tumpuan utama di Pekan Parit.

e. Agensi Pelaksana

- Majlis Daerah Perak Tengah (MDPT)
- Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Perak (JPBD)
- Jabatan Landskap Negara (JLN)
- Jabatan Pelancongan Negeri Perak
- Jabatan Warisan Negara
- Pemaju Swasta

f. Rujukan

- Rajah 6.3 : Pelan Cadangan Menaiktaraf Imej Dan Rekabentuk Bandar Di Pekan Parit.
- Jadual 6.1, Jadual 6.2 Dan Jadual 6.3 - Garis Panduan Khusus Rekabentuk Bandar RTD Perak Tengah 2030.



Mewujudkan Ruang Perniagaan Yang Lebih Selesa Di Samping Mengekalkan Imej Bangunan Kedai Lama.





Ruang Rekreasi Untuk Semua Golongan Usia Di Taman Cempakasari.



Menerapkan Ciri-Ciri Seni Melayu Pada Mercu Tanda Utama Dan Tanda Jalan.

PARIT



TANPA SKALA

RANCANGAN TEMPATAN

RAJAH 6.3
CADANGAN MENAIKTARAF IMEJ DAN
REKABENTUK BANDAR DI PEKAN PARIT
BP 1 BELANJA

Petunjuk :

Rekabentuk Bandar

- Akses Utama
- Akses Sekunder
- Pintu Masuk
- Nodus Bandar
- Mercu Tanda
- Sempadan Pusat Bandar

Lain-Lain

- Jalan Raya
- Sungai

Cadangan Pemuliharaan Dan Pemuliharaan Bangunan Kedai Lama



Pemuliharaan Fasad Bangunan Rumah Kedai Lama Dengan Memastikan Papan Iklan Kedai Tidak Menutup Fasad Bangunan.

Cadangan Pengindahan Di Taman Cempakasari



Memperelokkan Landskap Dan Mempelbagai Aktiviti Rekreasi Di Taman Cempakasari

ELEMEN	LOKASI
• Akses Utama	▪ Jalan Siputeh-Batu Hampar
• Gerbang Masuk	▪ Balai Polis Parit ▪ Mahkamah Majistret Parit
• Mercu Tanda	▪ Menara Jalam Parit
• Nodus Aktiviti	▪ Dataran Terbuka ▪ Pusat Institusi Dan Medan Selera Parit

Sumber : Kajian Rancangan Tempatan Daerah Perak Tengah 2030



6.1.4 Cadangan Menaiktaraf Imej Dan Rekabentuk Bandar - Bota Kanan

a. Pengenalan

Kedudukan pekan Bota Kanan yang strategik menjadi laluan utama perlu mempunyai rekabentuk yang menarik. Selain itu cadangan pembangunan di pinggir Sungai Perak juga seiring dengan pembangunan rekabentuk bandar di pekan ini.

b. Lokasi

- i. Jalan hala masuk dari Parit-Teluk Intan. (Laluan A17-109)
- ii. Pekan Bota Kanan.
- iii. Sungai Perak.

c. Komponen Cadangan

- i. Struktur gerbang masuk di Laluan A17 dan Laluan 109.
- ii. Lanskap di persimpangan jalan masuk ke pekan.
- iii. Pembaikan perabut jalan di dalam kawasan pekan.
- iv. Penyediaan lanskap teduhan, lanskap hiasan dan bangku rehat yang bersesuaian.
- v. Membina rangkaian pejalan kaki sebagai *linkages* yang menyambungkan kawasan dalam pekan.
- vi. Cadangan pembangunan lanskap di pinggir Sungai Perak.

d. Justifikasi

- i. Menaiktaraf aspek keselamatan kepada pengunjung dengan memisahkan ruang pejalan kaki dan jalan kenderaan melalui pembinaan perabut jalan yang sesuai dan lengkap.
- ii. Menaiktaraf imej pekan dengan meningkatkan kualiti visual dan fungsi rekabentuk bandar di pekan Bota Kanan.

e. Agensi Pelaksana

- i. Majlis Daerah Perak Tengah (MDPT)
- ii. Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Perak
- iii. Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS)
- iv. Jabatan Landskap Negara (JLN)
- v. Pemaju Swasta

f. Rujukan

- i. Rajah 6.4 : Pelan Cadangan Menaiktaraf Imej Dan Rekabentuk Bandar Di Bota Kanan.
- ii. Jadual 6.1, Jadual 6.2 Dan Jadual 6.3 - Garis Panduan Khusus Rekabentuk Bandar RTD Perak Tengah 2030.



'Zephranthes
Candida'



'Coleus Spp'





'Hymenocallis
Littoralis'

Tanaman Lanskap Jalan Masuk.



Tempat Letak Kereta Di Pinggir Jalan Bertindak Sebagai Pemisah Antara Jalan Dengan Pejalan Kaki.

BOTA KANAN



TANPA SKALA

RANCANGAN TEMPATAN

RAJAH 6.4
CADANGAN MENAIKTARAF IMEJ DAN
REKABENTUK BANDAR DI BOTA KANAN
BP 3 BOTA

Petunjuk :


Rekabentuk Bandar

- Akses Utama
- Akses Sekunder
- Pintu Masuk
- Nodus Bandar
- Mercu Tanda
- Sempadan Pusat Bandar

Lain-Lain


- Jalan Raya
- Sungai

Cadangan Menaiktaraf Perabut Jalan Di Pusat Tumpuan



Membina Penghadang Jalan Dan Ruang Letak Kenderaan Untuk Memisahkan Ruang Pejalan Kaki Dan Jalan Kenderaan.

Cadangan Laluan Masuk Dan Pusat Rekreasi Pinggir Sungai Perak



Cadangan Pembangunan Di Pinggir Sungai Perak Untuk Rekreasi Dan Pengindahan Di Pinggir.

ELEMEN LOKASI

- **Akses Utama**
 - Jalan Koridor Ipoh-Lumut
 - Jalan Teluk Intan
- **Gerbang Masuk**
 - Simpang Bota Kanan
- **Mercu Tanda**
 - Masjid Bota Kanan
 - Stadium Bakri Rais
- **Nodus Aktiviti**
 - Pusat Perniagaan Bota Kanan
 - Institusi Kemudahan Masyarakat

Sumber : Kajian Rancangan Tempatan
Daerah Perak Tengah 2030



6.1.5 Cadangan Menaiktaraf Imej Dan Rekabentuk Bandar - Titi Gantung

a. Pengenalan

Cadangan rekabentuk dengan imej bandar pertanian di Pekan Titi Gantung. Pekan ini akan menjadi sebuah hub-pertanian utama bagi Daerah Perak Tengah. Oleh itu pembinaan perabut jalan dan lanskap akan diberi perhatian khusus untuk memperbaiki kualiti visual pekan ini.

b. Lokasi

- i. Jalan hala masuk dari Jalan Koridor Ipoh-Lumut (lalan 19)
- ii. Pusat pekan Titi Gantung

c. Komponen Cadangan

- i. Struktur konkrit gerbang masuk dengan ciri imej bandar pertanian di laluan masuk ke Titi Gantung.
- ii. Penanaman lanskap di persimpangan jalan masuk ke pekan.
- iii. Menaiktaraf perabut jalan di jalan utama yang melalui pekan ini..
- iv. Penyediaan lanskap teduhan, lanskap hiasan dan bangku rehat di Hentian Titi Gantung.

d. Justifikasi

- i. Memperbaiki imej pekan dengan meningkatkan kualiti visual dan fungsi elemen rekabentuk bandar Titi Gantung.
- ii. Memudahkan pengunjung luar untuk berkunjung ke pekan ini dengan ciri-ciri rekabentuk bandar yang jelas.

e. Agensi Pelaksana


- i. Majlis Daerah Perak Tengah (MDPT)
- ii. Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Perak (JPBD)
- iii. Jabatan Kerja Raya (JKR)
- iv. Jabatan Pertanian Negeri Perak
- v. Pemaju Swasta

f. Rujukan

- i. Rajah 6.5 : Pelan Cadangan Menaiktaraf Imej Dan Rekabentuk Bandar Di Titi Gantung.
- ii. Jadual 6.1, Jadual 6.2 Dan Jadual 6.3 - Garis Panduan Khusus Rekabentuk Bandar RTD Perak Tengah 2030.



Struktur Konkrit Pintu Masuk Sebagai Pengenalan Kepada Kawasan Perniagaan.



Cadangan Lanskap Teduhan Dan Lampu Jalan Dengan Ruang Informasi Yang Boleh Digunakan Untuk Tujuan Pengiklanan.




'Hymenocallis Littoralis'



'Zephyranthes Candida'

Cadangan Tanaman Lanskap Di Laluan Utama.




TANPA SKALA

RANCANGAN TEMPATAN


RAJAH 6.5
CADANGAN MENAIKTARAF IMEJ DAN
REKABENTUK BANDAR DI TITI GANTUNG
BP 3 BOTA

Petunjuk :

- Rekabentuk Bandar
- Akses Utama
 - Akses Sekunder
 - Pintu Masuk
 - Nodus Bandar
 - Mercu Tanda
 - Sempadan Pusat Bandar
- Lain-Lain
- Jalan Raya



Cadangan Peletakan Papan Tanda Hentian Titi Gantung




Memperbaharui Papan Tanda Di Jalan Masuk Ke Hentian Titi Gantung Untuk Meningkatkan Imej Mercu Tanda.

Cadangan Motif Binaan Konkrit Pintu Masuk



Arca Buah-buahan Sesuai Dengan Identiti Titi Gantung

Cadangan Menaiktaraf Perabot Jalan Di Jalan Tempatan



Landskap Di Jalan Utama Koridor Ipoh-Lumut.

ELEMEN	LOKASI
• Akses Utama	▪ Jalan Koridor Ipoh-Lumut
• Gerbang Masuk	▪ Kompleks Pertanian Titi Gantung ▪ Jalan Gelung Pepuyu
• Mercu Tanda	▪ Pusat Hentian Titi Gantung
• Nodus Aktiviti	▪ Hentian Titi Gantung ▪ Pusat Peniaga Kecil Dan Aktiviti Pasar Malam

Sumber : Kajian Rancangan Tempatan Daerah Perak Tengah 2030



6.1.6 Cadangan Menaiktaraf Imej Dan Rekabentuk Bandar - Bandar Baru Seberang Perak

a. Pengenalan

Penyerlahan imej hub-pertanian bagi Bandar Baru Seberang Perak perlu diberi keutamaan di dalam Merekabentuk imej bandar.

b. Lokasi

- i. Jalan hala masuk dari Pasir Salak-Changkat Lada. (laluhan
- ii. Pusat bandar dan petempatan kecil sekitar Bandar Baru Seberang Perak.

c. Komponen Cadangan

- i. Pintu gerbang masuk sebagai identiti Bandar Baru Seberang Perak.
- ii. Lanskap di persimpangan jalan masuk ke pusat bandar.
- iii. Penyediaan lanskap teduhan, lanskap hiasan dan bangku rehat yang bersesuaian di pusat bandar.
- iv. Membina rangkaian pejalan kaki sebagai *linkages* yang menyambungkan semua kawasan dalam pusat bandar.

d. Justifikasi

- i. Menaiktaraf aspek keselamatan kepada pengunjung dengan memisahkan ruang pejalan kaki dan jalan kenderaan melalui pembinaan perabut jalan yang sesuai dan lengkap.
- ii. Menaiktaraf imej pekan dengan meningkatkan kualiti visual dan fungsi elemen rekabentuk bandar di pekan Bandar Baru Seberang Perak

e. Agensi Pelaksana

- i. Majlis Daerah Perak Tengah
- ii. Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Perak
- iii. Jabatan Kerja Raya
- iv. FELCRA
- v. RISDA
- vi. Pemaju Swasta

f. Rujukan

- i. Rajah 6.6 : Pelan Cadangan Menaiktaraf Imej Dan Rekabentuk Bandar Baru Seberang Perak
- ii. Jadual 6.1, Jadual 6.2 Dan Jadual 6.3 - Garis Panduan Khusus Rekabentuk Bandar RTD Perak Tengah 2030.




Gerbang Masuk Yang Menerapkan Motif Senibina Tempatan Di Laluan Masuk Utama.




Laluan Pejalan Kaki Menghubungkan Pusat Tumpuan Dan Disokong Dengan Lanskap Kejur Dan Lanskap Teduhan

BANDAR BARU SEBERANG PERAK




Penambahan Landskap Kejur
Dan Landskap Lembut Di
Pusat Tumpuan Utama

Cadangan Menaiktaraf Perabut Jalan Di Jalan Tempatan




Menaiktaraf Landskap Untuk Keselesaan Semua Golongan Pengunjung Sama Ada Pejalan Kaki Mahupun Yang Berkenderaan.

Cadangan Menaiktaraf Perabut Jalan Di Pusat Tumpuan Utama



Pemisahan Antara Ruang Pejalan Kaki Dengan Jalan Menggunakan Tonggak Jalan Di Kawasan Pusat Tumpuan Untuk Tujuan Keselamatan.



TANPA SKALA

RANCANGAN TEMPATAN

RAJAH 6.6
CADANGAN MENAIKTARAF IMEJ DAN REKABENTUK
BANDAR DI BANDAR BARU SEBERANG PERAK
BP 9 PASIR SALAK

Petunjuk :

- Rekabentuk Bandar
- Akses Utama
 - Akses Sekunder
 - Pintu Masuk
 - Nodus Bandar
 - Mercu Tanda
 - Sempadan Pusat Bandar
 - Lain-Lain
 - Jalan Raya

ELEMEN	LOKASI
• Akses Utama	▪ Jalan Pasir Salak, Jalan Changkat Lada
• Gerbang Masuk	▪ Masjid FELCRA Bandar Baru Seberang Perak
• Mercu Tanda	▪ Masjid Al Ridzuaniah
• Nodus Aktiviti	▪ Pusat Institusi ▪ FELCRA Seberang Perak ▪ Pusat Latihan FELCRA Seberang Perak ▪ Kolej Komuniti Pasir Salak

Sumber : Kajian Rancangan Tempatan Daerah Perak Tengah 2030



6.1.7 Cadangan Menaiktaraf Imej Dan Rekabentukbandar - Pekan Lambor Kanan

a. Pengenalan

Penyerlahan imej kampung tradisi bagi Pekan Lambor Kanan perlu diberi keutamaan di dalam imej rekabentuk bandar pekan ini.

b. Lokasi

- i. Jalan hala masuk dari Parit-Teluk Intan. (Laluan 109)
- ii. Pekan Lambor Kanan.
- iii. Sungai Perak.

c. Komponen Cadangan

- i. Struktur gerbang masuk di Laluan 109.
- ii. Lanskap di persimpangan jalan masuk ke pekan.
- iii. Pembaikan perabut jalan di dalam kawasan pekan.
- iv. Penyediaan lanskap teduhan, lanskap hiasan dan bangku rehat yang bersesuaian.
- v. Pembangunan lanskap dan titian di pinggir Sungai Perak.

d. Justifikasi

- i. Memperbaiki imej pekan dengan meningkatkan kualiti visual dan fungsi elemen rekabentuk Pekan Lambor Kanan.
- ii. Pembangunan bandar mempunyai kesinambungan dengan cadangan pembangunan di Sungai Perak.

e. Agensi Pelaksana

- i. Majlis Daerah Perak Tengah (MDPT)
- ii. Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Perak (JPBD)
- iii. Jabatan Kerja Raya (JKR)
- iv. Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS)
- v. Jabatan Landskap Negara (JLN)
- vi. Pemaju Swasta

f. Rujukan

- i. Rajah 6.7 : Pelan Cadangan Menaiktaraf Imej Dan Rekabentukbandar Di Lambor Kanan.
- ii. Jadual 6.1, Jadual 6.2 Dan Jadual 6.3 - Garis Panduan Khusus Rekabentuk Bandar RTD Perak Tengah 2030.




'Bougainvillea
Spp'



'Osmoxylum
Spp'


Cadangan Tanaman Lanskap Di Laluan
Pejalan Kaki.



Cadangan Peningkatan Kualiti Lanskap Jalan
Hala Masuk Melalui Jalan Teluk Intan.



Cadangan Lanskap Dan Ruang Pejalan Kaki Pinggir
Sungai.



TANPA SKALA

RANCANGAN TEMPATAN

RAJAH 6.7
CADANGAN MENAIKTARAF IMEJ DAN
REKABENTUK BANDAR DI LAMBOR KANAN
BP 4 LAMBOR KANAN


Petunjuk :

Rekabentuk Bandar

- Akses Utama
- Akses Sekunder
- Pintu Masuk
- Nodus Bandar
- Mercu Tanda
- Sempadan Pusat Bandar

Lain-Lain

- Jalan Raya
- Sungai



Cadangan Motif Binaan Struktur Pintu Masuk



Labu Sayong Sesuai Dijadikan Motif Untuk Struktur Pintu Masuk Kerana Signifikan Dengan Hasil Produk Tempatan Di Lambor Kanan.

ELEMEN LOKASI

- **Akses Utama**
 - Jalan Parit-Teluk Intan (Laluan 109)
- **Gerbang Masuk**
 - Laluan Masuk Dari Arah Bota Kanan Dan Kampong Gajah (Laluan 109)
- **Mercu Tanda**
 - Masjid Al Ridzuaniah
- **Nodus Aktiviti**
 - Pusat Kemudahan Masyarakat
 - Klinik Desa Lambor Kanan
 - SK Lambor Kanan

Sumber : Kajian Rancangan Tempatan Daerah Perak Tengah 2030



6.1.8 Panduan Khusus Rekabentuk Bandar

a. Pengenalan

Panduan ini digunapakai sebagai asas kepada rekabentuk bandar bagi pekan-pekan dan bandar yang terdapat di dalam daerah Perak Tengah. Panduan ini akan merangkumi tiga (3) aspek bandar utama iaitu imej, peningkatan identiti bandar, mercu tanda, elemen pintu masuk dan perabot bandar serta senibina bangunan. Selain daripada panduan khusus ini, garis panduan umum mengikut guna tanah perlu dipatuhi.

b. Imej

Setiap daripada bandar dan pekan utama perlu dibangunkan mengikut fungsi bandar yang dicadangkan sepertimana **Jadual 6.1** dibawah.

Jadual 6.1 : Fungsi Bandar Dan Pekan Utama Dalam Daerah Perak Tengah.

Bandar/Pekan	Fungsi
Seri Iskandar	Bandar Pendidikan Tinggi, Bandar Pentadbiran Dan Pusat Perdagangan Utama
Kampung Gajah	Pusat Pentadbiran Dan Pusat Perkhidmatan Utama.
Parit	Bandar Warisan Dan Pusat Perkhidmatan Sokongan
Bota Kanan	Pekan Laluan Utama Daerah Dan Pusat Perkhidmatan Sokongan
Titi Gantung	Pusat Hub-Pertanian Daerah Dan Pusat Perkhidmatan Sokongan
Bandar Baru Seberang Perak	Bandar Pendidikan Dan Pusat Perkhidmatan Sokongan
Lambor Kanan	Pusat Ekonomi Desa Dan Pusat Perkhidmatan Sokongan




c. Peningkatan Identiti Bandar

Imej masa hadapan bagi setiap fungsi bandar, ciri-ciri mercu tanda, elemen pintu masuk dan skap jalan perlu dipertingkatkan dan dicadangkan seperti dalam **Jadual 6.2**.








d. Senibina Bangunan

Bagi menyesuaikan kepada imej bandar, beberapa perkara berkaitan dengan senibina bangunan perlu diambilkira. Perkara-perkara berkenaan senibina bangunan seperti dalam **Jadual 6.3**.





Jadual 6.2 : Panduan Peningkatan Identiti Bandar

Perkara	Panduan Rekabentuk	Ilustrasi
Mercu Tanda	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menggambarkan Identiti Bandar Atau Identiti Tempatan. ▪ Senibina Kontemporari ▪ Dapat Dilihat Dari Pandangan Jauh 	
Elemen Pintu Masuk	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pembinaan Pintu Masuk Terdiri Dari Material Yang Kurang Memerlukan Penyelenggaraan Dan Tahan Lama Seperti Konkrit, Aluminium Dan Sebagainya. ▪ Boleh Terdiri Daripada Arca Atau Gerbang. 	
Skap Jalan:	<p>Siar Kaki</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Siar Kaki Mesti Berkesinambungan Dan Berterusan Dengan Kelebaran Minima 5-6 Kaki, Mempunyai Lintasan Pejalan Kaki Di Persimpangan Jalan Utama Dan Mengambil kira <i>Ramp</i> Bagi Golongan OKU. ▪ Siar Kaki Perlu Dibina Dengan Bahan Yang Tahan Dan Kurang Penyelenggaraan. ▪ Boleh Diintegrasikan Secara Minima Dengan Motif Yang Bersesuaian. ▪ Disediakan Dengan Tonggak Jalan Sebagai Pemisah Antara Ruang Pejalan Kaki Dengan Jalan Kenderaan. <p>Lampu Jalan</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Lampu Tinggi Dengan Motif Yang Bersesuaian Dengan Imej Bandar. ▪ Tiang Lampu Di Jalan Utama Disediakan Dengan Ruang Informasi Yang Boleh Digunakan Sebagai Papan Iklan. 	 <p style="text-align: center;">Skap Jalan Dan Lanskap Jalan Utama</p> <p style="text-align: center;">Skap Jalan Dan Lanskap Jalan Tempatan</p> <p style="text-align: center;">Ruang Siar Kaki Dalam Pusat Bandar</p>









Sambungan...

Perkara	Panduan Rekabentuk	Ilustrasi
<p>Skap Jalan:</p>	<p>Pokok</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Penanaman Pokok Yang Dapat Menjadi Penampan Kepada Asap Kenderaan Yang Lalu-lalang. ▪ Penanaman Pokok Teduhan Dan Pokok Renek Di Dalam Siar Kaki Ruang Pusat Bandar. ▪ Penanaman Lanskap Pokok Teduhan Dan Pokok Renek Di Kawasan Pejalan Kaki Pinggir Sungai Dan Taman Rekreasi Awam. 	<div style="display: flex; justify-content: space-around;"> <div style="text-align: center;">  <p><i>'Hymenocallis Littoralis'</i></p> </div> <div style="text-align: center;">  <p><i>'Zephranthes Candida'</i></p> </div> </div> <p style="text-align: center;">Cadangan Tanaman Lanskap Di Laluan Utama.</p> <div style="display: flex; justify-content: space-around;"> <div style="text-align: center;">  <p><i>'Bougainvillea Spp'</i></p> </div> <div style="text-align: center;">  <p><i>'Osmoxylum Spp'</i></p> </div> </div> <p style="text-align: center;">Cadangan Tanaman Lanskap Di Laluan Pejalan Kaki.</p> <div style="display: flex; justify-content: space-around;"> <div style="text-align: center;">  <p><i>'Bambusa Spp'</i></p> </div> <div style="text-align: center;">  <p><i>'Hibiscus Rosa Sinensis'</i></p> </div> <div style="text-align: center;">  <p><i>'Baringtonia Asiatica'</i></p> </div> </div> <p style="text-align: center;">Cadangan Tanaman Lanskap Pinggir Sungai Dan Taman Rekreasi.</p>

Jadual 6.3 : Panduan Senibina Bangunan

Perkara	Panduan Rekabentuk
<p>Karakter Bangunan</p> <ul style="list-style-type: none"> Pembangunan <i>Infill</i> 	<ul style="list-style-type: none"> Kesinambungan Rekabentuk Fasad Hadapan Dengan Bangunan Bersebelahan 
<p>Karakter Bangunan</p> <ul style="list-style-type: none"> Pembangunan Baru 	<ul style="list-style-type: none"> Karakter Bangunan Dengan Ciri Senibina Moden  <ul style="list-style-type: none"> Bukaan Tingkap  <ul style="list-style-type: none"> Bukaan Pintu 

Sambungan...

Perkara	Panduan Rekabentuk
<p>Karakter Bangunan</p> <ul style="list-style-type: none"> Pembangunan Baru 	<ul style="list-style-type: none"> Karakter Bangunan Dengan Ciri Senibina Khas <ul style="list-style-type: none">    Bukaan Tingkap Dan Pintu <ul style="list-style-type: none">    
<p>Perletakan Papan Tanda</p>	<ul style="list-style-type: none"> Papan Iklan Tidak Menutup Fasad. Rekabentuk Mencerminkan Imej Bandar. Bahasa Melayu Diwajibkan. 

Sambungan...

Perkara	Panduan Rekabentuk
Warna Bangunan	<p>Bangunan Senibina Moden</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Warna Bangunan Yang '<i>Natural Tone</i>' Seperti Putih Dan '<i>Creme</i>', Dengan Perincian Bahan-bahan '<i>Steel Tubing</i>' Dengan Warna Pekat Seperti Hitam, Coklat, Biru Dan Merah. <div data-bbox="1035 484 1742 966" data-label="Image"> </div> <p>Bangunan Senibina Tradisional</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Warna Bangunan '<i>Earth Tone</i>' – Coklat Terang Pekat Dan Lain-lain <div data-bbox="1065 1161 1715 1643" data-label="Image"> </div>



**7.0 HALATUJU 5 : PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN
ALAM SEKITAR**

7.1 STRATEGI 5.1 : KAWALAN, PENCEGAHAN DAN PENINGKATAN KUALITI AIR DI LEMBANGAN SG. PERAK SECARA MENYELURUH BERKONSEPKAN INTEGRATED RIVER BASIN MANAGEMENT (IRBM)

7.1.1 Program Pencegahan Dan Peningkatan Kualiti Air Lembangan Sungai Perak Kepada Kelas II, Standard Kualiti Air Kebangsaan, Malaysia

a. Pengenalan

Kualiti air telah menurun 2013-2014 di Sungai Perak terutama di Sungai Seluang dan Sungai Tumboh oleh pencemar biologi seperti *Biological Oxygen Demand (BOD)* dan *Ammoniacal Nitrogen (AN)* berpunca dari pelepasan kumbahan dan efluen perindustrian. Daerah Perak Tengah menjadi penerima kepada pencemaran dari bahagian-bahagian lain di Daerah Kinta dan Daerah Kuala Kangsar memandangkan kedudukannya yang berada di bahagian hilir kawasan tersebut dalam konteks lembangan Sungai Perak.

b. Lokasi

Seluruh kawasan yang berada di dalam Lembangan Sungai Perak.

c. Komponen Cadangan


- i. Menyenaraikan lokasi sumber pencemaran *point source* atau *non-point source* mengikut lembangan sungai.
- ii. Menyenaraikan jenis pencemaran yang akan dihasilkan.
- iii. Mengenalpasti projek dan program pencegahan dan kawalan pencemaran serta peningkatan kualiti air sungai.
- iv. Program kesedaran awam dan tanggungjawab bersama.

d. Justifikasi

- i. Sungai Tumboh dikategorikan sebagai sederhana tercemar dengan indeks kualiti air (*WQI*) 65-66 dan Kelas Kegunaan III manakala Sungai Seluang dikategorikan sebagai tercemar dengan *WQI* 61-49 dan Kelas Kegunaan Air IV. Ini menunjukkan air di Sungai Tumboh memerlukan rawatan yang ekstensif sebelum sesuai untuk kegunaan domestik manakala air di Sungai Seluang hanya sesuai untuk tujuan pengairan sahaja.
- ii. Bagi menangani masalah ini, satu kajian yang menyeluruh bagi lembangan Sungai Seluang dan Sungai Tumboh yang menjadi sub-lembangan kepada Sungai Kinta yang juga berada di Daerah Kinta. Sungai Seluang menerima efluen dan kumbahan serta pencemaran lain dari kawasan Seri Iskandar dan Bota termasuk Felcra Nasrudin yang mengalir ke Sungai Tumboh, Sungai Kinta dan berakhir di Sungai Perak. Sungai Kinta juga menerima efluen dari kawasan Batu Gajah-Ipoh-Simpang Pulai. Oleh itu, pendekatan yang terbaik adalah melalui konsep pengurusan bersepadu (*Integrated River Basin Management, IRBM*).

e. Agensi Terlibat

- i. Jabatan Alam Sekitar (JAS)
- ii. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)
- iii. Lembaga Air Perak (LAP)
- iv. Majlis Daerah Perak Tengah (MDPT)





TANPA SKALA


RANCANGAN TEMPATAN

RAJAH 7.1
LEMBANGAN SUNGAI SELUANG DAN SUNGAI
TUMBOH


Lembangan Sg Perak



Lembangan Sg Seluang



Lembangan Sg Tumboh



Sumber : Kajian Rancangan Tempatan
Daerah Perak Tengah 2030



7.2 STRATEGI 5.2 : MELINDUNGI, MEMELIHARA DAN MEMULIHARA POPULASI DAN HABITAT TUNTUNG (BATAGUR BASKA) BAGI MENGELAKKAN KEPUPUSAN

7.2.1 Kawalan Pembangunan Di Kawasan Tepi Sungai Perak Di Bota Kanan

a. Pengenalan

Tuntung merupakan sejenis reptilia yang diancam kepupusan disebabkan telurnya dikutip dan diperdagangkan, dagingnya diburu dan dimakan manakala habitat semulajadi pula dirosak dan dimusnah oleh aktiviti seperti pengorekan pasir, pelebaran dan pedalaman sungai. Oleh itu, aktiviti di sepanjang sungai yang dikenalpasti sebagai kawasan pembiakan dan tempat bertelur hendaklah dilindungi persekitaran habitatnya dari sebarang ancaman, kerosakan dan gangguan. Disamping itu aktiviti di Pusat Konservasi Tuntung perlu dipergiatkan bagi membantu memulihara spesies tersebut yang terancam akibat pengambilan telur dan kerosakan habitat termasuk mempelajari dan memahami tabiat semula jadi tuntung.

b. Lokasi

Kawasan Konservasi Tuntung sedia ada dan 1.0 km kawasan berpasir sepanjang Sungai Perak di Bota Kanan sebagai rezab tuntung bertelur dan 1.0 km radius sebagai kawasan kawalan pembangunan di sepanjang Sungai Perak.

c. Komponen Cadangan


- i. Merezabkan kawasan sepanjang 1.0 km di tebing sungai yang berpasir halus dan bersih sekurang-kurangnya sebagai kawasan habitat dan pendaratan serta sarang untuk bertelur.
- ii. Mengawal pembangunan dalam kawasan jejari 1.0 km dari kawasan pendaratan dan bertelur. Sebarang aktiviti yang boleh mengganggu-gugat ekosistem semulajadi habitat tuntung seperti menyedut pasir hendaklah dilarang sama sekali memandangkan perlombongan pasir boleh menyebabkan tebing runtuh dan menghapuskan tempat bersarang manakala pemendakan lumpur daripada hakisan pula menyebabkan pantai-pantai berpasir dilitupi lumpur dan menghalang tuntung daripada mendarat.
- iii. Mengawasi dengan lebih kerap dan mengawal lebih ketat kawasan pendaratan bagi mengelakkan telur dicuri.
- iv. Meningkatkan aktiviti dan program pembelajaran dan kesedaran awam berkaitan dengan konservasi tuntung.

d. Agensi Terlibat

- i. Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)
- ii. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)
- iii. Jabatan Alam Sekitar (JAS)
- iv. Majlis Daerah Perak Tengah (MDPT)
- v. Pejabat Daerah dan Tanah (PDT)



Tuntung (Batagur Baska)





SKALA 1 : TANPA SKALA

RANCANGAN TEMPATAN

RAJAH 7.2
KAWALAN PEMBANGUNAN DI TEPI SUNGAI PERAK
DI BOTA KANAN

Petunjuk :

- Perumahan
- Komersial
- Industri
- Institusi dan Kemudahan Masyarakat
- Tanah Lapang dan Rekreasi
- Tanah Kosong
- Pengangkutan
- Infrastruktur dan Utiliti
- Pertanian
- Hutan
- Badan Air



Sumber : Kajian Rancangan Tempatan
Daerah Perak Tengah 2030



7.3 STRATEGI 5.3 : PENGURUSAN KAWASAN KSAS YANG EFEKTIF

7.3.1 Pengurusan Kawasan KSAS mengikut Fungsi Kepentingan dan Kesensitifan

a. Pengenalan

Kawasan-kawasan KSAS perlu diurus dengan baik bagi memastikan ianya tidak mendatangkan kemudaratan atau kerugian sumber jika sebarang pembangunan di jalankan. Berikut adalah cadangan utama setelah mengambilkira ciri-ciri kepentingannya kepada manusia dan alam sekitar, tahap risiko dan sebagainya.

b. Cadangan Utama

i. Perlindungan Dan Pengekalan Sepenuhnya KSAS Tahap I iaitu HSK Parit, HSK Pulau Tiga, HSK Kampong Gajah, dan kawasan Santuari Tuntung di Bota Kanan.

Justifikasi : Kawasan ini perlu dipelihara sepenuhnya dan tidak dibenarkan untuk sebarang pembangunan. Hanya dibenarkan untuk aktiviti penyelidikan dan pembelajaran tanpa melibatkan sebarang pembinaan struktur bangunan.

Agensi Terlibat : Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Jabatan Perhutanan dan Majlis Daerah Perak Tengah (MDPT).

ii. Mengawal Pembangunan KSAS Jasad Air Dan Persisiran Sungai Perak Dengan Mengambilkira Aspek Keselamatan Dan Risiko Dari Geobencana.

Justifikasi : Sebagai KSAS jasad air dan persisiran, pembangunan di sepanjang Sungai Perak perlu mempunyai kawalan yang khusus bagi mengelakkan sebarang kerugian dan kehilangan nyawa dan harta benda. Banjir merupakan salah satu geobencana yang boleh menyebabkan kerosakan dan kerugian harta benda, menyebabkan kehilangan nyawa serta keadaan yang huru hara dan kucar kacir. Bagi mengurangkan kerosakan, kematian, kemalangan atau kerugian, *Emergency Response Plan (ERP)* atau langkah siap-siaga perlu dirancang dan didedahkan kepada pihak – pihak yang terlibat. Tindakan yang perlu diambil sebelum, semasa dan selepas banjir berlaku perlu disediakan dan difahami.

Agensi Terlibat : Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Pejabat Tanah Dan Daerah serta Majlis Daerah Perak Tengah (MDPT)

iii. Menyenaraikan Kawasan Tapak Makam – Makam Di Raja Untuk Didaftarkan Di Bawah Senarai Tapak Warisan Bangunan Di Bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005.

Justifikasi : Hanya tiga makam yang telah disenaraikan setakat ini iaitu Makam Sultan Mudzaffar Shah I, Makam Sultan Mudzaffar Shah II dan Makam Sultan Mahmud Shah III.

Agensi Terlibat : Jabatan Warisan Negara Majlis, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Pejabat Tanah Dan Daerah serta Daerah Perak Tengah (MDPT)

iv. Mempertingkatkan Pengurusan Di Kawasan Yang Digazetkan Sebagai Padang Ragut Mengikut Peruntukan Yang Dibenarkan.


Justifikasi : Masih terdapat kira – kira 127.87 hektar yang masih belum diusahakan seperti Pulau Juar, Selat Pulau dan Pasir Kubu untuk memastikan bekalan makanan berasaskan ternakan yang berkekalan.

Agensi Terlibat : Jabatan Veterinar, Jabatan Pertanian, Pejabat Tanah Dan Galian Serta Majlis Daerah Perak Tengah (MDPT)

v. Mewartakan Kawasan – Kawasan Yang Disenaraikan Sebagai Kawasan Sasaran Penting Dan Mengawal Dari Sebarang Pencerobohan.

Justifikasi : Kawasan Sasaran Penting (Rezab Loji Rawatan Air, Rezab Loji Rawatan Kumbahan, Rezab Sub Station TNB ,Rezab TLDM) mempunyai kepentingannya yang tersendiri dari segi fungsi mengikut agensi – agensi berkaitan di mana sebarang gangguan dan pencerobohan boleh menyebabkan gangguan kepada fungsi asal dan boleh mendedahkan kepada risiko keselamatan awam.

Agensi Terlibat : TNB, IWK, LAP, TLDM, Majlis Keselamatan Negara (MKN)




TANPA SKALA

RANCANGAN TEMPATAN

RAJAH 7.3
PENGURUSAN KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR
(KSAS)

- Petunjuk :
- Kawasan Berhutan
 - Kawasan Padi
 - Kawasan Padang Ragut
 - Kolam Takungan



- Loji Rawatan Air Sultan Idris Shah II
- Loji Rawatan Air Teluk Kepayang
- Loji Rawatan Air BB Seri Iskandar
- Loji Rawatan Air Kampong Gajah
- Loji Rawatan Air Kampung Paloh

1. Perlindungan Dan Pengekalan Sepenuhnya KSAS Tahap I

- HSK Hutan Simpan Parit
- HSK Hutan Simpan Pulau Tiga
- HSK Hutan Simpan Kampong Gajah
- Pusat pemuliharaan Tuntung, Bota Kanan

2. Mengawal Pembangunan KSAS Jasad Air Dan Persisiran Sg Perak Dengan Mengambil kira Aspek Keselamatan Dan Risiko Dari Geobencana.

- Sungai Perak
- Cawangan Sungai Perak

3. Menyenaraikan Kawasan Tapak Makam – Makam Diraja Untuk Didaftarkan Di Bawah Senarai Tapak Warisan Bangunan Di Bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005.

- Makam Sultan Mudzaffar Shah I, Makam Sultan Mudzaffar Shah II, Makam Sultan Mahmud Shah III, Makam Sultan Muhammad Shah, Makam Sultan Ahmad Tajuddin Shah, Makam Sultan Mahmud Iskandar Shah, Makam Sultan Alauddin Mughayat Shah, Makam Sultan Abdullah Mu'azam Shah, Makam Sultan Jaafar Mu'azam Shah, Makam Sultan Mahmud, Makam Raja Muda Ahmad Shah, Makam Sultan Abdul Malik Mansur Shah, Makam Sultan Alaudin Mansur Shah Iskandar Shah, Makam Sultan Iskandar Dzulkarnain, Makam Sultan Shahbuddin Riayat Shah, Makam Almarhum Tepus Raja Sulong, Makam Sultan Mudzaffar Shah III, Makam Sultan Alaudin Shah.

4. Mempertingkatkan Pengurusan Di Kawasan Yang Digazetkan Sebagai Padang Ragut Mengikut Peruntukan Yang Dibenarkan.

- Pulau Juar
- Selat Pulau
- Pasir Kubu

5. Mewartakan Kawasan – Kawasan Yang Disenaraikan Sebagai Kawasan Sasaran Penting Dan Mengawal Dari Sebarang Pencerobohan.

- Rezab Loji Rawatan Air
- Rezab Loji Rawatan Kumbahan
- Rezab Sub Station TNB
- Rezab TLDM

Sumber : Kajian Rancangan Tempatan
Daerah Perak Tengah 2030





8.0 CADANGAN PEMBANGUNAN GUNA TANAH 2030

8.1 CADANGAN PEMBANGUNAN GUNA TANAH DAERAH PERAK TENGAH 2030

a. Pengenalan

Peta Cadangan Rancangan Tempatan Daerah Perak Tengah 2030 menerangkan cadangan mengenai penggunaan tanah di dalam tempoh perancangan 2015-2030. Peta cadangan ini menjelaskan jenis-jenis guna tanah sedia ada dan juga cadangan guna tanah pada masa hadapan.

b. Pembentukan Cadangan Pembangunan Guna Tanah 2030

Pembentukan peta cadangan ini mengambil kira wawasan, strategi dan konsep pembangunan serta isu-isu semasa kawasan kajian. Antara faktor-faktor yang diambilkira di dalam penyediaan peta cadangan ini ialah :

- i. Konsep dan strategi pembangunan.
- ii. Kawasan pembangunan sedia ada yang akan dikekalkan.
- iii. Kawasan pembangunan yang telah diluluskan dan akan dikekalkan.
- iv. Cadangan-cadangan jalan raya yang merentasi kawasan kajian.
- v. Lokasi kemudahan awam dan rekreasi sedia ada dan yang akan dikekalkan.
- vi. Laluan rizab utiliti sedia ada.


Rajah 8.1 menunjukkan komposisi guna tanah tepubina dan bukan tepubina Daerah Perak Tengah. Sehingga tahun 2030, guna tanah utama bagi Daerah Perak Tengah adalah berbentuk bukan tepubina. Kawasan pertanian mendominasi guna tanah iaitu seluas 107,912.00 hektar (84.34%).

Pelan Guna Tanah Cadangan 2030 Daerah Perak Tengah (**Rajah 8.2**) merupakan peta pecahan guna tanah bagi 12 blok perancangan yang terdapat di dalam kawasan kajian. Peta ini merangkumi guna tanah sedia ada dan komited yang dikekalkan serta guna tanah cadangan.

Guna tanah pertanian sebahagian besarnya dicadangkan untuk dikekalkan. Kawasan jelapang padi, kelapa sawit, getah, padang ragut dan dusun akan diperkembangkan sebagai sumber ekonomi Daerah Perak Tengah selaras dengan wawasan pembangunan daerah.

Peta cadangan guna tanah dan kelas kegunaan tanah akan diperincikan di dalam Jilid Dua (2) dokumen Rancangan Tempatan Daerah Perak Tengah 2030.


Rajah 8.1 : Cadangan Komposisi Guna Tanah Tepubina dan Bukan Tepubina 2030



Jadual 8.1 : Cadangan Pembangunan Guna Tanah Daerah Perak Tengah Tahun 2030 (Hektar)

JENIS GUNA TANAH	JUMLAH	PERATUS (%)
Tepubina		
Perumahan	3,285.16	2.57
Komersial	218.73	0.17
Industri	196.73	0.15
Pembangunan Bercampur	1,757.65	1.37
Institusi dan Kemudahan Masyarakat	1,989.104	1.55
Tanah Lapang dan Rekreasi	637.20	0.50
Infrastruktur dan Utiliti	1,691.31	1.32
Pengangkutan	2,102.74	1.64
Jumlah Kecil	11,878.56	9.28
Bukan Tepubina		
Pertanian	107,912.00	84.34
Hutan	2,931.24	2.29
Badan Air	5,224.20	4.08
Jumlah Kecil	116,067.44	90.72
Jumlah Besar	127,946.00	100.00


Rancangan Tempatan DAERAH PERAK TENGAH 2030



SKALA 1 : 250,000

RANCANGAN TEMPATAN

RAJAH 8.2 PELAN GUNA TANAH CADANGAN 2030 DAERAH PERAK TENGAH




Petunjuk :

Guna Tanah

- Perumahan
- Komersial
- Industri
- Pembangunan Bercampur
- Institusi Dan Kemudahan Masyarakat
- Tanah Lapang Dan Rekreasi
- Pengangkutan
- Infrastruktur Dan Utiliti
- Pertanian
- Hutan
- Badan Air

Lain-Lain

- Jalan Raya
- Sempadan Blok Perancangan / Mukim
- Sempadan Daerah



Sumber : Kajian Rancangan Tempatan
Daerah Perak Tengah 2030



